

**PERKAHWINAN TIDAK MENGIKUT PROSEDUR:
KAJIAN DI MAHKAMAH SYARIAH
WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR**

MOHD ZAHIRUDDIN FAHMI BIN AHMAD ZAKHI

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**PERKAHWINAN TIDAK MENGIKUT PROSEDUR:
KAJIAN DI MAHKAMAH SYARIAH
WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR**

MOHD ZAHIRUDDIN FAHMI BIN AHMAD ZAKHI

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**PERKAHWINAN TIDAK MENGIKUT PROSEDUR:
KAJIAN DI MAHKAMAH SYARIAH
WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR**

MOHD ZAHIRUDDIN FAHMI BIN AHMAD ZAKHI

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA KURSUS DAN PENYELIDIKAN)**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

ABSTRAK

Prosedur perkahwinan tidak menjadi salah satu syarat sah dalam Islam namun realitinya sekarang telah menjadi suatu kemestian agar perkahwinan itu direkodkan dalam bentuk dokumen supaya pentadbiran mahkamah lebih sistematik dan teratur sepertimana yang terkandung di dalam peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam setiap negeri. Prosedur ini dianggap terlalu rigid bagi pasangan yang ingin berkahwin dan mereka mengambil jalan mudah untuk berkahwin tanpa kebenaran. Oleh itu, penulis telah membincangkan mengenai kebenaran dan kesalahan menegenai perkahwinan yang telah diperuntukan di dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 supaya pasangan jelas terhadap prosedur perkahwinan yang akan dilalui sebelum melangsungkan perkahwinan. Malahan, penulis membuat penilaian berdasarkan metod lapangan melalui statistik kes Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan untuk mengetahui jumlah peningkatan kes yang kerap dilakukan oleh pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran. Hasil tinjauan melalui analisis kes daripada statistik tersebut membuktikan bahawa peningkatan jumlah kes yang berlaku disebabkan kurangnya penguatkuasaan dari sudut undang-undang dalam memberikan hukuman. Penalti yang dikenakan tidak memberi kesan kepada pasangan untuk melakukan kesalahan tersebut. Maka keperluan Undang-undang Keluarga Islam (UUKI) perlu diberi perhatian serius dan ketegasan Hakim dalam memberi hukuman perlu supaya akauntibiliti dapat dilihat dalam menangani permasalahan yang wujud.

ABSTRACT

The marriage procedure does not become a valid condition in Islam. But in reality now it has become compulsory for the marriage to be recorded and documented to enable the Court Administration be more systematic and organized as contained in the provisions of the Islamic family law of each State. This procedure is considered too difficult for couples to get married and they take the easy way without permission. Therefore, the author has discussed the truth and error about marriage that provided for in the Act of the Islamic family law (Federal Territories) Act 1984 for better understanding to be used before organizing the wedding. In fact, the authors make a valuation based on the formulation of the field through Syariah Court cases statistical Kuala Lumpur Federal territory to determine the amount of the increase in regular cases done by couples married without permission. Results of the analysis proved that the increase in the number of cases occur due to the lack of enforcement of the law in granting the sentence. Penalties imposed do not affect the pair guilty of an offence. The requirement of the law should be given serious attention and rigor Judge in a sentence so that accountability can be seen in addressing the problems that exist.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, ungkapan syukur penulis kehadrat Ilahi dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW di atas limpah kurnia-Nya serta izin-Nya yang telah memberi keyakinan dan kekuatan kepada penulis untuk menyiapkan penyelidikan ini. Terima kasih tidak terhingga dan setinggi penghargaan kepada penyelia saya, Prof Madya Dr Raihanah bt Abdullah di atas bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan sumbangan idea yang berterusan sehingga penyelidikan ini selesai.

Kesempatan ini juga, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Musa bin Awang selaku Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Tuan Abu Suffian bin Abu Yaziz selaku Pegawai Penyelidik, Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Puan Fatimah binti Manja selaku Ketua Penolong Pengarah Kanan Pejabat Penasihat Undang-undang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Encik Zulkifli bin Che Yong selaku Peguambela dan Peguamcara, Dato' Zaidi bin Zain selaku Peguam Syarie dan Encik Faiz bin Adnan selaku Peguam Syarie di atas kerjasama dan layanan yang diberikan kerana sudi memberikan maklumat dan bahan-bahan yang berkaitan dengan penyelidikan ini.

Ucapan ini juga ditujukan kepada ayahanda dan ibunda yang disayangi kerana banyak memberi motivasi dan dorongan semangat sehingga penulis berjaya menghadapi segala rintangan dan permasalahan di dalam menyiapkan penyelidikan ini. Akhirnya tidak ketinggalan buat semua teman seperjuangan yang telah terlibat secara langsung atau tidak dalam memberikan kerjasama dalam menyiapkan penyelidikan ini. Semoga

segala kerjasama yang diberikan akan mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T.

Jazakumullahu Khaira Kathira.

Mohd Zahiruddin Fahmi b. Ahmad Zakhi

No 251 Batu 5, Taman Perumahan Dato' Ismail,

Jalan Sultan Mahmud,

Kuala Ibai, 20400,

Kuala Terengganu.

mr.bone_nbc@yahoo.com

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
------------------	----------------

HALAMAN TAJUK	i
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vii
PANDUAN TRANSLITERASI	xi
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	xiii
SENARAI KEPENDEKAN	xiv
SENARAI STATUT	xvi
SENARAI KES	xvii
PEMBAHAGIAN BAB	

BAB SATU : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latarbelakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Kajian Lepas	8
1.8 Skop Kajian	20
1.9 Kaedah Penyelidikan	20
1.9.1 Kaedah Pengumpulan Data	20
1.9.1.1 Kajian Perpustakaan	21
1.9.1.2 Kajian Lapangan	22
1.9.1.2.1 Metod Dokumentasi	22
1.9.1.2.2 Metod Wawancara	22
1.9.2 Kaedah Analisis Data	23

1.9.2.1	Metod Induktif	23
1.9.2.2	Metod Deduktif	24
1.9.2.3	Metod Komparatif	24
1.10	Pecahan Bab	24
1.11	Kesimpulan	26

BAB DUA : KEPERLUAN PERKAHWINAN MENURUT ISLAM DAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (UUKI)

2.1	Pengenalan	28
2.2	Keperluan Perkahwinan Menurut Islam	30
2.3	Keperluan Perkahwinan Dalam Peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam (UUKI)	43
2.3.1	Mahar atau Mas Kahwin	44
2.3.2	Had Umur Perkahwinan	46
2.3.3	Persetujuan Pengantin Perempuan	49
2.3.4	Pendaftaran Perkahwinan	53
2.3.5	Pihak Yang Boleh Mengakadnikahkan Pasangan	56
2.4	Kesimpulan	59

BAB TIGA : PERKAHWINAN TIDAK MENGIKUT PROSEDUR MENURUT AKTA UNDANG-UNDANG KELUARAGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984.

3.1	Pengenalan	61
3.2	Peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam (UUKI) Mengenai Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur	62
3.2.1	Kesalahan Berhubungan Dengan Akad Nikah Perkahwinan	63
3.2.2	Permastautinan	65
3.2.3	Akuan Atau Penyataan Palsu Untuk Mendapatkan Perkahwinan	67

3.2.4	Akad Nikah Perkahwinan Yang Tidak Dibenarkan	68
3.2.5	Poligami Tanpa Kebenaran Mahkamah	71
3.2.6	Tidak Hadir di Hadapan Pendaftar dalam Masa yang Ditetapkan	74
3.3	Kesimpulan	76

**BAB EMPAT : FAKTOR DAN IMPLIKASI PERKAHWINAN TIDAK
MENGIKUT PROSEDUR DI MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.**

4.1	Pengenalan	78
4.2	Faktor Yang Mendorong Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur	79
4.2.1	Hak Wali Yang Tidak Diendahkan	79
4.2.2	Proses Perkahwinan Dan Poligami	82
4.2.3	Tiada Halangan Pergaulan Antara Lelaki Dan Wanita	83
4.2.4	Krisis Budaya Dan Perbelanjaan Perkahwinan	84
4.3	Implikasi Terhadap Hubungan Sosial Dan Undang-Undang	85
4.3.1	Implikasi Dari Sudut Sosial	85
4.3.2	Implikasi Dari Sudut Undang-Undang Keluarga Islam (UUKI)	86
4.4	Analisis Kes Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	90
4.4.1	Berkahwin Bersalah Dengan Bahagian Dua Undang-Undang Keluarga Islam (Kod 165)	92
4.4.2	Poligami Tanpa Kebenaran Mahkamah (Kod 166)	95
4.4.3	Tidak Hadir Di Hadapan Pendaftar NCR (Kod 161)	98
4.4.4	Kesalahan Berhubung Dengan Akad Nikah (Kod 164)	99
4.4.5	Akuan Palsu Untuk Berkahwin (Kod 149)	100
4.4.6	Mengakadnikah Tanpa Kuasa Yang Sah (Kod 163)	101
4.5	Kesimpulan	103

BAB LIMA : RUMUSAN

5.1	Pengenalan	104
5.2	Prosedur Perkahwinan Di Malaysia	104
5.2.1	Proses Permohonan Kebenaran Berkahwin/Poligami Di Dalam Dan Luar Wilayah Persekutuan	105
5.2.2	Proses Permohonan Wali Hakim	108
5.2.3	Proses Permohonan Wali Enggan	111
5.2.4	Proses Permohonan Pendaftaran Pernikahan Luar Negara	112
5.2.5	Proses Permohonan Pendaftaran Perkahwinan Poligami Tanpa Kebenaran (Dalam Dan Luar Negara)	116
5.3	Cadangan Dan Saranan	119
5.3.1	Pihak Berkuasa Agama	119
5.3.2	Penguatkuasaan Secara Bersepada	119
5.3.3	Penalty Yang Lebih Berat Kepada Yang Terlibat	120
5.3.4	Penyelarasan Kepada Agensi-Agenzi Yang Terbabit	121
5.3.5	Pemain Fungsi Kepada Sistem Pentadbiran Perundangan Negeri/Negara	122
5.4	Kesimpulan	124

PANDUAN TRANSLITERASI

Konsonan

Arab	Roman
ء , ا	a, ’
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ

Arab	Roman
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h,t

Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـ (fathah)	a	قَنْتَةٌ	<i>Qanata</i>
ـ (kasrah)	i	سَلِيمٌ	<i>Salima</i>
ـ (dommah)	u	جُعْلَةٌ	<i>ju ‘ila</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ى / ۵	ā	كُبْرَى / بَابٍ	bāb / kubrā
ي	ī	وَكِيلٌ	Wakīl
و	ū	سُورَةٌ	Sūrah

Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
أو	aw	فَوْلٌ	Qawl
أي	ay	خَيْرٌ	Khayr
عو	uww	فُوْهَةٌ	Quwwah
إي	iyy, ī	عَرَبِيٌّ	'arabiyy/ī

SENARAI JADUAL DAN RAJAH

- Carta 5.1 : Proses Permohonan Kebenaran Berkahwin/Poligami Di Dalam dan Luar Wilayah Persekutuan
- Carta 5.2 : Proses Permohonan Wali Hakim
- Carta 5.3 : Proses Permohonan Wali Enggan
- Carta 5.4 : Proses Permohonan Pendaftaran Pernikahan Luar Negara
- Carta 5.5 : Proses Permohonan Pendaftaran Perkahwinan Poligami Tanpa Kebenaran (Dalam Dan Luar Negara)
- Jadual 3.1 : Kesalahan Dan Penalti Bagi Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur
- Jadual 4.1 : Statistik Kes Poligami Tanpa Kebenaran Mahkamah Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan
- Jadual 4.2 : Statistik Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dari Tahun 2006 hingga 2012
- Jadual 4.3 : Statistik Perkahwinan Tanpa Kebenaran Mahkamah Mengikut Negeri
- Rajah 4.1 : Graf Perbandingan Kod Kes Mengikut Tahun Berdasarkan Statistik Kes Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur

SENARAI KEPENDEKAN

SWT	-	<i>Subḥānāhu wa ta'āla</i>
SAW	-	<i>Sallallahu 'alaihi wa sallam</i>
EKIM	-	Enakmen Keluarga Islam Malaysia
R.A	-	<i>Radiyallahu 'Anhu</i>
TERJ	-	Terjemahan
BIL	-	Bilangan
JIL	-	Jilid
HIV	-	<i>Human Immunodeficiency Virus</i>
LWN	-	Lawan
JH	-	Jurnal Hukum
MLJ	-	<i>Malayan Law Journal</i>
CET	-	Cetakan
ED	-	Editor
IKIM	-	Institut Kefahaman Islam Malaysia
B	-	Bin
BT	-	Binti
NCR	-	Nikah Cerai Rujuk
RM	-	Ringgit Malaysia
ET.AL	-	<i>And Others</i>
V	-	<i>Versus</i>
HJ	-	Haji
Sdn Bhd	-	Sendirian Berhad

BPPK	-	Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga
MBKPPI	-	Modul Bimbingan Kursus Pra-Perkahwinan Islam
JAWI	-	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
JAKIM	-	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
PGSM	-	Persatuan Peguam Syarie Malaysia
UUKI	-	Undang-Undang Keluarga Islam

SENARAI STATUT

- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (Bil 7/2008)
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003 (Bil 17/2003)
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perak 2004
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 2002
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (1983) Kelantan
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Melaka 2002
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Johor 2003
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pulau Pinang 2004
- Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak 2001
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Sabah 2004
- Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Negeri Terengganu 1985
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam Perlis 1992
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978
- Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak

SENARAI KES

Syed Abdullah Al-Shatiri lwn Shariffa Salmah

Haji Mohamed lwn Bahrunnasran dan Mazliani binti Mohamed

Hasmah binti Sharie lwn Juhari bin Abdul Ghani

Pegawai Agama Jajahan Tumpat Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Jajahan Tumpat lwn

Shahrudin b. Hamzah dan seorang lagi

Kholed bin Dinyati lwn. Ketua Pendakwa Syarie Melaka

Zainal Abidin bin Mohamed lwn Norziah binti Mohd Nor

Haji Mohamed lwn Bahrunnasran dan Mazliani binti Mohamed

Dalam Perkara Zulshafari Abd Rashed

Husin V.Saayah dan Mat Hassan

Pendakwa Mahkamah Syariah lawan Mohd Zakari Dan Siti

Pendakwa Syarie Kelantan lawan Mat Rahim dan Nik Azimah

Kes Mal No: 14300-011-0056-2010

Kes Mal No: 14002-010-0307-2007

Kes Mal No : 14002-010-1180-2009 & 14002-099-1211-2009

Kes Mal No : 14600-010-0569-2010

Kes Jenayah Syariah No : 14003-165-0195-2012

Kes Jenayah Syariah No: 14003-165-0173-2011

Kes Jenayah Syariah No: 14003-165-0298-2012

Kes Jenayah Syariah No: 14003-166-0299-2012

Kes Jenayah Syariah No: 14003-166-0101-2012

Kes Jenayah Syariah No: 14003-166-0092-2012

Kes Jenayah Syariah No: 14003-161-0210-2011

Kes Jenayah Syariah No: 14003-161-0013-2012

Kes Jenayah Syariah No: 14003-161-0091-2012

Kes Jenayah Syariah No: 14008-164-0379-2012

Kes Jenayah Syariah No: 14003-149-0015-2010

Kes Jenayah Syariah No: 14008-163-0522-2012

BAB SATU :

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Menurut pandangan Islam, perkahwinan adalah salah satu ibadah. Oleh itu, ia perlu dilaksanakan mengikut ketetapan syariat. Melalui perkahwinan, seseorang itu dapat membina keluarga kerana ia merupakan suatu saluran untuk seseorang itu menunaikan ibadah iaitu dengan membelanjakan wang untuk keperluan keluarganya, memberikan pendidikan, menunaikan solat berjemaah dan sebagainya. Sepertimana Firman Allah Taala iaitu:

وَمِنْ أَيَّتِهِ أَنَّ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ

بَيْتَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١﴾

Ar-Rum 30:21

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

Perkahwinan ini juga bertujuan untuk membina kerukunan rumahtangga agar ia selari dengan tuntutan agama dan juga merupakan satu tanggungjawab yang berat yang harus dipikul setiap individu yang ingin berkahwin. Ini kerana melalui perkahwinan juga perkembangan zuriat akan berlaku dan terjadi perhubungan di antara dua buah keluarga yang wajib dilaksanakan dengan mengikut perintah-Nya agar tidak timbul masalah di kemudian hari.

Justeru itu, mengenai penetapan tentang aturan perkahwinan untuk manusia juga telah ditentukan oleh Allah SWT dengan peraturan yang tidak boleh dilanggar dan wajib dipatuhi selagi mana dia bergelar manusi. Di dalam sumber perundangan Islam yang utama iaitu al-Quran dan al-Hadith telah menggariskan hukum-hukum yang berkaitan dengan perkahwinan khususnya mengenai peminangan sebagai permulaan di dalam perkahwinan, mahar atau mas kahwin, upacara akad nikah, kerukunan dalam rumahtangga, perceraian, rujuk, i'dah, mut'ah dan sebagainya.¹

Selain itu urusan pernikahan juga merupakan sebahagian daripada urusan agama yang termasuk di dalam bidang kuasa negeri-negeri di Malaysia seperti yang telah diperuntukkan di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan Senarai 2 Perlembagaan Negeri yang mana telah menyebut pentadbiran urusan agama diletakkan di bawah bidangkuasa setiap negeri. Di samping itu peruntukan tersebut menjelaskan tentang pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam (selepas ini dirujuk sebagai UUKI) tersebut

¹Amir Husin Md Nor, Siti Safwati Binti Mohd Shari, “Faktor Penyebab Perkahwinan Tanpa Kebenaran Di Luar Negara: Satu Kajian Di Mahkamah Syariah Muar,” *Jurnal Syariah* 14, 2 (Julai-Disember 2006), 145.

dibuat berdasarkan kemampuan, pengetahuan, pengalaman dan kedudukan kewangan pihak berkuasa negeri.²

1.2 Latar Belakang Kajian

Islam merupakan agama yang sempurna dan lengkap dari segenap aspek. Dalam pembinaan institusi kekeluargaan, Islam mempunyai peraturan dan tatacara yang tersendiri dalam memelihara kualiti sesebuah rumah tangga yang dibina dalam suasana harmoni dan diredhai Allah SWT. Di dalam perundangan Islam, bagi pasangan yang ingin berkahwin perlu mematuhi hukum-hukum yang diperundangkan oleh syarak dan UUKI yang digubal oleh pemerintah selagi ia tidak bertentangan dengan agama Islam.

Dalam sebuah ikatan perkahwinan yang sah, ia mestilah mengikut syarat-syarat dan rukun-rukun yang tertentu. Di antara syarat terpenting di dalam sebuah ikatan perkahwinan ialah perempuan yang ingin berkahwin mestilah mempunyai wali sama ada seorang gadis ataupun janda. Para wali mempunyai urutan dan tingkatannya yang tersusun rapi. Oleh itu setiap gadis yang ingin berkahwin pada kebiasaannya yang menjadi wali ialah ayah atau datuknya atau wali mewakilkan kepada orang lain seperti imam, kadi dan seumpamanya mengikut amalan setempat. Ini bermakna persetujuan wali dalam sebuah ikatan perkahwinan amat diperlukan. Terdapat juga kes pasangan yang berkahwin dengan berwali hakim melalui Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk kerana bimbang hubungan mereka tidak direstui oleh keluarga. Setelah disedari, bapa perempuan terkejut apabila mengetahui perkara tersebut sedangkan dia masih hidup untuk menjadi wali pernikahan anak

² *Ibid.*, 146.

perempuannya.³ Kesan daripada masalah yang timbul itu, maka wujudlah masalah perkahwinan tidak mengikut prosedur dan hasilnya pelbagai tanggapan atau kesan negatif yang dihadapi oleh pasangan sama ada dari segi perundangan, sosial dan seumpamanya.⁴

Sehubungan dengan itu, UUKI bagi setiap negeri di Malaysia yang sedia ada adalah wajar diperuntukan untuk menjamin kemaslahatan dan kesejahteraan sosial. Oleh itu setiap pasangan yang ingin berkahwin perlu mengikut prosedur perkahwinan yang telah ditetapkan di dalam UUKI bagi mengelak daripada timbulnya masalah yang boleh mendarangkan kemudharatan di kemudian hari. Walaupun peraturan yang ditetapkan tidak menjadi syarat kepada sahnya sesuatu perkahwinan tetapi pelanggarannya tetap menyalahi UUKI.

1.3 Permasalahan Kajian

Prosedur perkahwinan tidak menjadi salah satu syarat sah dalam Islam. Namun realitinya sekarang telah menjadi sesuatu yang penting. Sehubungan itu, perkahwinan mengikut prosedur menjadi keutamaan dan kemestian agar perkahwinan itu direkodkan dalam bentuk dokumen supaya pentadbiran negara lebih sistematik dan teratur. Dengan adanya prosedur perkahwinan ini segala penyelewengan yang berlaku sama ada sebelum atau selepas berkahwin dapat diatasi khususnya apabila pihak isteri dan anak-anak membuat tuntutan di mahkamah. Tambahan pula prosedur perkahwinan ini amat penting untuk menjamin hak pihak-pihak yang ada di bawah UUKI dilindungi dan terpelihara.

³ Waziha Wahid, “Bapa Terkejut Anak Berkahwin Dengan Pemuda Bangladesh,” *Kosmo!*, 3 Disember 2013, 14.

⁴ Najibah Mohd Zin, “Mahar Wajib Dalam Perkahwinan,” *Kosmo!*, 14 November 2014, 27.

Dalam konteks Malaysia, selain mematuhi tuntutan syarak dalam melaksanakan perkahwinan yang sah, seserorang individu yang ingin berkahwin terikat kepada prosedur dan keperluan perkahwinan di dalam UUKI di bawah akta atau enakmen setiap negeri. Selain itu keperluan perkahwinan juga merangkumi permohonan kebenaran berkahwin, penetapan umur minimum, penentuan status perkahwinan, perkahwinan di hadapan pendaftar yang bertauliahan, penentuan tempat perkahwinan dan permohonan poligami. Oleh itu, dengan peruntukkan yang ada di dalam akta atau enakmen bagi setiap negeri seolah-olah menjadi terlalu rigid bagi pasangan yang ingin berkahwin. Seterusnya pasangan mengambil jalan mudah dengan berkahwin tanpa mengikut prosedur yang lazimnya dilakukan di selatan Thailand, melalui kahwin sindiket dan seumpamanya.⁵ Hal ini kerana prosedur dan proses perkahwinan di selatan Thailand lebih cepat dan kos yang murah menjadi faktor ramai pasangan di Malaysia berkahwin di sana dan secara purata seharian mencapai 30 pasangan atau kira-kira 1,000 orang setiap bulan.⁶

1.4 Persoalan Kajian

Melihat kepada permasalahan kajian di atas, yang menjadi pertanyaan kepada kajian ini ialah:

1. Adakah keperluan perkahwinan dalam perundangan kontemporari bertepatan dengan perundangan fiqh?
2. Apakah justifikasi penalti peruntukkan UUKI mengenai perkahwinan tidak mengikut prosedur?

⁵ Amran Awaluddin, “Kes Pernikahan Tanpa Izin: Isu dan Cabaran,” *Jurnal ILIM* 3, (2010), 107.

⁶ Yatimin Abdullah, “30 pasangan Malaysia kahwin di Thailand setiap hari,” *Kosmo!*, 19 September 2013, 1-2.

3. Adakah hukuman yang dikenakan berpatutan dengan kesalahan yang dilakukan?

4. Adakah setiap permohonan perkahwinan mempunyai proses atau prosedur yang sama perlu dilakukan oleh setiap pasangan?

1.5 Objektif Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, penulis telah menetapkan beberapa objektif bagi memastikan matlamat kajian penulis tercapai. Objektif-objektif tersebut ialah:

1. Untuk mengkaji prosedur perkahwinan menurut Hukum Syarak dan peruntukan UUKI Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

2. Untuk menjelaskan konsep perkahwinan tidak mengikut prosedur di dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

3. Untuk menganalisis faktor dan implikasi perkahwinan tidak mengikut prosedur.

4. Untuk menganalisis kes-kes yang berkaitan kesalahan bagi perkahwinan tidak mengikut prosedur yang telah disabitkan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

1.6 Kepentingan Kajian

Peningkatan kadar perkahwinan tidak mengikut prosedur, kekurangan maklumat tentang prosedur perkahwinan serta kesan dan hukuman perkahwinan tidak mengikut prosedur menurut UUKI mendorong penulis untuk membuat kajian mengenainya. Penulis merasakan kajian ini penting kerana masyarakat Islam khususnya dapat mengetahui akibat

perkahwinan tidak mengikut prosedur dan hukuman terhadap pasangan yang didapati melanggar UUKI. Walaupun sudah ada kajian dibuat mengenainya, tetapi penulis merasakan kajian ini penting kerana ianya lebih memfokuskan tentang kedudukan hukuman di dalam peruntukan UUKI di Wilayah Persekutuan. Melalui peruntukan UUKI ini juga, kita dapat mengetahui persamaan dan perbezaan di dalam Islam mengenai prosedur perkahwinan dan penguatkuasaan UUKI yang diamalkan di Malaysia.

Penulis juga merasakan kajian ini penting kerana dapat membantu pelbagai pihak mengetahui situasi sebenar yang berlaku di negara kita dan supaya masalah ini dapat ditangani sebaik mungkin pada masa-masa akan datang. Akhirnya kita akan dapat melihat sejauhmana keberkesanan hukuman yang dikenakan terhadap pasangan tersebut berdasarkan Undang-Undang Jenayah Syariah yang diamalkan di Malaysia sehingga kini.

Apa yang paling penting, kajian ini juga akan membantu para hakim bicara kes perkahwinan tidak mengikut prosedur untuk membuat pertimbangan kadar denda yang sewajarnya. Faktor-faktor yang mempengaruhi pertimbangan para hakim bicara juga boleh menjadi satu panduan kepada pihak pengamal Undang-Undang negara kita dalam menghadapi kes seperti ini. Selain itu, kajian ini juga penting bagi memberi kemudahan dan kefahaman kepada masyarakat supaya mengetahui prosedur perkahwinan di dalam UUKI. Hasil kajian ini juga boleh dijadikan panduan bagi pasangan yang teraniaya setelah melakukan perkahwinan tidak mengikut prosedur untuk menuntut keadilan.

1.7 Kajian Lepas

Penulisan dan kajian mengenai UUKI paling banyak ditulis dan dikaji di Malaysia kerana perkara-perkara yang berkaitan dengan kekeluargaan Islam diamalkan dan dilaksanakan sepenuhnya dalam kehidupan masyarakat Malaysia sejak dahulu lagi. Penulisan-penulisan tersebut bercampur aduk antara perbincangan dari perspektif Hukum Syarak dan juga kepada penulisan perundangan berdasarkan peruntukan-peruntukan kekeluargaan dalam enakmen pentadbiran agama Islam.⁷ Sekiranya diperhatikan kepada penulisan dan kajian mengenai perkahwinan di Malaysia, kebanyakannya tertumpu kepada topik kahwin lari sepetimana yang dijelaskan oleh Mahamad Arifin⁸ kahwin lari bermaksud perkahwinan yang tidak mengikut Akta atau Enakmen UUKI dan tidak dipersetujui oleh wali pengantin. Penulisan-penulisan tersebut telah mula membincangkan isu-isu kahwin lari dengan lebih kritis dan komprehensif terutama menganalisis isu-isu berbangkit seperti kedudukan kahwin lari, faktor-faktor berlakunya kahwin lari, implikasi kahwin lari, kesalahan dan penalti serta cadangan untuk mengurangkan kes kahwin lari. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang dibuat menyentuh isu prosedur perkahwinan dalam negeri dan luar Malaysia secara ringkas. Penulisan-penulisan tersebut belum lagi memfokuskan secara menyeluruh mengenai perkahwinan tidak mengikut prosedur yang boleh ditakrifkan sebagai perkahwinan tanpa izin Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk dan Hakim Syarie.⁹

⁷ Raihanah Abdullah, “Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia: Satu Sorotan Literatur,” dalam *Mahkamah Syariah di Malaysia Pencapaian dan Cabaran*, ed.Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 125.

⁸ Mahamad Ariffin, “Kahwin Lari: Masalah Dan Penyelesaiannya,” dalam *Undang-Undang Keluarga Dan Prosedur*, ed. Najibah Mohd Zin et.al., (Selangor : Jabatan Undang-Undang Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2009), 11-18.

⁹ Boestamam Ahmad Dan Farah Safura Muhammad, *Dari Fail Mahkamah Syariah*,(Kuala Lumpur: Inteam Publishing Sdn Bhd, 2011), 62.

Oleh itu, penulis akan mengulas penulisan-penulisan berkaitan dengan prosedur perkahwinan tersebut dalam kajian perkahwinan tidak mengikut prosedur ini yang merangkumi beberapa aspek seperti prosedur perkahwinan dalam Islam dan UUKI, kepentingan prosedur pendaftaran perkahwinan, implikasi perkahwinan tidak mengikut prosedur serta penalti dan hukuman yang dikenakan bagi perkahwinan tidak mengikut prosedur. Pemerhatian kepada aspek prosedur perkahwinan menurut Islam menunjukkan tajuk yang berkaitan dengan pensyariatan perkahwinan dalam Islam yang meliputi syarat perkahwinan, rukun perkahwinan dan peranan wali dalam perkahwinan. Perkara-perkara ini telah dibahas dengan jelas di dalam kitab fiqh seperti *Al-Umm*,¹⁰ *Mughni Muhtaj*,¹¹ *Al-Iqna'*,¹² dan *Ahkamul Ahkam*.¹³ Selain itu, melalui penulisan ilmiah juga ada membincangkan tentang perkara tersebut seperti Mohamad Som Sujiman dan Abdul Basir Mohamad,¹⁴ Ismail Ali,¹⁵ Ahmad Ibrahim,¹⁶ Nurhidayah Muhd. Hashim¹⁷ dan Raihanah Abdullah¹⁸ yang menyatakan bahawa agama Islam telah menggariskan beberapa keperluan dalam melaksanakan ikatan perkahwinan. Antaranya ialah rukun nikah yang melibatkan pengantin lelaki, pengantin perempuan, wali iaitu bapa pengantin perempuan atau pengantinya, dua orang saksi lelaki dan lafaz *ijab* dan *qabul*.

¹⁰ Al-Shāfi’i, *al-Umm* (Beirut: Dār al-Kutb al-‘Ilmiah, 2002), 5: 25.

¹¹ Shirbini, *Mughnī al-Muhtāj: ilā Ma’rifah Mā ’āni Alfāz al-Minhāj* (al-Qāhirah: Maṭba’ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī, 1958), 5:226.

¹² Shirbini, *al-Iqna fi Ḥal Alfāz Abī Shujā’* (Mesir: Maṭba’ah Muṣṭafa al-Bābī, 1940), 2: 245.

¹³ Naqiyuddin Ibn Fathi Shahir, *Aḥkāmul Aḥkām* (Beirut: Dār al-Kutb al-‘Ilmiah, 2005), 2.

¹⁴ Mohamad Som Sujiman dan Abdul Basir Mohamad, *Fikah Kekeluargaan* (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2007), 19-76.

¹⁵ Ismail Ali, *Mutiara Fiqih* (Perniagaan Jahabersa, 1997).

¹⁶ Ahmad Ibrahim, *Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia*, Malayan Law Journal Sdn Bhd, 1999).

¹⁷ Nurhidayah Muhd. Hashim, “Kedudukan Wali Berdasarkan Hukum *Fiqh* Dan Peruntukan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia,” *Jurnal Tasawwur Islam* 6, (2004).

¹⁸ Raihanah Abdullah, “Prosedur Perkahwinan,” dalam *Undang-Undang Islam Di Malaysia Prinsip Dan Amalan*, ed. Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2007), 3.

Justeru itu sesuatu perkahwinan dianggap sah sekiranya pasangan yang hendak berkahwin memenuhi segala rukun dan syarat tersebut. Namun prosedur pertama dalam melaksanakan perkahwinan menurut Islam ialah melalui pinangan yang bertujuan membolehkan setiap lelaki dan wanita mengenali pasangan masing-masing. Oleh yang demikian, Islam membenarkan lelaki melihat perempuan yang ingin dipinangnya mengikut batas-batas yang dibenarkan oleh syarak. Hal ini kerana pinangan hanyalah perjanjian untuk berkahwin bukan merupakan akad perkahwinan. Perbincangan topik ini telah dikupas dalam penulisan Mohd Saleh Ahmad,¹⁹ Raihanah Abdullah,²⁰ Noraini Mohd Hashim²¹ dan Nik Noriani Nik Badli Shah.²²

Melalui penelitian terhadap penulisan tentang prosedur perkahwinan menurut UUKI, Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah²³ menggambarkan bahawa wujud perbezaan di antara prosedur perkahwinan menurut Islam dan UUKI. Perbezaan yang dimaksudkan ialah syarat untuk merekodkan sesuatu perkahwinan itu tidak ditetapkan oleh agama Islam tetapi menjadi ketetapan dalam UUKI untuk direkodkan. Ini bermakna, tidak terdapat larangan dari agama Islam untuk berbuat demikian demi kemaslahatan bersama dalam institusi kekeluargaan.

¹⁹ Mohd Saleh Ahmad, “*Perkahwinan Dan Perceraian Dalam Islam*,” (Pustaka Haji Abdul Majid Sdn Bhd, 2009).

²⁰ Raihanah Abdullah, “Prosedur Perkahwinan,” 4-7.

²¹ Noraini Mohd Hashim, “Prosedur Dan Pendaftaran Perkahwinan” dalam *Undang-Undang Keluarga (Islam)*, ed. Najibah Mohd Zin et al., (Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 14: 1-39.

²² Nik Noriani Nik Badli Shah, *Perkahwinan Dan Perceraian Di Bawah Undang-Undang Islam* (Penerbit International Law Book Services, 2002).

²³ Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, “Formaliti Dan Prosedur Perkahwinan,” *Jurnal Syariah* 4, 2 (1996).

Buktinya dalam penulisan Ahmad Hidayat Buang²⁴ dan Rahimin Afandi²⁵ telah menjelaskan bahawa satu draf UUKI yang berkaitan dengan perkara perkahwinan dan perceraian telah disusun pada tahun 1916-1917 di Mesir. Perundangan tersebut telah merangka peruntukan mengenai pendaftaran bagi setiap perkahwinan, perceraian dan pengawalan terhadap poligami bagi masyarakat Arab ketika itu. Namun begitu, draf undang-undang tersebut gagal dilaksanakan kerana mendapat tentangan yang kuat dari masyarakat. Selepas itu, di Malaysia dan Indonesia juga telah merangka UUKI iaitu Undang-undang No.1 Tahun 1974 Indonesia dan Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984. Hakikatnya, di Malaysia telah wujud beberapa perundangan menyentuh isu kekeluargaan Islam dan ianya dikenali sebagai Ordinan Perkahwinan Orang-orang Islam di Pulau Pinang 1880. Antaranya telah diperuntukkan mengenai keperluan pendaftaran nikah cerai orang-orang Islam.

Ahmad Hidayat Buang dan Rahimin Afandi juga menyimpulkan setiap negara Islam mempunyai kod UUKI masing-masing yang mempunyai persamaan dalam mentadbir dan mengawal UUKI tersebut. Pengkodifikasian UUKI itu merangkumi persoalan mengenai perkahwinan bawah umur, pendaftaran perkahwinan dan perceraian, *talaq*, dan poligami. Namun, persoalan mengenai pendaftaran perkahwinan inilah yang menjadi tajuk kajian penulis. Selepas UUKI digubal, setiap perkahwinan atau perceraian hendaklah didaftar. Syarat mendaftar perkahwinan merupakan satu elemen yang penting dalam UUKI masa kini. Hal ini kerana, walaupun pasangan yang hendak berkahwin tidak mendaftar

²⁴ Ahmad Hidayat Buang, "Reformasi Undang-undang Keluarga Islam," *Jurnal Syariah* 15, 1 (Januari 1997), 35-44.

²⁵ Rahimin Affandi Abd Rahim, Paizah Ismail, Norhayati Mohd Dahlal, "Reformasi Undang-undang Keluarga Islam Di Malaysia : Satu Analisis Terhadap Gagasan Konsep Fiqh Semasa," *Jurnal Syariah* 16, 2 (2008).

perkahwinan, ianya tidak menjaskan keesahan perkahwinan tersebut. Kegagalan mendaftar perkahwinan tersebut menyebabkan pasangan yang berkenaan hilang hak atau kebenaran untuk menuntut di Mahkamah Syariah.

Dalam penelitian Ahmad Ibrahim²⁶ dan Tahir Mahmood²⁷ pula, amalan pendaftaran perkahwinan ini juga turut diperlakukan di beberapa negara Islam lain seperti Brunei (*Religious Council, Kathis' Court And State Customs Enactment 1955*), Mesir (*Law No.56 of 1923*), Syria (*The Syrian Law Of Personal Status 1953*), Pakistan (*Pakistan Muslim Family Ordinance 1981*), Indonesia (Nombor 22 Tahun 1946) dan lain-lain. Bahkan, Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah²⁸ menyatakan bahawa di Syria menambah syarat yang harus dilengkapi oleh setiap pasangan yang hendak berkahwin ialah mempunyai surat keterangan doktor mengenai penyakit yang dialami pasangan supaya pasangan tidak mempunyai penyakit yang berjangkit.

Penulisan-penulisan tersebut menunjukkan bahawa setiap negara mempunyai peruntukan UUKI masing-masing yang mengandungi perkara mengenai pendaftaran perkahwinan, syarat, prosedur, kelayakan dan keperluan perkahwinan. Sekiranya setiap pasangan gagal untuk mendaftarkan perkahwinan mereka, hak-hak mereka juga terlucut dari proses perundangan. Hanya Mesir yang mempunyai sedikit perbezaan di mana tiada peruntukan khusus mengenai pendaftaran perkahwinan tetapi menetapkan bahawa setiap perkahwinan seorang lelaki mestilah berumur 18 tahun dan perempuan mestilah berumur 16 tahun untuk membolehkan perkahwinan didaftarkan. Sekiranya pasangan tersebut belum

²⁶ Ahmad Ibrahim , *The Status Of Muslim Women In Family Law In Malaysia, Singapore, Brunei* (Malayan Law Journal Ltd, 1965).

²⁷ Tahir Mahmood, *Family Law Reform In The Muslim World* (The Indian Law Institute New Delhi, 1972).

²⁸ Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, “Formaliti Dan Prosedur Perkahwinan,”

mencapai umur layak berkahwin, perkahwinan boleh dilaksanakan tetapi sebarang tuntutan yang berlaku tidak dilayan oleh pihak mahkamah kerana dikira sebagai tidak mendaftar perkahwinan.

Selain perbincangan terhadap prosedur pendaftaran perkahwinan, beberapa penulisan ilmiah mengenai prosedur perkahwinan yang perlu diikuti oleh setiap pasangan turut dikupas oleh Noraini Mohd Hashim,²⁹ Rahimin Affandi Abd Rahim,³⁰ Ahmad Ibrahim,³¹ Abu Bakar Ahmad,³² dan Wan Ab. Rahman Khudri Wan Abdullah.³³ Berdasarkan penelitian mereka, selain memenuhi tuntutan agama Islam, seseorang yang ingin berkahwin perlulah mengikut keperluan yang ditetapkan oleh UUKI di Malaysia. Keperluan yang dimaksudkan ialah had umur minima bagi lelaki dan perempuan untuk berkahwin, persetujuan pengantin perempuan, mas kahwin dan pendaftaran. Setiap keperluan ini mempunyai tujuan dan kepentingan dalam perkahwinan menurut UUKI.

Kenyataan ini disokong oleh Raihanah Abdullah³⁴ yang menyatakan bahawa di antara tujuan melaksanakan ketetapan atau keperluan tersebut ialah supaya tidak berlaku perkahwinan bawah umur yang boleh merosakkan perkahwinan. Hal ini disebabkan kanak-kanak tidak ada keperluan untuk berkahwin kerana tidak mencapai objektif perkahwinan itu sendiri. Selain itu, perkahwinan yang dilaksanakan hendaklah dilakukan dengan kerelaan kedua belah pihak termasuk persetujuan wali.

²⁹ Noraini Mohd Hashim, “Prosedur Dan Pendaftaran Perkahwinan,”

³⁰ Rahimin Affandi Abd Rahim, Paizah Ismail, Norhayati Mohd Dahlal, “Reformasi Undang-undang Keluarga Islam Di Malaysia: Satu Analisis Terhadap Gagasan Konsep Fiqh Semasa,”

³¹ Ahmad Ibrahim, “Undang-undang Keluarga Islam,” 227.

³² Abu Bakar Ahmad, “Kaedah Pendaftaran Nikah Luar Negeri Bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan,” *Jurnal Hukum* 21, 2 (2006),

³³ Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, “Formaliti Dan Prosedur Perkahwinan,”

³⁴ Raihanah Abdullah, “Prosedur Perkahwinan,” 10-25.

Malah dalam penulisan beliau juga ada mengupas mengenai peruntukan UUKI yang menetapkan hanya tiga orang sahaja yang boleh mengakadnikahkan pasangan yang ingin berkahwin iaitu wali pihak perempuan, wakil wali atau pendaftar sebagai wakil wali. Melihat kepada keperluan UUKI mengenai perkahwinan, adalah sesuatu yang baik dan wajar supaya setiap perkahwinan tidak dilangsungkan sewenang-wenangnya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Setiap pasangan juga harus mengikut kepada setiap keperluan di dalam soal melaksanakan perkahwinan agar perkahwinan itu sah di sisi agama Islam mahupun UUKI. Perkahwinan yang diperakui oleh UUKI ialah apabila pihak berwajib mengeluarkan sijil perakuan pernikahan yang mengandungi maklumat pasangan. Sekiranya berlaku masalah akibat tidak mendaftarkan perkahwinan, UUKI tidak akan melayan sebarang kes yang berkaitan dengan permasalahan rumah tangga.

Selain itu, Rahimin Affandi Abd Rahim³⁵ turut mengulas bahawa diantara prosedur lain yang perlu dipatuhi ialah keperluan untuk mengikuti kursus pra-perkahwinan yang dikenali sebagai Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam. Beliau menyimpulkan bahawa kursus ini dilaksanakan bagi setiap pasangan yang hendak berkahwin. Syarat ini merupakan salah satu prinsip dan pendekatan yang digubal dalam Enakmen Keluarga Islam Malaysia (EKIM) yang bertujuan untuk mendedahkan segala maklumat yang terpenting dalam kehidupan berumahtangga.

Analisis mengenai keperluan untuk menjalani pemeriksaan darah juga dibuat oleh Azman Ab Rahman, Syed Salim Syed Shamsuddin, Mushaddad Hasbullah dan Yasmin

³⁵ Rahimin Affandi Abd Rahim, Paizah Ismail, Norhayati Mohd Dahlal, "Reformasi Undang-undang Keluarga Islam Di Malaysia : Satu Analisis Terhadap Gagasan Konsep Fiqh Semasa,"

Hanani Mohd Safian³⁶ di dalam buku Perlaksanaan Ujian HIV bagi Bakal Pengantin Dari Perspektif Syariah & Undang-Undang. Berdasarkan penelitian dan observasi mereka menyatakan bahawa keperluan bagi setiap pasangan yang hendak berkahwin hendaklah menjalani ujian pemeriksaan darah. Walaupun keperluan ini agak keterlaluan tetapi ianya dianggap sebagai keperluan mendesak (maslahah) pada masa akan datang. Ianya bertujuan untuk mengelakkan seorang calon pengantin yang tidak berdosa secara tidak sengaja menghidap penyakit AIDS. Namun bukan isu ini yang hendak dikaji, tetapi yang menjadi persoalan ialah tentang keperluan-keperluan tersebut menjadi syarat bagi setiap pasangan yang hendak berkahwin.

Penulis berpendapat bahawa setiap keperluan dan syarat yang perlu dipatuhi oleh setiap pasangan yang hendak berkahwin mempunyai baik dan buruknya. Tujuan ianya diperuntukkan adalah untuk menjaga kabajikan kehidupan berumahtangga, namun keburukannya ialah mendatangkan kesukaran dan masalah kepada pasangan yang terlibat. Oleh kerana wujudnya prosedur yang ketat ini menyebabkan pasangan memilih jalan yang mudah dan senang untuk berkahwin tanpa mengikut prosedur walaupun perkahwinan mereka sah di sisi syarak.

Setiap permohonan perkahwinan yang dipraktikkan dalam perundangan kini memerlukan kebenaran Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk atau mahkamah sebagai prasyarat sebelum berkahwin. Ianya meliputi permohonan perkahwinan biasa mahupun permohonan perkahwinan dengan izin mahkamah. Ketetapan prosedur perkahwinan dalam

³⁶ Azman Ab Rahman, Syed Salim Syed Shamsuddin, Mushaddad Hasbullah dan Yasmin Hanani Mohd Safian, "Perlaksanaan Ujian HIV Bagi Bakal Pengantin Dari Perspektif Syariah & Undang-Undang,"(Penerbit USIM: Universiti Sains Islam Malaysia, 2007), 36-40.

negeri dan prosedur perkahwinan di luar negeri membuktikan bahawa syarat dan keperluan tersebut mempunyai kepentingan pihak-pihak yang terlibat di sisi perundangan untuk menjamin hak-hak kebijakan kekeluargaan pada masa akan datang. Oleh itu, pendaftaran perkahwinan amat penting untuk dijadikan catatan mahkamah sebagai rekod.

Oleh itu, dengan peruntukan yang ada di dalam akta atau enakmen negeri-negeri ini adalah untuk memastikan setiap perkahwinan yang dilakukan sama ada dalam negeri maupun di luar negeri itu adalah sah mengikut syarak dan perundangan Malaysia. Dengan ketetapan itu juga, perkahwinan luar negeri boleh direkodkan dan didaftarkan di bawah **UUKI**.

Ini bermakna, prosedur pendaftaran perkahwinan merupakan sesuatu yang penting untuk dilaksanakan sebelum perkahwinan dan ianya untuk menjamin kelancaran dan kelincinan pentadbiran nikah, cerai dan rujuk. Sepertimana yang telah dijelaskan oleh Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah³⁷ bahawa pendaftaran perkahwinan penting supaya dapat mengatur urusan negara dan masyarakat selagi mana ianya tidak bertentangan dengan Hukum Syarak. Selain itu, pendaftaran perkahwinan dianggap sebagai langkah pengawasan sekiranya terjadi perselisihan di dalam rumah tangga, justeru dijadikan langkah penyelesaian. Tambahan pula pendaftaran perkahwinan ini penting untuk pengadilan hukum dalam persoalan harta, penjagaan anak, perwalian dalam perkahwinan. Malahan ianya memberi kepentingan kepada negara dari aspek membantu pemerintah dalam merancang pembangunan yang tepat melalui rekod kelahiran, perkahwinan, pekerjaan dan sebagainya.

³⁷ Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, “Formaliti Dan Prosedur Perkahwinan,”

Menurut beliau lagi, pendaftaran perkahwinan memang tidak terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah akan tetapi ia bukanlah sesuatu amalan yang dilarang. Dalam pada itu, melalui penulisan Mek Wok Mahmud menjelaskan bahawa merekodkan perkahwinan adalah suatu maslahat atau keperluan.³⁸ Namun, pendaftaran perkahwinan ini hanyalah sebagai syarat tambahan dan bukanlah sebahagian daripada syarat sah atau rukun suatu akad perkahwinan. Kenyataan ini juga disokong oleh Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah³⁹ bahawa sesuatu perkara yang tidak dinyatakan di dalam nas al-Quran dan al-Hadith boleh dilaksanakan demi kepentingan masyarakat selagimana ianya tidak bertentangan dengan Hukum Syarak.

Namun begitu, prosedur perkahwinan ini dianggap remeh dan rumit bagi sesetengah pasangan yang ingin berkahwin secara sah mengikut peruntukan UUKI. Maka berlakulah gejala perkahwinan tidak mengikut prosedur di mana akan memberi kesan negatif kepada pasangan kerana telah melanggar peruntukan tersebut. Merujuk kepada penulisan Noraini Mohd Hashim⁴⁰ dan Daud Muhammad,⁴¹ faktor utama penyebab perkahwinan tidak mengikut prosedur ialah keegghanan wali menikahkan perempuan di bawah jagaannya dengan lelaki pilihan, proses poligami yang rumit dan memakan masa atau ingin menyorokkan perkahwinan dari isteri pertama, untuk menutup malu daripada hamil luar nikah, untuk mengelak daripada dikenakan tindakan khalwat dengan mengemukakan sijil nikah dan proses pernikahan yang cepat dan mudah.

³⁸ Mek Wok Mahmud, “Opinions Of Contemporary Muslim Jurists On The Registration Of Marriages”, *Journal Of Islam In Asia*. Issue No 2 (2011). 447.

³⁹ Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, “Formaliti Dan Prosedur Perkahwinan,”

⁴⁰ Noraini Mohd Hashim, “Prosedur Dan Pendaftaran Perkahwinan,” 27-35.

⁴¹ Daud Muhammad, “Kahwin Lari Di Malaysia: Perspektif Umum Dan Penilaian,” dalam *Undang-Undang Keluarga Dan Prosedur*, ed. Najibah Mohd Zin et.al., (Selangor : Jabatan Undang-Undang Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2009), 4-8.

Perkahwinan tidak mengikut prosedur juga boleh mendarangkan pelbagai masalah seperti menyukarkan kehidupan dari segi sosial mahupun perundangan bagi kes perceraian termasuklah tuntutan mut'ah, nafkah, harta sepencarian dan harta pusaka sekiranya kematian salah satu pihak. Kenyataan ini telah dinyatakan dalam penulisan Dina Imam Supaat,⁴² Muhammad Ariffin⁴³ dan Hazizan Mat Desa.⁴⁴

Perkahwinan tidak mengikut prosedur di Malaysia tidak dapat ditentukan dengan tepat dan diketahui apabila pihak wali membuat laporan kepada pihak berkuasa ataupun pasangan itu sendiri hadir dengan rela hati untuk membuat pendaftaran perkahwinan. Negara yang biasa menjadi tempat pasangan yang ingin berkahwin tanpa mengikut prosedur ialah Thailand. Memandangkan negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand ialah Kedah, Terengganu, Kelantan dan Perlis maka bilangan pasangan yang kahwin yang tidak mengikut prosedur ini agak tinggi kerana rakyat di negeri-negeri ini mendapat kemudahan pas keluar masuk ke Thailand dengan senang.⁴⁵

Jika diamati berkenan dengan kes perkahwinan tidak mengikut prosedur ini, ianya memberi implikasi atau kesan yang buruk kepada pasangan itu sendiri, pihak keluarga dan masyarakat setempat. Ini kerana proses untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul akan menjadi rumit kerana perkahwinan tersebut tidak memenuhi peruntukan yang sedia ada. Dari pihak keluarga pula, hubungan di antara keluarga pasangan akan menjadi renggang malah boleh terputus tali persaudaraan. Dari sudut pandangan masyarakat pula,

⁴² Dina Imam Supaat et al. (eds.), *Prosiding Diskusi Syariah Dan Undang-Undang*, (Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia, 2003).

⁴³ Muhammad Ariffin, "Kahwin Lari: Masalah Dan Penyelesaiannya," 11-18.

⁴⁴ Hazizan Mat Desa, "Perkahwinan Tanpa Kebenaran : Kajian Kes Di Mahkamah Syariah Di Alor Setar, Kedah Darul Aman" (Disertasi, Jabatan Fiqh Usul Bahagian Pengajian Syariah Akedemi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2003).

⁴⁵ Noraini Mohd Hashim, "Prosedur Dan Pendaftaran Perkahwinan," 26-27.

mereka akan melihat bahawa prosedur perkahwinan itu sebagai rumit dan menyusahkan sedangkan UUKI yang sedia ada adalah untuk mengemaskini serta untuk memudahkan perkara yang berkaitan dengan nikah, cerai dan rujuk masyarakat Islam di Malaysia.

Oleh itu, ketetapan prosedur perkahwinan yang memerlukan kepada pendaftaran perkahwinan adalah berkait rapat dengan gejala perkahwinan tidak mengikut prosedur kerana ianya sentiasa berlaku secara sedar ataupun tidak. Sama ada kita sedar atau tidak, peruntukan yang sedia ada sebenarnya banyak memberi kita kesenangan dalam menyelesaikan sesuatu perkara yang berbangkit mengenai permasalahan rumahtangga.

Hasil daripada penulisan-penulisan yang dibincangkan di atas, dapat dirumuskan bahawa tidak ada lagi penulisan khusus yang menghuraikan topik-topik perkahwinan tidak mengikut prosedur secara menyeluruh. Prosedur perkahwinan yang telah diperuntukkan dalam UUKI ini perlu diberi pendedahan kepada masyarakat moden supaya dapat menjadikan peruntukan tersebut sebagai panduan dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh setiap pasangan yang ingin berkahwin.

Isu-isu yang diutarakan ini merupakan topik penting untuk dikupas walaupun banyak penulisan telah dibuat namun pendedahan masyarakat terhadap isu ini berbeza mengikut tempat dan keadaan. Maklumat perkahwinan tidak mengikut prosedur dikumpul dan dikaji untuk mengaitkan faktor perkahwinan tidak mengikut prosedur disebabkan keengganahan wali memberi izin atau wujud sebab-sebab lain yang mendorong ianya berlaku.

1.8 Skop Kajian

Untuk mencapai objektif kajian ini, skop kajian difokuskan kepada masalah perkahwinan tidak mengikut prosedur. Di antara pemfokusan kajian ini adalah:

1. Menghuraikan keperluan perkahwinan dalam Islam melalui kitab fiqh.
2. Menganalisis prosedur perkahwinan dengan merujuk peruntukan UUKI yang sedia ada iaitu Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
3. Menganalisis faktor-faktor berlaku perkahwinan tidak menikut prosedur dengan melihat beberapa keputusan kes yang telah dibicarakan di Mahkamah Syariah Kuala Lumpur.
4. Untuk melihat keberkesanan hukuman yang dikenakan terhadap perkahwinan tidak mengikut prosedur.

1.9 Kaedah Penyelidikan

1.9.1 Kaedah Pengumpulan Data

Tajuk kajian penulis merujuk kepada analisis terhadap kes-kes yang berlaku di Mahkamah Rendah Syariah. Kajian ini memerlukan kepada kaedah utama kajian iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Selain itu penulis mengaplikasikan metod penganalisan data.

1.9.1.1 Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan merupakan kaedah utama bagi penulis memandangkan penulis memerlukan kepada penelitian kepada semua rujukan yang berkaitan dengan perwalian dan perkahwinan menurut agama Islam dan UUKI seperti yang terdapat di dalam kitab-kitab *fīqh*, tesis-tesis, jurnal, kertas-kertas kerja, artikel, statut, dan internet. Teks al-Quran dan al- Hadith juga digunakan sebagai rujukan dalam kajian ini untuk menentukan keperluan dan prosedur dalam perkahwinan mengikut prosedur UUKI untuk mengelak dari berlakunya isu yang diutarakan. Bagi tujuan tersebut, penulis akan mengunjungi beberapa buah perpustakaan untuk mendapatkan bahan dan maklumat antaranya ialah :

- i. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.
- ii. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- iii. Perpustakaan Awam Terengganu.
- iv. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- v. Perpustakaan Peringatan Za’ba Universiti Malaya.
- vi. Perpustakaan Undang-Undang Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim Universiti Malaya.
- vii. Perpustakaan universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- viii. Perpustakaan Negara.
- ix. Perpustakaan UniSZA.

1.9.1.1 Kajian Lapangan

Kajian ini ialah untuk melibat diri dalam situasi dan tempat kajian yang hendak dijalankan. Ia meliputi Jabatan Kehakiman Syariah dan Jabatan Hal Ehwal Agama kerana kedua-dua institusi ini berkait rapat dengan isu yang diutarakan. Penulis juga akan menemubual beberapa tokoh yang mempunyai kaitan dan bidang kuasa di dalam kes-kes yang hendak dikaji khususnya berkaitan dengan kajian yang hendak dijalankan. Oleh itu penulis akan menggunakan beberapa metode antaranya ialah:

1.9.1.1.1 Metod Dokumentasi

Metod ini digunakan untuk mendapatkan semua maklumat yang berkaitan dalam kajian yang hendak dijalankan. Ia termasuklah bahan secara bertulis seperti risalah, artikel, fail-fail kes dan statistik yang telah dibicarakan di Mahkamah Syariah atau bahan-bahan yang mempunyai maklumat yang berkaitan dengan tajuk yang diperolehi di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

1.9.1.1.2 Metod Wawancara

Metod ini dirasakan sangat penting dalam kajian yang akan dibuat untuk mendapatkan maklumat atau fakta secara terus dari individu atau pihak yang berkepentingan di dalam institusi yang berkaitan seperti:

- 1) Pegawai Penyelidik Mahkamah Rayuan Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).
- 2) Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM).
- 3) Ketua Penolong Pengarah Kanan Pejabat Penasihat Undang-Undang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

1.9.2 Kaedah Analisis Data

Dalam menganalisis data-data yang diperoleh, penulis telah menggunakan beberapa metod antaranya ialah:

1.9.2.1 Metod Induktif

Metod ini ialah untuk menganalisa data yang terhasil melalui teori-teori dan pemikiran dengan membuat kesimpulan berdasarkan data-data yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus. Data yang biasa digunakan untuk merungkai masalah kajian, kerangka teori dan lain-lain data melalui penyelidikan perpustakaan dan dokument-dokumen yang berkaitan. Penulis akan menggunakan kaedah ini di dalam bab kedua, ketiga dan keempat untuk mencapai satu kesimpulan yang tepat. Di samping itu penulis juga boleh menghasilkan kesimpulan melalui data-data di dalam kes-kes yang didaftarkan di mahkamah. Di antara perkara yang menggunakan metode ini ialah:

- 1) Data-data yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan.
- 2) Data-data dalam dokumen kes.

1.9.2.2 Metod Deduktif

Metod ini menjelaskan tentang proses penganalisaan berdasarkan data-data untuk mencari hasil pembuktian yang bersifat khusus untuk mencapai satu kesimpulan yang bersifat umum. Penulis akan mengumpul maklumat melalui sesuatu kes dan menggunakan teori tersebut untuk menjelaskan data yang diperolehi. Ia digunakan di dalam bab lima untuk membuat kesimpulan yang tepat setelah memperoleh maklumat di dalam bab dua, tiga dan empat. Kesimpulan yang akan dibuat mengandungi saranan dan cadangan penulis terhadap kajian ini dengan menggunakan pendekatan metodologi penganalisaan data di atas.

1.9.2.3 Metod Komparatif

Melalui kaedah ini penulis dapat membuat kesimpulan melalui perbandingan kes-kes yang telah diputuskan dengan melihat statistik perkahwinan tidak mengikut prosedur atau kahwin lari. Dengan demikian kes-kes yang diputuskan akan dapat memberi gambaran terhadap implikasi prosedur perkahwinan tersebut yang menyebabkan perkahwinan tidak mengikut prosedur berlaku.

1.10 Pecahan Bab

Di dalam penulisan ini, penulis membahagikan kepada beberapa bab yang mengandungi keperluan perkahwinan mengikut Hukum Syarak dan reformasi UUKI, prosedur perkahwinan menurut perundangan yang melibatkan perkahwinan tidak mengikut prosedur dan kesannya di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah

Persekutuan) 1984. Selain itu, kajian ini juga untuk melihat sejauhmana prosedur perkahwinan tersebut menjadi punca kepada perkahwinan tidak mengikut prosedur melalui kes-kes yang terdapat di mahkamah.

Secara keseluruhannya, penulis membahagikan kajian ini kepada lima bab di mana pada permulaannya penulis mengetengahkan perkara-perkara asas sebelum kajian secara terperinci dijelaskan di dalam bab-bab yang seterusnya.

Pada bab satu, penulis mengemukakan pengenalan kepada tajuk kajian yang merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, sorotan kepustakaan berkaitan kajian yang dilakukan serta metodologi yang digunakan bagi menghasilkan kajian ini.

Di dalam bab kedua menjelaskan tentang keperluan-keperluan perkahwinan yang dilihat dari Hukum Syarak dan reformasi UUKI dalam menggubal undang-undang perkahwinan supaya menjadi lebih sistematik. Seterusnya penulis akan membuat perbandingan tentang kesahan perkahwinan mengikut Hukum Syarak dan peruntukan di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

Manakala bab tiga menjelaskan tentang kebenaran perkahwinan mengikut prosedur dan kesalahan perkahwinan tidak mengikut prosedur menurut Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Prosedur perkahwinan ini perlu diikuti oleh pasangan yang ingin berkahwin dan justifikasi penalti sekiranya tidak mengikut prosedur tersebut menurut peruntukan UUKI yang telah ditetapkan.

Mengenai bab empat pula, membincangkan mengenai faktor-faktor yang menjadi punca kepada perkahwinan tidak mengikut prosedur seperti mana yang ditetapkan oleh UUKI melalui analisis kes-kes yang berkaitan. Selain itu juga, penulis ingin menilai sejauhmana keengganahan wali atau prosedur perkahwinan itu sendiri menjadi punca kepada perkahwinan tidak mengikut prosedur dan seterusnya penulis dapat melihat sama ada kurangnya kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap isu ini.

Yang terakhir iaitu pada bab lima penulis akan membuat rumusan yang mana mengandungi cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah tersebut supaya tidak menjadi lebih kritikal. Selain itu bab ini juga menyatakan beberapa saranan yang perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak yang terlibat supaya masyarakat memahami kesan dan akibat daripada permasalahan perkahwinan tidak mengikut prosedur.

1.11 Kesimpulan

Ringkasnya didapati bahawa perkahwinan tidak mengikut prosedur ini merupakan masalah yang mungkin terus berlaku kerana masalah pelanggaran undang-undang adalah masalah yang berlaku dalam semua perkara, bukanlah hanya khusus kepada masalah perkahwinan sahaja.⁴⁶ Maka masalah ini hendaklah ditangani segera dengan bijak melalui pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam secara umum untuk menyelesaikan masalah masyarakat seluruhnya. Hal ini kerana UUKI digubal bertujuan untuk memudahkan bukan merumitkan pada pasangan yang hendak berkahwin.

⁴⁶ Muhammad Ariffin, “Kahwin Lari: Masalah Dan Penyelesaiannya,” 16.

Selain itu, pendedahan maklumat yang jelas mengenai konsep perkahwinan, hubungan nilai kekeluargaan serta prosedur perkahwinan sebenar perlu dijelaskan kepada masyarakat terutamanya remaja Islam. Maklumat itu hendaklah dihebahkan menerusi media alternatif dan akhbar supaya mereka tidak mengambil keputusan yang terburu-buru untuk berkahwin tanpa mengikut prosedur. Oleh itu, masalah perkahwinan tidak mengikut prosedur ini akan dapat dikurangkan dengan pengetahuan yang lebih sempurna kepada masyarakat.

BAB DUA:
KEPERLUAN PERKAHWINAN MENURUT ISLAM DAN PERUNTUKAN
UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (UUKI)

2.1 Pengenalan

Perkahwinan atau pernikahan adalah sesuatu yang dituntut di dalam Islam. Ianya merupakan satu ibadah atau sunnah yang telah dibawa oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW kepada kita sebagai umat manusia yang mendiami muka bumi ini dengan pelbagai agama, bangsa dan budaya. Sunnah yang dibawa oleh Rasulullah SAW ini juga merupakan perlaksanaan terhadap tuntutan fitrah manusia bertujuan untuk menjalankan ikatan teguh di antara lelaki dan perempuan melalui akad yang sah. Pensyariatan perkahwinan juga adalah bertujuan untuk mengembangkan lagi zuriat manusia melalui cara yang halal sebagai penyambung keturunan manusia untuk kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.⁴⁷ Sepertimana Firman Allah Taala:

يَأَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُم مِّنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَحَلَقَ مِنْهَا

زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ

وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

⁴⁷ Md. Hashim Yahaya, “Anak Tak Sahtraf Dari Perspektif Islam” dalam *Undang-Undang Keluarga Dan Prosedur*, ed. Najibah Mohd Zin et al., (Selangor: Jabatan Undang-Undang Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2009), 41.

Terjemahan: Wahai sekalian manusia! bertaqwalah kepada Tuhan kamu Yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana Sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

Dengan itu, adalah jelas dari ayat di atas bahawa perkahwinan itu adalah sebagai penyambung zuriat kepada setiap pasangan yang berkahwin. Islam juga menghalang umatnya bercampur bebas di antara lelaki dan perempuan yang boleh membawa banyak kemudaratan daripada kebaikan. Oleh itu, dengan perkahwinan dapat menghalang dari manusia bebas bercampur di antara lelaki dan perempuan seterusnya dapat membina sebuah institusi kekeluargaan dengan mengikut kehendak syariat dan diberkati Allah SWT. Sekiranya diamati peraturan yang ditetapkan oleh Allah dalam melaksanakan aspek perkahwinan, ianya bertujuan supaya manusia dapat hidup di muka bumi ini dengan aturan-aturan yang dapat menjanakan lagi institusi kekeluargaan ke arah yang lebih berkat di dunia dan akhirat.

2.2 Keperluan Perkahwinan Menurut Islam

Perkahwinan ialah suatu ikatan yang wujud di antara lelaki dan perempuan untuk menghalalkan perhubungan sejenis di antara keduanya. Hasil daripada perhubungan yang sah itu akan terbentuk satu tanggungjawab dan hak ke atas pasangan yang bergelar suami

dan isteri. Ianya juga akan membentuk sebuah keluarga melalui pertalian darah dan susuan.⁴⁸ Oleh yang demikian, kahwin diistilahkan sebagai menghimpun atau mengumpul. Lebih tepat lagi, perkahwinan membawa maksud suatu akad yang membolehkan pasangan suami isteri mengambil keseronokan di antara satu sama lain berdasarkan cara-cara yang dibenarkan syarak.⁴⁹ Walaupun begitu menurut Shafi'i pengertian kahwin pada makna hakiki membawa maksud akad dan pengertian kahwin pada makna *majazi* pula ialah persetubuhan.⁵⁰

Dalam hal ini, al-Quran telah menjelaskan secara umumnya kahwin dengan maksud akad dan bukannya persetubuhan. Firman Allah SWT :

يَأَيُّهَا الْذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نَكْحَتُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ طَلَقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ
تَمْسُوْهُنَّ فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعْتَدُونَهَا فَمَتَّعُوهُنَّ وَسَرِّحُوهُنَّ

سَرَاحًا جَمِيلًا

Al-Ahzab 33: 49

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhnya, maka tiadalah kamu berhak terhadap mereka mengenai sebarang idah yang kamu boleh hitungkan masanya. Oleh itu, berilah "Mut'ah" (pemberian sugu

⁴⁸ Raihanah Abdullah, "Prosedur Perkahwinan," 4.

⁴⁹ Mohd Saleh Ahmad, "Perkahwinan Dan Perceraian Dalam Islam", 4.

⁵⁰ Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji, *Kitab Fikah Mazhab Syafie*, terj. Ridzuan Hashim, Juanda Jaya, Azizi Ismail, Mohd Asri Hashim, Salehan Ayub (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd, 2009), 4 : 671.

hati) kepada mereka, dan lepaskanlah mereka Dengan cara Yang sebaik-baiknya.

Kalimah “berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman” dalam ayat di atas bermaksud “kamu mengadakan akad perkahwinan dengan perempuan-perempuan yang beriman”. Ayat seterusnya pula, kalimah “kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuh mereka” bermaksud “menyentuh mereka ialah menyetubuhi mereka”⁵¹. Daripada ayat tersebut dapat disimpulkan bahawa nikah itu mengadakan akad nikah bersama dengan lelaki atau perempuan yang beriman dan setelah itu menyetubuhi mereka.

Sungguhpun Islam menggalakkan perkahwinan, namun pensyariatan kahwin itu sendiri telah menggariskan keperluan atau syarat serta rukun yang perlu dipatuhi oleh setiap orang Islam yang ingin melangsungkan perkahwinan. Seperti yang diketahui, sumber perundangan Islam diambil daripada al-Quran, al-Sunnah, ijma’ dan qias. Begitu juga dengan pensyariatan nikah itu sendiri yang diambil atau bersumberkan dalil-dalil⁵² yang muktabar. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menunjukkan pensyariatan nikah itu, antaranya firman Allah SWT di dalam ayat:

وَأَنِكُحُوا الْأَيْمَمِيَّ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَامَاتُكُمْ إِنْ

يَكُونُوا فُقَرَاءٌ يُغْنِيهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ

An-Nur 24: 32

Terjemahan: Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari

⁵¹ *Ibid.*, 672.

⁵² Muṣṭafā Al-Khin, Muṣṭafā Al-Bughā dan ‘Alī Ash-Sharbajī, *Fiqh Manhājī ’Ala Madhab Al-Imām Ash-Shāfi’i*, (Damshiq: Dār al-Qālam, 1992), 4: 12-13.

hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya kerana Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi Maha mengetahui.

Ayat tersebut menjelaskan maksud “orang-orang yang bersendirian (bujang)” ialah kepada perempuan-perempuan yang tidak mempunyai suami dan lelaki-lelaki yang tidak mempunyai isteri.⁵³ Dalil inilah yang menunjukkan perintah Allah untuk melaksanakan perkahwinan di antara lelaki dan perempuan untuk menjaga kehormatan diri dan terpelihara daripada kebinasaan hawa nafsu. Malahan, sekiranya mereka miskin, perkahwinan tersebut akan dianugerahkan rezeki yang melimpah ruah dari Allah SWT. Inilah antara hikmah syariat Islam itu sendiri menggalakkan perkahwinan.

Pensyariatan tentang perkahwinan juga telah disebut di dalam banyak hadis Rasulullah SAW, antaranya Baginda SAW bersabda :

عَنْ عَلْقَمَةَ قَالَ : كَنْتُ مَعَ عَبْدَ اللَّهِ، فَلَقِيَهُ عُثْمَانُ بْنُ عَمَّارٍ، فَقَالَ : يَا أَبَا

عَبْدِ الرَّحْمَنِ ! إِنِّي إِلَيْكَ حَاجَةٌ فَخَلِيلًا، فَقَالَ عُثْمَانُ : هَلْ لَكَ يَا أَبَا عَبْدِ الرَّحْمَنِ

فِي أَنْ نَزُوجَكَ بِكُلِّ تَذْكِرَكَ مَا كُنْتَ تَعْهِدْ؟ فَلَمَّا رَأَى عَبْدَ اللَّهِ أَنَّ لَيْسَ لَهُ

حَاجَةٌ إِلَى هَذَا، أَشَارَ إِلَيْهِ، فَقَالَ : يَا عَلْقَمَةً ! فَاتَّهَيْتَ إِلَيْهِ وَهُوَ يَقُولُ، أَمَا

لَئِنْ قَلْتَ ذَلِكَ، لَقَدْ قَالَ لَنَا النَّبِيُّ (ص) : يَا مَعْشِرَ الشَّبَابِ ! مَنْ أَسْطَاعَ

مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلِيَتَرْوِجْ ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ إِنَّهُ لَهُ وَجَاءَ .

⁵³ *Ibid.*, 12.

Terjemahan: Alqamah berkata, “Ketika aku sedang bersama dengan Abdullah bin Mas’ud, kami berjumpa dengan ‘Uthman di Mina. ‘Uthman berkata kepadanya, ‘Hai Abu Abdurrahman, saya ada keperluan denganmu’. Kemudian mereka berdua mengambil tempat yang sunyi, lalu ‘uthman berkata, ‘Abu Abdurrahman, mahukah engkau kami nikahkan dengan seorang gadis yang akan mengingatkanmu kepada masa lalu?’ Kerana merasa dirinya tidak mempunyai hajat kepada hal itu, Abdullah memberi isyarat ke arahku seraya memanggil, “Alqamah, kemarilah!” Aku pun mendekati hingga berada di sampingnya ketika ia berkata kepada ‘Uthman, “Kerana aku beritahu (bahawa dahulu kami masih muda dan tidak memiliki apa-apa. Kemudian Nabi SAW bersabda kepada kami, “Wahai para pemuda, barangsiapa di antara kalian mampu menikah, hendaknya ia menikah, sebab pernikahan akan membuatnya lebih menjaga pandangan dan lebih memelihara kemaluan. Dan barangsiapa tidak mampu menikah, hendaknya dia berpuasa, sebab puasa itu mengurangi gelora syahwatnya.”⁵⁴

Hadis tersebut menyatakan maksud berkemampuan itu ialah dari aspek mampu bersetubuh serta menyara isteri. Manakala, maksud pendinding pula ialah menahan nafsu dan keinginan untuk bersetubuh. Islam menjadikan perkahwinan ini sebagai satu-satunya cara untuk melaksanakan tuntutan tersebut. Oleh itu, dalil ini membuktikan manusia dituntut untuk menyahut seruan fitrah manusia yang telah dianugerahkan oleh Allah. Berdasarkan kepada dua dalil daripada al-Quran dan hadis ini, seluruh ulama’ Islam telah

⁵⁴ Ibn Hajar al-‘Asqālānī, *Fath al-Bārī Bi Sharḥ Ṣāḥīḥ al-Imām Abī ‘Abd Allah Muḥammad ibn Ismā‘īl al-Bukhārī*, “Bāb Nikāh”, no.hadith 5065 (Maṭba‘ah al-Salafiyah Wa Maktabatuhā, 2007), 9:106. Lihat M. Nashiruddin Al-Abani, *Ringkasan Shahih Bukhari* (Jakarta: Gema Insani, 2008), 3 : 409.

berpendapat bahawa pensyariatan perkahwinan telah wujud sejak zaman Nabi Adam lagi. Pendapat ijma' ulama' ini boleh diguna pakai sepanjang zaman.⁵⁵

Secara rumusnya, pensyariatan perkahwinan itu memberi banyak faedah dan hikmah yang tersendiri ke arah kebaikan dengan tujuan untuk melahirkan keturunan yang soleh dan menerapkan masyarakat Islam yang penuh digeruni dan disegani. Daripadanya juga akan terbentuk tanggungjawab, prinsip-prinsip yang kukuh supaya dapat menjamin kebahagiaan rumah tangga, kesejahteraan masyarakat, penyebaran kepada kebaikan akhlak serta menjamin keturunan manusia. Hukum asal perkahwinan adalah harus dari sudut syarak sekiranya seseorang mampu berkahwin.

Namun begitu, hukum akan berubah-ubah mengikut situasi dan keadaan individu itu sendiri, antaranya sunat, haram, makruh dan afdhal berkahwin atau wajib. Sesungguhnya, apa yang jelas di sini ialah disunatkan berkahwin sekiranya individu berkemampuan sama ada dari sudut fizikal dan mental. Sebaliknya, sekiranya individu tidak berkemampuan diharamkan berkahwin untuk mengelakkan daripada menyakiti atau menzalimi ke atas perempuan yang dikahwininya. Perkara ini telah dijelaskan di dalam ayat al-Quran, iaitu :

⁵⁵ Muṣṭāfa Al-Khin, Muṣṭāfa Al-Bughā dan 'Alī Ash-Sharbajī, *Fiqh Manhājī 'Ala Madhab Al-Imām Ash-Shāfi'i*, 13.

وَلَيْسَتْعِفِفِ الَّذِينَ لَا تَحْجُدُونَ نِكَاحًا حَتَّىٰ يُغْنِيهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَالَّذِينَ
 يَبْتَغُونَ الْكِتَابَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ فَكَا تُبُوْهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا
 وَءَاتُوهُمْ مِنْ مَالِ اللَّهِ الَّذِي أَتَنَّكُمْ وَلَا تُكْرِهُوا فَتَيَتِكُمْ عَلَى الْبِغَاءِ
 إِنَّ أَرَدْنَ تَحَصُّنَا لِتَبَتَّغُوا عَرَضَ الْحَيَاةِ الْدُّنْيَا وَمَنْ يُكْرِهُنَّ فَإِنَّ اللَّهَ
 مِنْ بَعْدِ إِكْرَاهِهِنَّ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣﴾

An-Nur 24 : 33

Terjemahan : Dan orang-orang Yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin, hendaklah mereka menjaga kehormatannya sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya; dan hamba-hamba kamu (lelaki dan perempuan) Yang hendak membuat surat perjanjian untuk memerdekaan dirinya (dengan jumlah bayaran Yang tertentu), hendaklah kamu melaksanakan perjanjian itu Dengan mereka jika kamu mengetahui ada sifat-sifat Yang baik pada diri mereka (yang melayakkannya berbuat demikian); dan berilah kepada mereka dari harta Allah Yang telah dikurniakan kepada kamu. Dan janganlah kamu paksakan hamba-hamba perempuan kamu melacurkan diri manakala mereka mahu menjaga kehormatannya, kerana kamu berkehendakkan kesenangan hidup di dunia. Dan sesiapa Yang memaksa mereka, maka Sesungguhnya Allah – sesudah paksaan Yang dilakukan kepada mereka – Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa sekiranya tidak mempunyai kemampuan, maka meninggalkan berkahwin adalah sunat baginya. Ini bermaksud, haram bagi seseorang yang berniat menyakiti atau menzalimi ke atas perempuan yang dikahwininya. Sekiranya berlaku keadaan sedemikian, individu tersebut hendaklah menjaga keaiban dirinya dari

terjerumus ke arah kemaksiatan dengan cara beribadat dan berpuasa. Dengan cara demikian dapat melupakannya dari memikirkan soal perkahwinan dan mudah-mudahan Allah mengurniakan kepadanya kekayaan dari rahmat-Nya.⁵⁶

Daripada hukum perkahwinan tersebut akan terbentuk beberapa syarat dan keperluan supaya perkahwinan dapat dilaksanakan mengikut hukum syarak. Inilah yang disebut sebagai keperluan perkahwinan di dalam Islam, ianya merangkumi rukun dan syarat yang perlu dipatuhi oleh setiap individu. Rukun perkahwinan⁵⁷ yang perlu dipatuhi oleh setiap individu yang hendak berkahwin ialah pengantin lelaki, pengantin perempuan, lafaz (Ijab dan Qabul), wali dan dua orang saksi. Manakala, syarat yang perlu dipenuhi dalam mendirikan rumah tangga menurut Islam ialah sekufu, mahar (mas kahwin) dan mengadakan walimah.

Namun antara perkara yang menjadi isu di dalam melaksanakan rukun perkahwinan ialah persetujuan wali. Ianya berkait dalam menentukan keesahan akad perkahwinan dalam Islam. Setiap akad dalam perkahwinan mestilah mempunyai wali. Tanpa wali sesuatu pernikahan tidak sah. Ini disebabkan seseorang perempuan itu tiada hak untuk mengakad nikahkan seseorang perempuan yang lain atau dirinya sendiri. Seseorang perempuan itu juga tidak ada hak kerana dia bukanlah orang yang berkelayakan dalam menentukan akad itu.⁵⁸ Ini bersandarkan kepada hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. yang membuktikan bahawa perkahwinan tanpa wali adalah tidak sah. Rasulullah SAW bersabda:

⁵⁶ *Ibid.*, 18.

⁵⁷ Shamsuddīn Muhammad Muḥammad al-Khāṭib ash-Sharbīnī, *Mughnī al- Muhtāj Ila Ma ‘rifah Ma ‘āni Alfaż al-Manhāj* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1997), 3:188.

⁵⁸ Muḥammad Zuhailī, *Mu’tamad Fi al-Fiqh ash-Shāfi’i* (Damshiq:Dār al-Qalam, 2007), 60.

حدثنا مُحَمَّدٌ بْنُ كَثِيرٍ، أَخْبَرَنَا سَفِيَانُ، حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ جَرِيجٍ، عَنْ سَلِيمَانَ بْنَ

موسىٍّ، عَنْ الزَّهْرِيِّ، عَنْ عُرُوْةَ، عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ :

إِنَّمَا امْرَأَةً نَكَحْتُ بَغْيَرِ إِذْنِ مَوَالِيهَا فَنَكَاحُهَا باطِلٌ)) ثَلَاثَ مَرَاتِ ((فَإِنْ

دَخَلَ بَهَا فَلَمْهَرْ لَهَا بِمَا أَصَابَ مِنْهَا، فَإِنْ تَشَاجَرُوا فَسُلْطَانٌ وَلِيٌّ مِنْ لَا وَلِيٌّ

.((لَهُ .

Terjemahan : Telah menceritakan Muhammad Bin Kathir, telah memberitahu kepada kami Sufian, telah menceritakan kepada kami Ibnu Juraij dari Sulaiman bin Musa dari al-Zuhri oleh Aisyah r.a, dia berkata Rasulullah SAW bersabda “Setiap wanita yang menikah tanpa izin walinya, maka pernikahannya batal, Rasulullah SAW mengulanginya tiga kali. Apabila ia telah menggaulinya, maka wanita tersebut berhak mendapatkan mahar (mas kahwin). Apabila terjadi perselisihan, maka Sultan (penguasa) adalah wali bagi mereka yang tidak mempunyai wali.⁵⁹

Sebenarnya dalam Islam telah mensyaratkan dengan mudah, seseorang itu layak menjadi wali apabila dia seorang lelaki, seorang Islam, seorang yang baligh dan berakal, seorang yang adil, bukan orang yang berihram haji atau umrah, tidak dipaksa untuk menjadi wali dan wali bukan dari kalangan “orang yang dilarang oleh syarak seperti membelanjakan hartanya disebabkan *safih*”⁶⁰ (orang yang membazirkan harta dan tidak boleh menguruskan dirinya. Ini bermakna mereka juga tidak mampu untuk mengurus orang lain). Meskipun begitu, persoalan timbul apabila wali tidak memberi keizinan untuk berkahwin tanpa sebab

⁵⁹ Abī Dāud Sulaimān bin al-Ash‘ās, *Kitāb Sunan Abī Dāud*, “Bāb Fi al-Wali”, no.hadith: 2076 (Beirut: Dār al-Qiblah Lī al-Thaqāfah Islāmiyah Jeddah Muassasah Ar-riyān, Maktabah Makiyyah Makkah, 1998), 3: 20.

⁶⁰ Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji, *Kitab Fikah Mazhab Syafie*, terj. Ridzuan Hashim, Juanda Jaya, Azizi Ismail, Mohd Asri Hashim, Salehan Ayub, 740.

yang menusabah. Bahkan, ada juga wali yang ghaib tidak diketemui dalam beberapa tahun. Dalam permasalahan begini, pasangan tersebut boleh mendapatkan wali hakim untuk melangsungkan akad nikah mereka.

Selain itu, kredibiliti saksi juga boleh dipertikaikan sekiranya mempunyai keraguan contohnya dipaksa. Dalam sebuah perkahwinan mestilah dipersaksikan oleh dua orang saksi.⁶¹ Ini bersandarkan dengan hadith yang telah diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a bahawa Rasulullah SAW telah bersabda :

أَخْبَرَنَا أَبُو عَبْدِ اللَّهِ الْحَافِظُ فِي آخَرِينَ قَالُوا : أَنْبَأَنَا أَبُو الْعَبَّاسِ الْأَصْمَ ، أَخْبَرَنَا

الرَّبِيعُ ، أَخْبَرَنَا الشَّافِعِيُّ ، أَخْبَرَنَا مُسْلِمُ بْنُ خَالِدٍ ، عَنْ أَبِنِ خَثِيمٍ ، عَنْ

سَعِيدِ بْنِ جَبَيرٍ ، عَنْ أَبْنَاءِ عَبَّاسٍ قَالَ : لَا نَكَاحٌ إِلَّا بُولِيٌّ مُرْشِدٌ، وَشَاهِدَيْنِ

. عَدْلٌ.

Terjemahan: “Telah dikhabarkan Abu Abdullah Al-hafiz kepada yang sahabat yang lain, telah diperkatakan oleh Abu Abbas Al-asim, dikhabarkan oleh Ar-rabi’, dikhabarkan oleh As-Shafii, dikhabarkan Muslim bin Khalid, dari Ibnu Khasim, dari Said bin Jabir, dari Ibnu Abbas berkata: tidak sah perkahwinan tanpa seorang wali yang sempurna akal dan dua orang saksi yang adil (tidak fasiq)”⁶²

Dalam menyelesaikan masalah kredibiliti saksi pula, syarat-syaratnya mestilah orang Islam, lelaki, cukup umur, boleh berfikiran waras dan bersikap adil walaupun secara

⁶¹ Muṣṭāfa Al-Khiñ, Muṣṭāfa Al-Bughā dan ‘Alī Ash-Sharbajī, *Fiqh Manhājī ’Ala Madhhab Al-Imām Ash-Shāfi’i*, 70.

⁶² Ḥussin b. Alī Abu Bakr Al-Ḥamad Al-Baihaqī, *Kitāb al-Sunān Al-Ṣaghīr*, “Kitāb Nikāḥ”, no.hadith: 1108/2484 (Beirut: Dār al-Kutb Ilmiyah, 1992), 2:13.

zahirnya sahaja. Saksi di dalam perkahwinan juga hendaklah orang yang sempurna pendengarannya, mampu melihat⁶³ serta memahami bahasa ketika akad dilangsungkan. Saksi itu juga tidak boleh dipaksa untuk menjadi saksi dan tidak berada di dalam ihram haji atau pun umrah.⁶⁴ Oleh itu, bilangan saksi dan kredibiliti saksi hendaklah mengikut seperti yang dituntut dalam syarak. Hal ini kerana saksi di dalam sesuatu akad perkahwinan adalah penting untuk mengelak daripada sebarang keraguan atau tuduhan yang timbul terhadap pasangan yang telah diakad nikahkan.⁶⁵ Ketetapan untuk meletakkan syarat-syarat terhadap saksi adalah untuk melayakkannya menjadi tempat kepercayaan untuk memperakui jika berlaku sesuatu terhadap pasangan suami isteri.⁶⁶

Setelah selesai membincangkan isu rukun perkahwinan di dalam Islam, timbul persoalan dalam memenuhi keperluan perkahwinan di dalam Islam selain rukun perkahwinan tersebut iaitu syarat sekufu, mahar (mas kahwin) dan mengadakan walimah. Pun begitu, syarat sekufu boleh diketepikan sekiranya mereka bersetuju untuk mengenepikan syarat *kafa'ah*.⁶⁷ Hal ini kerana, ianya merupakan hak perempuan dan walinya sama ada untuk menggugurkannya atau mempertahankannya.⁶⁸

Berbeza pula dengan amalan sekarang yang meletakkan kadar mahar yang tinggi sebagai ketetapan dalam melaksanakan akad perkahwinan. Apabila menjadi satu ketetapan, timbul persoalan terhadap kadar mas kahwin yang hendak diberi.⁶⁹ Tambahan pula,

⁶³ Al-Nawawi , *Rawdah at-Tālibīn* (Dār ‘Alam al-Kutb, 2003), 5:391.

⁶⁴ *Ibid.*, 394.

⁶⁵ Raihanah Abdullah, “Prosedur Perkahwinan,” 9.

⁶⁶ Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji, *Kitab Fikah Mazhab Syafie*, terj. Ridzuan Hashim, Juanda Jaya, Azizi Ismail, Mohd Asri Hashim, Salehan Ayub, 747.

⁶⁷ Mohd Saleh Ahmad, “Perkahwinan Dan Perceraian Dalam Islam”, 69-79.

⁶⁸ Al-Shāfi‘i, *al-Umm*, 5:25.

⁶⁹ Najibah Mohd Zin, “Mahar Wajib Dalam Perkahwinan,” *Kosmo!*, 14 November 2014, 27.

kehidupan budaya masyarakat kini terikat dengan adat dan tempat masing-masing sehingga menjadikan perkara ini sebagai satu masalah yang besar untuk berkahwin. Sedangkan di dalam Islam, tiada kadar mahar atau mas kahwin tertentu yang telah ditetapkan oleh syarak.⁷⁰ Semua perkara yang boleh dinamakan sebagai harta atau yang boleh ditukarkan kepada harta boleh menjadi mahar atau mas kahwin sama ada sedikit atau banyak.⁷¹

Mahar atau mas kahwin juga boleh diberikan secara tunai atau hutang (tangguh). Mahar atau mas kahwin adalah milik penuh si isteri dan wali tiada hak ke atas mas kahwin walaupun mereka (wali) boleh menerimanya tetapi menerima bagi pihak isteri atau orang yang di bawah perwaliannya.⁷² Jika dilihat dari sudut syarak, perbelanjaan untuk mas kahwin cukuplah dengan perbelanjaan yang sederhana.⁷³ Sepertimana hadith Rasulullah SAW:

حَدَثَنَا أَبُو النُّعْمَانُ: حَدَثَنَا حَمَّادُ بْنُ زِيدٍ: عَنْ سَهْلِ أَنَّ امْرَأَةً أَتَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ فَعَرَضَتْ عَلَيْهِ نَفْسَهَا، قَالَ: ((مَالِ الْيَوْمِ فِي النِّسَاءِ مِنْ جِهَةٍ)). فَقَالَ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ زَوْجِنِيهَا، قَالَ: ((مَا عَنْدَكَ؟)) قَالَ: مَا عَنْدِي شَيْءٌ، قَالَ: ((أَعْطِيهَا وَلَوْ خَاتَمًا مِنْ حَدِيدٍ)). قَالَ: ((مَا عَنْدِي شَيْءٌ، قَالَ: ((فَمَا عَنْدَكَ مِنَ الْقَرَاءَنِ؟)). قَالَ: كَذَا وَكَذَا، قَالَ: ((فَقَدْ مَلَكْتَكُهَا بِمَا مَعَكَ مِنَ الْقَرَاءَنِ؟)).

⁷⁰ Badrān Abu al-‘Aīnāyīn, *Ahkām al-Zawāj Wa al-Ṭalāq Fi al-Islām Bahthu Taḥlīlī Wa Dirāsah Muqāranah* (Mesir: Maṭba’ah Dār al-Ta’līf, 1961), 2:141.

⁷¹ Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji, *Kitab Fikah Mazhab Syafie*, terj. Ridzuan Hashim, Juanda Jaya, Azizi Ismail, Mohd Asri Hashim, Salehan Ayub, 755.

⁷² Mohd Saleh Ahmad, “*Perkahwinan Dan Perceraian Dalam Islam*”, 50-51.

⁷³ Paizah Ismail, *Kekeluargaan Islam Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah* (Penerbit Universiti Malaya, 2003), 58.

Terjemahan : Telah menceritakan kepada kami Abu Nu'man, telah menceritakan kepada kami Hammad bin Zaid dari Abu Hazim dari Sahl bin Saad r.a, bahawa seorang wanita telah bertemu Nabi SAW dan menawarkan dirinya pada beliau, maka Baginda pun bersabda: “Hari ini aku tidak berhajat pada wanita.” Tiba-tiba seorang lelaki berkata, ‘Ya Rasulullah, nikahkanlah aku dengannya.’ Maka Baginda bertanya: “Apa yang kamu miliki (untuk dijadikan sebagai mahar)?” ia menjawab, “Aku tidak punya apa-apa.” Baginda bersabda: “Berikanlah ia mahar meskipun hanya cincin besi.” Laki-laki itu berkata, “Aku tak punya apa-apa.” Akhirnya baginda bertanya: “Apa yang kamu hafal dari al Quran?” Lelaki itu menjawab, “Surah ini dan ini.” Baginda bersabda : “Aku telah menikahkanmu dengan wanita itu dan sebagai maharnya adalah “hafalan al Quranmu”.⁷⁴

Hukum menyebut kadar mas kahwin di dalam akad pula adalah sunat kerana ianya merupakan perbuatan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun, perbuatan tersebut tidak menyalahi ijma’ ulama’ yang berpendapat bahawa harus seseorang itu diakad nikahkan tanpa menyebut mas kahwin.⁷⁵

Selain dari keperluan mahar atau mas kahwin, keperluan untuk mengadakan walimah perkahwinan dalam Islam turut menjadi permasalahan di kalangan masyarakat. Hal ini kerana masyarakat kini terikut dengan budaya mengadakan walimah secara besar-besaran yang memerlukan perbelanjaan yang besar.⁷⁶ Perkara inilah yang membekalkan masyarakat sekarang dalam melaksanakan perkahwinan kerana memikirkan jumlah atau

⁷⁴ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Bi Sharḥ Ṣāḥīḥ al-Imām Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibnu Ismā‘īl al-Bukhārī*, “Bāb Nikāh”, no.hadith 5065 (Maṭba‘ah al-Salafiyyah Wa Maktabatuhā, 2007), 9:382.

⁷⁵ Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji, *Kitab Fikah Mazhab Syafie*, terj. Ridzuan Hashim, Juanda Jaya, Azizi Ismail, Mohd Asri Hashim, Salehan Ayub, 754.

⁷⁶ Asyraf Wajdi Dusuki, “Pemurnian Makna Perkahwinan”, laman sesawang *Sinarharian*, dikemaskini 10 Disember 2014, dicapai 13 Disember 2014, <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/dr-asyraf-wajdi-dusuki/pemurnian-makna-perkahwinan-1.340522>.

kos yang akan dibelanjakan nanti. Pun begitu, di dalam Islam walimah dianjurkan bagi tujuan untuk perhimpunan⁷⁷ dan perjumpaan.⁷⁸ Hukum mengadakan walimah adalah sunat *muakkadah* berdasarkan kepada amalan Nabi SAW sebagaimana hadith Baginda SAW bersabda kepada Abdur Rahman bin Auf r.a :⁷⁹

حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ أَبْنَائُهُ حَمَادٌ عَنْ ثَابِتِ الْبَنَىِّ وَحَمِيدٍ عَنْ أَنْسٍ:

((أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى عَبْدَ الرَّحْمَنَ بْنَ عُوْفَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَعَلَيْهِ رَدْعَ زَاعِفَرَانَ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَهِيمٌ، قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ تَزَوَّجْتَ امْرَأً، قَالَ: مَا أَصْدَقْتَهَا؟ قَالَ: وَزْنُ نَوَافِي مِنْ ذَهَبٍ، قَالَ: أَوْلَمْ وَلُوْبَشَاءِ)).

Terjemahan: “Diriwayatkan oleh Anas, sesungguhnya Rasulullah SAW melihat Abdurrahman bin Auf dalam keadaan tubuhnya terdapat sisa-sisa wangian, kemudian Baginda bertanya “Ada apa ini?”, Abdurrahman bin Auf menjawab. “Ya Rasulullah SAW, saya menikah dengan seorang gadis” kemudian Baginda bertanya lagi, “Apa yang engkau jadikan sebagai maharnya?” Abdurrahman bin Auf menjawab, “Emas berharga lima dirham”, lalu Baginda bersabda “adakanlah walimah walaupun dengan seekor kambing”.⁸⁰

Para ulama’ sepakat mengatakan bahawa perbuatan dan perkataan Nabi SAW dalam hadith tersebut ialah menunjukkan bahawa hukum *walimah* adalah sunat.⁸¹ Justeru itu

⁷⁷ Muḥammad Zuhailī, *Mu’tamad Fi al-Fiqh ash-Shāfi’i*, 75.

⁷⁸ Muṣṭafā Al-Khin, Muṣṭafā Al-Bughā dan ‘Alī Ash-Sharbajī, *Fiqh Manhājī ’Ala Madhhab Al-Imām Ash-Shāfi’i*, 96.

⁷⁹ Muḥammad Zuhailī, *Mu’tamad Fi al-Fiqh ash-Shāfi’i*, 75.

⁸⁰ Abādī Abi at-Tayyib Shams al-‘Azīm, ‘Aun al-Ma’būd Sharḥ Sunān Abī Dāud, “Kitāb Nikāh”, no hadith 2095 (Dār al-Fikr, 1968), 6:139.

⁸¹ Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji, *Kitab Fikah Mazhab Syafie*, terj. Ridzuan Hashim, Juanda Jaya, Azizi Ismail, Mohd Asri Hashim, Salehan Ayub, 777.

walimah diadakan sebagai tanda kesyukuran kepada Allah di atas nikmat perkahwinan⁸². Selain itu, manusia boleh berhimpun dan berjumpa pada waktu itu bagi mengeratkan hubungan kasih sayang dan persaudaraan. *Walimah* juga diadakan untuk menghebahkan atau memaklumkan kepada orang ramai bahawa akan ada majlis perkahwinan atau nikah yang akan dilangsungkan. Perkara ini dapat membezakan di antara perkahwinan yang halal dan penzinaan yang haram.⁸³

Oleh itu, masyarakat perlu prihatin terhadap kehendak syariat Islam yang sebenar. Perkahwinan bukanlah bererti membelanjakan wang semata-mata, akan tetapi mempunyai pengertian yang luas dalam mengharungi kehidupan sebagai pasangan suami isteri. Justeru itu, sebagai umat Islam kita digalakkan untuk memudahkan perkahwinan untuk keberkatan akad nikah tersebut. Manakala, bagi yang berkemampuan tidak menjadi masalah sekiranya jelas terhadap tujuan perkahwinan itu sendiri bukan sekadar membelanjakan wang untuk pemberian mahar atau mas kahwin dan mengadakan walimah.

2.3 Keperluan Perkahwinan Dalam Peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam (UUKI)

Menurut hukum Islam, sesuatu akad perkahwinan dianggap sah dan mengikat sekiranya ia telah memenuhi segala rukun dan syarat sebagaimana yang termaktub di dalam hukum syarak. Dengan sebab itu juga, Islam tidak mensyaratkan agar setiap perkahwinan itu direkodkan sama ada secara rasmi ataupun tidak malah tidak disyaratkan untuk ditulis.

⁸² Mohd Saleh Ahmad, ‘*Perkahwinan Dan Perceraian Dalam Islam*’, 35.

⁸³ Muṣṭafā Al-Khin, Muṣṭafā Al-Bughā dan ‘Alī Ash-Sharbajī, *Fiqh Manhājī ’Ala Madhab Al-Imām Ash-Shāfi’ī*, 97.

Walaubagaimanapun di Malaysia, Islam UUKI memperuntukkan bahawa setiap perkahwinan hendaklah didaftarkan di bawah Akta atau Enakmen setiap negeri.⁸⁴

Peruntukan UUKI juga memainkan peranan dalam menyediakan keperluan-keperluan dalam perkahwinan mengikut UUKI. Keperluan-keperluan yang dimaksudkan itu ialah had umur perkahwinan bagi lelaki dan perempuan, persetujuan pengantin perempuan, mahar atau mas kahwin, pendaftaran perkahwinan dan orang-orang yang boleh mengakadnikahkan pasangan. Jika ditinjau terdapat keseragaman dalam keperluan perkahwinan yang telah diperuntukkan di dalam UUKI mengikut negeri-negeri di Malaysia.⁸⁵

2.3.1 Mahar Atau Mas Kahwin

Sebenarnya, tiada masalah dalam memenuhi keperluan perkahwinan menurut Undang-undang Keluarga Islam UUKI di Malaysia terutama dalam perkara yang melibatkan mas kahwin. Terdapat beberapa isu yang tidak memberi kesan yang besar kepada pasangan dalam memenuhi tuntutan keperluan untuk berkahwin dari segi perundangan misalnya isu mas kahwin hutang, penetapan kadar mas kahwin, paksaan untuk menerima kadar mas

⁸⁴ Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, *Formaliti dan Prosedur Perkahwinan*,

⁸⁵ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Akta 303; Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003; Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003; Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985 Negeri Terengganu; Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008; Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2002 Negeri Kelantan; Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003; Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002; Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005 Pahang; Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2006 (Pindaan 2008) Negeri Perlis; Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004; Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004 Negeri Sabah; Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam 2001 Negeri Sarawak; Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

kahwin yang diberikan dan juga isu tidak membayar mas kahwin.⁸⁶ Namun, masalah tersebut bukanlah satu isu besar yang perlu diselesaikan kerana mas kahwin bukanlah salah satu rukun dalam terbentuknya sesuatu perkahwinan.

Walaupun begitu, mas kahwin wajib dibayar sepetimana yang telah ditafsirkan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan Enakmen bagi setiap negeri-negeri telah menyebut bahawa mas kahwin atau mahar ialah pembayaran kahwin yang wajib dibayar di bawah Hukum Syarak oleh suami kepada isteri pada masa perkahwinan diakadnikahkan, sama ada berupa wang yang sebenarnya dibayar atau diakui sebagai hutang dengan atau tanpa cagaran, atau berupa suatu yang menurut Hukum Syarak dapat dinilai dengan wang.

Ini bermakna sekiranya mas kahwin tidak dibayar secara tunai semasa akad nikah berlangsung, maka perkara ini tidak akan menjelaskan kesahan akad nikah tersebut. Sebaliknya pembayaran mas kahwin itu akan tertangguh dan dianggap hutang yang perlu dijelaskan.⁸⁷ Pihak suami juga tidak berhak atau memaksa isteri untuk membelanjakan mas kahwinnya untuk membeli perkakas atau keperluan yang berada di bawah tanggungan suami. Ini disebabkan mas kahwin itu sudah menjadi hak isteri dan terpulanglah kepada isteri untuk membelanjakannya.⁸⁸

⁸⁶ Mat Saad Abd. Rahman, *Undang-Undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa* (Shah Alam: Hizbi, 1993), 45-46.

⁸⁷ Raihanah Abdullah, "Prosedur Perkahwinan," 10.

⁸⁸ Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Raihanah Azahari, *Undang-Undang Keluarga Islam Konsep Dan Perlaksanaannya Di Malaysia*, cet. pertama (Kuala Lumpur: Fakulti Syariah Akademi Islam, Universiti Malaya, 1989), 90.

2.3.2 Had Umur Perkahwinan

Menurut pemerhatian penulis terdapat isu yang timbul dalam melaksanakan keperluan tersebut antaranya ialah had umur perkahwinan bagi lelaki dan perempuan. Sebagai contoh, baru-baru ini masyarakat telah digemparkan dengan isu perkahwinan pasangan di bawah umur di Kedah yang mana pengantin lelaki berumur 19 tahun, manakala pasangannya pengantin perempuan berumur 13 tahun. Pasangan ini telah berkahwin setelah mendapat perintah Mahkamah untuk kebenaran berkahwin di bawah umur dari Mahkamah Rendah Syariah Kulim⁸⁹ sepertimana yang telah termaktub di dalam seksyen 18(1)(a) iaitu sekiranya salah satu pihak kepada perkahwinan yang dicadangkan itu adalah di bawah umur yang dinyatakan dalam seksyen 8, maka Hakim Syarie boleh memberi kebenaran apabila berpuas hati tentang kebenaran perkara-perkara yang disebutkan di dalam permohonan itu.⁹⁰ Peruntukan tersebut telah menjadi satu ketetapan had umur minima bagi pasangan yang ingin berkahwin dalam UUKI di Malaysia.

Antara negeri yang terawal yang membuat peruntukan mengenai umur minima berkahwin ialah Johor.⁹¹ Di mana setiap perempuan yang hendak dinikahkan itu hendaklah berumur tidak kurang dari 16 tahun dan bagi lelaki yang hendak dinikahkan hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun. Melainkan dengan sebab-sebab tertentu dan dengan kebenaran Kadi Besar.⁹² Peruntukan ini tidak mempunyai beza dengan enakmen yang telah

⁸⁹ “Pengantin Budak”, laman sesawang *Mymetro*, dikemaskini 22 November 2011, dicapai 31 Disember 2012, <http://www.hmetro.com.my/articles/Pengantinbudak/Article>.

⁹⁰ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (Bil 7/2008).

⁹¹ Ahmad Ibrahim, *Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia*, 38.

⁹² Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978 Seksyen 113 (6), yang telah dimansuhkan oleh Enakmen Undang-Undang Keluarga Johor 1990

dipinda dan diamalkan di Johor sekarang sepetimana yang telah dinyatakan di dalam seksyen 8.⁹³

Berlainan pula di Sarawak sebelum pindaan dibuat telah diperuntukkan bahawa jika seorang perempuan dikahwinkan oleh bapa atau datuknya, perkahwinan itu adalah sah, walaupun perempuan itu belum baligh. Tiada orang lain boleh mengahwinkan seorang perempuan yang belum baligh, baligh dianggap tercapai apabila sudah berumur 15 tahun.⁹⁴ Pun begitu, kini telah diseragamkan di setiap negeri mengenai peruntukan mengenai umur minimum berkahwin iaitu tiada sesuatu perkahwinan boleh diakadnikahkan atau didaftarkan di bawah Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, jika lelaki itu berumur kurang daripada 18 tahun atau perempuan kurang daripada 16 tahun kecuali jika Hakim Syariah telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam keadaan tertentu.⁹⁵

Perlu difahami bahawa tujuan penetapan umur minimum untuk berkahwin di dalam UUKI tersebut adalah untuk memastikan bahawa kedua-dua lelaki dan perempuan bersedia dari segala aspek seperti emosi, fizikal dan kewangan untuk berumahtangga supaya perkahwinan yang dibina oleh pasangan dapat dinikmati dan difahami akan tanggungjawab yang harus dipikul oleh mereka.⁹⁶ Ini menunjukkan bahawa, di dalam setiap peruntukan Undang-undang Keluarga Islam bagi setiap negeri, had umur telah menjadi asas untuk seseorang melangsungkan perkahwinan. Faktor kedewasaan seseorang diambil kira dalam

⁹³ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003 (Bil 17/2003).

⁹⁴ Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak, Seksyen 49

⁹⁵ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 Seksyen 7 seperti dipinda oleh Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) Pindaan 1994.

⁹⁶ Raihanah Abdullah, "Prosedur Perkahwinan," 11.

menentukan had umur yang layak berkahwin. Walaupun dalam Islam tidak menetapkan had umur untuk berkahwin, ianya juga tidak melanggar Hukum Syarak kerana di dalam al-Quran sendiri menyatakan berdasarkan firman Allah SWT yang berbunyi:

وَبَتَلُوا الْيَتَمَى حَتَّى إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ فَإِنْ ءَانَسْتُمْ مِنْهُمْ رُشْدًا فَادْفَعُوهُنَّا
إِلَيْهِمْ أَمْوَالُهُمْ وَلَا تَأْكُلُوهَا إِسْرَافًا وَبِدَارًا أَن يَكْبُرُوا وَمَن كَانَ غَنِيًّا
فَلَيَسْتَعِفْ فَوْمَن كَانَ فَقِيرًا فَلَيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفِ فَإِذَا دَفَعْتُمْ إِلَيْهِمْ
أَمْوَالُهُمْ فَأَشْهُدُوْ عَلَيْهِمْ وَكَفَى بِاللَّهِ حَسِيبًا

An-Nisa' 4: 6

Terjemah: Dan ujilah anak-anak yatim itu (sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur (dewasa). kemudian jika kamu nampak dari keadaan mereka (tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka) telah cerdik dan berkebolehan menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya; dan janganlah kamu makan harta anak-anak yatim itu secara yang melampaui batas dan secara terburu-buru (merebut peluang) sebelum mereka dewasa. dan sesiapa (di antara penjaga harta anak-anak yatim itu) yang kaya maka hendaklah ia menahan diri (dari memakannya); dan sesiapa yang miskin maka bolehlah ia memakannya dengan cara yang sepatutnya. kemudian apabila kamu menyerahkan kepada mereka hartanya, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi (yang menyaksikan penerimaan) mereka. dan cukuplah Allah sebagai Pengawas (akan segala yang kamu lakukan).

Ayat tersebut telah menjelaskan bahawa salah satu syarat untuk melayakkan seseorang untuk melangsungkan perkahwinan adalah bergantung kepada pihak-pihak yang berkenaan hendaklah mencapai umur dewasa. Menurut agama Islam pula, umur baligh adalah merupakan had bagi seseorang memikul tanggungjawab Hukum Syarak atau disebut sebagai *taklif* dan mereka yang mencapai umur baligh disebut sebagai *mukallaf*.⁹⁷ Oleh itu untuk memudahkan urusan pentadbiran, had umur perkahwinan dikira menggunakan kaedah penetapan umur.⁹⁸ Walau bagaimanapun, masalah perkahwinan di bawah umur boleh diselesaikan mengikut UUKI dengan mendapat perintah Mahkamah Syariah untuk kebenaran berkahwin di bawah umur dengan syarat Hakim Syarie berpuas hati terhadap alasan permohonan yang dikemukakan.

2.3.3 Persetujuan Pengantin Perempuan

Persetujuan pengantin perempuan akan diberi melalui walinya. Sepertimana yang telah disebut di dalam seksyen 13, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 yang menyebut bahawa sesuatu perkahwinan adalah tidak sah dan tidak boleh didaftarkan di bawah akta ini melainkan kedua-dua pihak kepada perkahwinan itu telah bersetuju terhadapnya sama ada :

- a) wali pihak perempuan telah bersetuju terhadap perkahwinan itu mengikut Hukum Syarak; atau
- b) Hakim Syarie yang mempunyai bidang kuasa di tempat di mana pihak perempuan itu bermastautin atau seseorang yang diberi kuasa secara am atau

⁹⁷ Nik Noraini Nik Badli Shah, *Perkahwinan Dan Perceraian Di Bawah Undang-Undang Islam* (International Law Book Services, 1998), 7-8.

⁹⁸ Raihanah Abdullah, "Prosedur Perkahwinan," 12.

khas bagi maksud itu oleh Hakim Syarie itu telah, selepas penyiasatan wajar di hadapan semua pihak yang berkenaan, memberi persetujuannya terhadap perkahwinan itu oleh wali Raja mengikut Hukum Syarak; persetujuan tersebut boleh diberi jika perempuan tiada mempunyai wali dari nasab mengikut Hukum Syarak atau jika wali tidak dapat ditemui atau jika wali enggan memberikan persetujuannya tanpa sebab yang mencukupi.

Peruntukan di dalam akta tersebut merupakan suatu kaedah atau cara untuk mendapatkan persetujuan dari kedua-dua belah pihak sama ada wali ataupun perempuan. Hal ini kerana, perkahwinan yang dibina nanti tidak menimbulkan masalah disebabkan perkahwinan itu didasarkan atas persetujuan bersama kedua-dua belah pihak. Oleh itu, persetujuan dari pihak perempuan mesti diperolehi sebelum sesuatu upacara perkahwinan dilangsungkan.

Dalam amalan perkahwinan di Malaysia persetujuan diperolehi melalui kadi yang mengakadnikahkan perkahwinan itu, dua orang saksi yang akan bertanya kepada pihak perempuan dan meminta izinnya bagi perkahwinan itu. Walaupun begitu, persetujuan bukan sesuatu yang penting sekiranya gadis itu dikahwinkan oleh bapa atau datuknya (wali mujbir mengikut mazhab Shafi'i). Undang-undang Islam membolehkan persetujuannya itu dianggap dari diamnya dan oleh kerana itu tidaklah semestinya persetujuannya itu persetujuan yang sebenar.⁹⁹

⁹⁹ Ahmad Ibrahim, *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*, 40.

Akan tetapi timbul persoalan sekufu dalam memberi persetujuan untuk berkahwin oleh pengantin perempuan mahupun wali itu sendiri. Wujud dua situasi dalam memberi persetujuan tersebut, pertama sekiranya seorang perempuan telah dipaksa oleh bapa atau datuk sebelah bapa (wali mujbir) untuk berkahwin dengan lelaki yang tidak sekufu, maka dia boleh meminta untuk membatalkan perkahwinan. Situasi kedua pula, seorang bapa boleh meminta untuk membatalkan perkahwinan anaknya, sekiranya lelaki berkenaan tidak sekufu dengan anaknya.¹⁰⁰ Sebagai contoh di dalam kes *Haji Mohamed lwn Bahrunnasran dan Mazliani binti Mohamed*¹⁰¹ menyatakan bahawa perbuatan wali am di dalam kes ini bercanggah dengan Hukum Syarak kerana seorang lelaki berpenyakit HIV positif tidak sesuai dipadankan dengan seorang perempuan biasa yang tiada mempunyai penyakit yang sama. Mahkamah Syariah memutuskan bahawa seorang bapa boleh membatalkan perkahwinan anak perempuannya kerana tidak sekufu. Oleh itu, syarat sekufu merupakan faktor penting dalam memberi persetujuan untuk berkahwin. Sekiranya pasangan yang ingin dikahwininya tidak sekufu, mana-mana pihak sama ada pengantin perempuan mahupun wali *mujbir* boleh membatalkan perkahwinan tersebut. Walaubagaimanapun, persetujuan pengantin perempuan diambil kira apabila wali tersebut enggan memberikan persetujuan atas alasan yang tidak munasabah.

Manakala dalam kes *Syed Abdullah Al-Shatiri lwn Shariffa Salmah*,¹⁰² seorang perempuan boleh dipaksa oleh bapanya sendiri untuk berkahwin dengan lelaki yang tidak disukainya. Dalam kes ini, perempuan tersebut telah dipaksa oleh bapanya untuk berkahwin dengan seorang lelaki Arab atas alasan sekufu dengannya, sedangkan pemuda yang disukai

¹⁰⁰ Mimi Kamariah Majid, *Undang-Undang Keluarga Di Malaysia* (Butterworth Asia, 1992), 36.

¹⁰¹ *Haji Mohamed lwn Bahrunnasran dan Mazliani binti Mohamed* (1998) 12 JH 1.

¹⁰² *Syed Abdullah Al-Shatiri lwn Shariffa Salmah* (1959) MLJ 137.

oleh perempuan tersebut ialah seorang *muallaf* India. Hal ini menunjukkan bahawa, persetujuan pengantin perempuan tidak diambil kira apabila wali *mujbir* mengambil kira syarat sekufu dalam perkahwinan tersebut. Apabila pemuda yang ingin dikahwini oleh perempuan tersebut tidak sekufu dengannya, maka hilanglah kelayakan seorang perempuan untuk membatalkan perkahwinan tersebut.

Dalam keadaan zaman yang semakin mencabar, adalah lebih baik sekiranya keizinan pengantin diperolehi sebelum sesuatu perkahwinan dilangsungkan. Ini kerana melihat kepada beberapa kemaslahatan, seperti berlaku penganiayaan terhadap pasangan dan timbul rasa tidak bahagia dalam kehidupan rumah tangga. Maka peruntukan UUKI tersebut adalah wajar sebagai jalan penyelesaian terhadap masalah yang bakal berlaku di setiap negeri-negeri di Malaysia sepertimana yang telah diseragamkan seluruh negeri contohnya Selangor,¹⁰³ Wilayah Persekutuan,¹⁰⁴ Negeri Sembilan,¹⁰⁵ Perak,¹⁰⁶ Kedah,¹⁰⁷ Perlis,¹⁰⁸ Terengganu,¹⁰⁹ Pahang,¹¹⁰ Kelantan,¹¹¹ Melaka,¹¹² Johor,¹¹³ Pulau Pinang,¹¹⁴ Sarawak¹¹⁵ dan Sabah.¹¹⁶

¹⁰³ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984, s 13.

¹⁰⁴ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, s 13.

¹⁰⁵ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003, s 13.

¹⁰⁶ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perak 2004, s 13.

¹⁰⁷ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah 2008, s 13.

¹⁰⁸ Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam Perlis 1992, s 13.

¹⁰⁹ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Terengganu 1985, s 11

¹¹⁰ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005, s 13.

¹¹¹ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 2002, s 13.

¹¹² Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Melaka 2002, s 13.

¹¹³ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Johor 2003, s 13.

¹¹⁴ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pulau Pinang 2004, s 13.

¹¹⁵ Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak 2001, s 11.

¹¹⁶ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Sabah 2004, s 13.

2.3.4 Pendaftaran Perkahwinan

Selain daripada masalah penetapan had umur perkahwinan dan persetujuan pihak-pihak dalam perkahwinan, terdapat satu isu besar yang menjadi masalah kepada pasangan yang berkahwin tanpa mengikut prosedur untuk mendaftarkan perkahwinan. Hal ini kerana, mereka hanya memenuhi syarat dan keperluan perkahwinan dari sudut Islam seperti cukuplah dengan memenuhi rukun perkahwinan yang menjadi tunjang kepada keesahan sesuatu perkahwinan. Sedangkan keperluan mendaftarkan perkahwinan hanyalah bersifat undang-undang bukannya hukum. Akan tetapi ketetapan pendaftaran perkahwinan itu mempunyai tujuan dan matlamat unyuk menjaga kepentingan masyarakat. Oleh itu, selagimana ianya tidak bertentangan dengan agama Islam hendaklah dipatuhi.

Merekodkan sesuatu perkahwinan adalah satu maslahat atau keperluan¹¹⁷ dan sekiranya sesuatu perkahwinan yang dilangsungkan mengikut Hukum Syarak ia tetap sah walaupun tidak didaftarkan. Pendaftaran itu hanyalah sebagai syarat tambahan kepada kepada UUKI dan bukanlah termasuk dalam sebahagian rukun atau syarat sah sesuatu akad perkahwinan.¹¹⁸ Dalam hal ini, Islam melihat kepada keperluan semasa dalam menangani sesuatu isu selagi ia tidak melanggar dengan mana-mana nas syarak baik secara khusus mahupun secara umum. Menurut Mahmood Zuhdi bin Haji Abdul Majid, pendaftaran perkahwinan walaupun tidak pernah dinaskan dalam mana-mana hadith tetapi cara ini memang diperlukan bagi mengelak daripada berlakunya penyelewengan.¹¹⁹

¹¹⁷ Mek Wok Mahmud, “Opinions Of Contemporary Muslim Jurists On The Registration Of Marriages”, 447.

¹¹⁸ Noraini Mohd Hashim, “Prosedur Dan Pendaftaran Perkahwinan,” 21.

¹¹⁹ Mahmood Zuhdi bin Haji Abdul Majid, *Kursus Perkahwinan dan Undang-Undang Keluarga Islam*, (Kuala Lumpur: Dasar Cetak (M) Sdn. Bhd, 1993), 33.

Oleh itu, setiap perkara yang berkaitan perkahwinan diselia di bawah Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing. Jabatan Agama Islam Negeri akan mengeluarkan dan mengesahkan sijil perakuan nikah yang mengandungi maklumat diri suami dan isteri, wali, saksi, tarikh dan tempat pernikahan, mahar atau mas kahwin dan hantaran (jika ada). Lazimnya, pendaftaran perkahwinan ini akan dibuat ketika akad nikah tersebut ataupun di Pejabat Agama oleh Pendaftar Nikah sendiri. Pembantu pendaftar nikah seperti imam, jurunikah ataupun naib kadi akan membuat catatan dalam pendaftaran perkahwinan tersebut.¹²⁰ Perkara ini telah dinyatakan dengan jelas di dalam Seksyen 2, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Ini menunjukkan bahawa setiap pendaftaran perkahwinan yang ada pada akta atau enakmen setiap negeri ini perlulah dibuktikan melalui sijil yang dikeluarkan oleh pendaftar dan pembuktian itu juga mestilah ditandatangani oleh pendaftar.

Sebenarnya pendaftaran perkahwinan bukanlah masalah utama kepada pasangan yang ingin berkahwin, akan tetapi ianya menjadi masalah sekiranya perkahwinan tersebut dilangsungkan tanpa mengikut undang-undang untuk didaftarkan. Hal ini bermakna, pendaftaran perkahwinan dikira sah menurut UUKI sekiranya mempunyai bukti untuk mendaftarkan perkahwinan seperti melampirkan dokumen atau mendapat catatan pengesahan dari pendaftar. Bahkan jika berlaku sebaliknya, pembuktian pernikahan pasangan tidak boleh dibuktikan untuk didaftarkan walaupun pada hakikat syarak perkahwinan itu adalah sah tetapi mengikut UUKI ianya dikira sebagai suatu kesalahan.

¹²⁰ Raihanah Abdullah, “Prosedur Perkahwinan,” 15.

Hal ini menyebabkan segala tuntutan di Mahkamah Syariah tidak dapat dilaksanakan seperti tuntutan nafkah, perceraian ataupun kematian. Kesan daripada tidak mendaftarkan perkahwinan juga menjadi lebih rumit sekiranya berlaku kematian terhadap suaminya. Jika pihak isteri tidak dapat membuktikan kesahan perkahwinan itu, maka isteri dan anaknya tidak dapat mewarisi harta pusaka peninggalan suami atau bapanya kerana pihak Mahkamah Syariah tidak akan melayan sebarang tuntutan yang dibuat oleh mereka berkaitan dengan tuntutan harta pusaka.¹²¹ Perlu diingat bahawa kegagalan mendaftarkan perkahwinan boleh menyebabkan pasangan dikenakan penalti sama ada didenda atau dipenjarakan atau kedua-dua sekali mengikut penalti yang termaktub di dalam akta atau enakmen bagi setiap negeri.¹²²

Oleh itu, peruntukan UUKI yang mewajibkan pendaftaran perkahwinan bagi setiap negeri-negeri pada masa kini adalah untuk kebaikan bersama. Walaupun tidak terlaksana pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat, hakikatnya ianya tidak bercanggah dengan Hukum Syarak. Matlamat peruntukan ini dibuat adalah untuk mengemaskini hal ehwal orang-orang Islam di Malaysia dan sebagai salah satu sistem atau mekanisma untuk mengawal segelintir masyarakat Islam supaya tidak menyalahgunakan kemudahan di bawah Hukum Syarak dalam melaksanakan sesuatu perkahwinan.¹²³ Kesimpulannya, di dalam masyarakat yang sudah berkembang dan maju serta cara hidup yang semakin kompleks maka adalah wajar pendaftaran perkahwinan sebagai bukti terpenting yang boleh

¹²¹ *Ibid.*

¹²² Noraini Mohd Hashim, "Prosedur Dan Pendaftaran Perkahwinan," 36.

¹²³ *Ibid.*, 35.

diakui apabila berlaku sebarang kemungkinan atau permasalahan yang timbul hasil daripada perkahwinan itu.¹²⁴

2.3.5 Pihak Yang Boleh Mengakadnikahkan Pasangan

Wujud isu bagi pihak yang boleh mengakadnikahkan pasangan bila mana keadaan pihak yang boleh mengakadnikahkan pasangan tersebut tidak layak. Peruntukan dalam akta dan enakmen bagi setiap negeri-negeri menetapkan bahawa terdapat hanya tiga orang yang berkelayakan dalam menjalankan upacara pernikahan dalam keadaan bakal isteri mempunyai wali nasab. Mereka yang dibenarkan menjalankan upacara pernikahan ini mestilah mengikut Hukum Syarak sepertimana yang diperuntukkan dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 Seksyen 7(1) iaitu sesuatu perkahwinan di Wilayah Persekutuan hendaklah diakadnikahkan mengikut Hukum Syarak iaitu wali di hadapan Pendaftar (wali kepada perempuan itu sendiri sama ada yang dekat seperti bapa atau datuk mahupun yang jauh seperti saudara lelaki atau bapa saudara); wakil wali di hadapan dan dengan kebenaran Pendaftar (wakil wali boleh digunakan sekiranya wali nasab tidak mahu menjalankan akad nikah tetapi mewakilkan kepada seseorang sebagai wakil walinya. Wakil wali juga mestilah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pendaftar sebelum mengakadnikahkan pasangan serta upacara perkahwinan tersebut mestilah dijalankan di hadapan pendaftar); atau Pendaftar sebagai wakil wali (hal ini disebabkan wali tidak mahu mengakadnikahkan pasangan dan mewakilkan kepada pendaftar sebagai wakil wali).¹²⁵

¹²⁴ Md.Akhir Yaacob, Siti Zalikhah Md. Noor, *Beberapa Aspek Mengenai Enakmen Keluarga Islam Di Malaysia* (Al-Rahmaniah : Badan Dakwah Dan Kebajikan Islam Malaysia, 1989), 6.

¹²⁵ Raihanah Abdullah, "Prosedur Perkahwinan," 15-16.

Dalam permasalahan perempuan yang tidak mempunyai wali untuk menikahkannya seperti ketiadaan wali nasab mengikut Hukum Syarak, wali tidak dapat ditemui atau wali yang ingkar (tanpa sebab munasabah mengikut Hukum Syarak) pula, perempuan tersebut boleh membuat permohonan kepada mahkamah untuk dinikahkan secara wali raja atau wali hakim. Selepas permohonan dibuat, maka pihak yang berwajib akan menjalankan segala siasatan dengan memanggil pihak yang berkenaan untuk diambil keterangan berkaitan permohonan tersebut. Setelah segala penyiasatan dilakukan dan Mahkamah Syariah berpuas hati dengan permohonan tersebut, Mahkamah Syariah akan memberi kebenaran kepada perempuan tersebut untuk dinikahkan oleh Wali Raja atau Wali Hakim.¹²⁶ Peruntukan ini juga telah disebut di dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 pada Seksyen 7(2).

Walau bagaimanapun sekiranya sesuatu perkahwinan dilangsungkan bertentangan dengan peruntukan UUKI yang sedia ada tetapi sah mengikut Hukum Syarak, maka perkahwinan itu adalah sah dan hendaklah didaftarkan di bawah peruntukan yang ditetapkan¹²⁷ dengan perintah Ketua Pendaftar atau Mahkamah Syariah. Akan tetapi pihak yang mengakadnikahkan pasangan dalam kes sebegini akan dihukum.¹²⁸ Akta ini dengan jelas memperuntukan bahawa sesuatu perkahwinan tidak sah dan tidak boleh didaftarkan melainkan segala syarat-syarat serta rukun-rukun mengikut Hukum Syarak atau hukum keempat-empat mazhab dipatuhi untuk disahkan selepas penyiasatan dibuat. Mengikut amalan di Malaysia, peruntukan Undang-undang Keluarga Islam hendaklah dipatuhi

¹²⁶ Noraini Mohd Hashim, “Prosedur Dan Pendaftaran Perkahwinan,” 10.

¹²⁷ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. s 12 (2).

¹²⁸ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. s 40 (2).

sekiranya syarat-syarat serta rukun-rukun yang ditetapkan oleh salah satu mazhab itu dipenuhi.¹²⁹

Melihat kepada amalan perkahwinan di Malaysia, sesuatu upacara akad nikah hanya boleh dijalankan di hadapan pendaftar walaupun ia dinikahkan oleh walinya sendiri. Pendaftar yang dimaksudkan oleh UUKI ialah Pendaftar Kanan Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk termasuklah pendaftar dan penolong pendaftar bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai raja seperti Pulau Pinang, Melaka dan Wilayah Persekutuan. Pendaftar dilantik oleh Yang Dipertuan Agong dan Jabatan Agama Islam bagi negeri Sabah dan Sarawak. Manakala bagi negeri-negeri yang lain, Pendaftar Kanan Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Raja.¹³⁰

Manakala bagi pasangan yang ingin melangsungkan upacara akad nikah di luar negara, Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk bagi orang Islam dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong yang mana lantikan ini terdiri daripada mana-mana staf diplomatik Malaysia.¹³¹ Ini bermakna pegawai-pegawai awam yang dilantik sahaja boleh menjalankan upacara akad nikah yang sah di sisi UUKI di luar negara.

Oleh itu, orang-orang yang boleh mengakadnikahkan pasangan boleh hilang kelayakan sekiranya mereka tidak mendapat pengiktirafan dalam Undang-undang Keluarga Islam UUKI terhadap kuasa untuk mengakadnikahkan pasangan yang hendak berkahwin. Justeru itu, setiap pasangan yang hendak berkahwin perlu menyiasat dan memastikan latar

¹²⁹ Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Raihanah Azahari, *Undang-Undang Keluarga Islam Konsep Dan Perlaksanaannya Di Malaysia*, 71.

¹³⁰ Raihanah Abdullah, “Prosedur Perkahwinan,” 16.

¹³¹ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. s 28 (3).

belakang jurunikhah tersebut mendapat tauliah di sisi perundangan supaya perkahwinan tersebut diiktiraf oleh syarak dan UUKI.

2.4 Kesimpulan

Islam telah mensyariatkan setiap peraturan dan hukum dalam setiap perkara mempunyai tujuan dan matlamat iaitu menjaga kebaikan dan menolak keburukan. Umat Islam digalakkan mempelajari prinsip asas dalam membina keluarga yang sebenar kerana ianya menjadi fardhu ‘ain bagi setiap muslim yang hendak mendirikan rumah tangga. Namun sebelum mendirikan rumah tangga, mereka hendaklah memahami kepentingan mematuhi keperluan dan syarat dalam perkahwinan menurut Islam. Secara amnya, ia kelihatan mudah dengan memenuhi rukun perkahwinan seperti calon suami, calon isteri, wali, dua orang saksi dan lafaz ijab dan qabul (*sigha*). Hakikatnya, manusia akan melakukan apa sahaja apabila terdesak, walaupun tindakan dan perbuatannya itu boleh membawa kepada kemudaran di kemudian hari.

Justeru itu, umat Islam bukan sahaja perlu mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan di dalam Islam malah menjadi satu kewajipan untuk mereka mematuhi peruntukan Undang-undang Keluarga Islam UUKI yang telah disediakan. Tujuannya hanya satu supaya pernikahan yang dijalankan sah sepermulaan yang dituntut dalam Hukum Syarak. Sebagai contoh, mereka akan ditanya mengenai saksi, hubungan nasab pasangan, kedudukan wali dan perkara yang berkait sebelum mendapat kelulusan oleh pihak pendaftar.

Oleh itu, objektif peruntukan UUKI yang disediakan ini harus diterima oleh semua pihak yang hendak berkahwin demi kebaikan masing-masing. Selain itu, isu menyusahkan atau merumitkan tidak sepatutnya timbul kerana penggubal Undang-undang Keluarga Islam percaya dengan adanya peruntukan ini boleh mengelak sebarang masalah yang timbul kelak. Selain itu, prosedur ini penting bagi menjamin perkahwinan tersebut didaftarkan untuk tujuan pengeluaran sijil nikah dan seumpamanya sebagai bukti terhadap perkahwinan yang dilakukan oleh setiap pasangan.

Ringkasnya, prosedur perkahwinan yang telah diperuntukkan di bawah Akta dan Enakmen UUKI negeri-negeri tidak bercanggah dengan prosedur perkahwinan di dalam Islam. Malah, prosedur perkahwinan yang diamalkan sekarang merupakan penambahbaikan dari prosedur perkahwinan yang sedia ada di dalam Islam supaya lebih tersusun dan sistematik. Matlamat Akta dan Enakmen tersebut bertujuan untuk mengemas kini pentadbiran hal ehwal orang-orang Islam di Malaysia. Ia juga adalah sebagai sistem yang dapat mengawal segelintir orang yang menyalahgunakan kemudahan bawah Hukum Syarak dalam permasalahan perkahwinan dengan mengambil jalan keluar melalui berkahwin tidak mengikut prosedur.¹³²

¹³² Noraini Mohd Hashim, "Prosedur Dan Pendaftaran Perkahwinan," 35.

BAB 3:

PERKAHWINAN TIDAK MENGIKUT PROSEDUR MENURUT AKTA UNDANG- UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

3.1 Pengenalan

UUKI di Malaysia adalah suatu undang-undang yang memperuntukkan tentang hal-hal yang berkaitan dengan perkahwinan, perceraian dan perkara-perkara yang berkaitan dengan keduanya. Ianya dinyatakan sendiri di dalam tajuk ringkas UUKI iaitu, "Suatu akta bagi menganunkan peruntukan-peruntukan tertentu Undang-undang Keluarga Islam mengenai perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan dan lain-lain perkara berkaitan dengan kehidupan keluarga".

Asasnya, sesuatu pernikahan itu boleh dilakukan di mana sahaja tempat yang dipilih pasangan asalkan pernikahan mereka memenuhi rukun nikah dan syaratnya. Bagaimanapun, bagi memastikan pernikahan itu diakui, kebenaran melangsungkan pernikahan hendaklah diperoleh terlebih dulu mengikut proses Undang-undang Keluarga Islam UUKI.

Secara umumnya, perkahwinan tidak mengikut prosedur boleh diklasifikasikan kepada dua kategori. Kategori yang pertama ialah perkahwinan tanpa kebenaran Pendaftar di mana kesalahan ini dilakukan oleh pasangan yang hendak berkahwin (bujang) tanpa merujuk kepada pendaftar yang mempunyai hak bagi negeri masing-masing. Bagi kategori yang kedua pula, perkahwinan tanpa kebenaran Mahkamah Syariah. Perkara ini meliputi

kesalahan yang berkaitan dengan perkahwinan poligami, perkahwinan bawah umur, perkahwinan janda berhias dan perkahwinan yang menggunakan Wali Raja atau Wali Hakim. Oleh itu, kategori tersebut jelas membuktikan bahawa sesuatu perkahwinan hanya boleh dilangsungkan dengan meminta kebenaran dari pihak tersebut.

Sehubungan dengan itu, bab ini membincangkan tentang kebenaran dan kesalahan mengenai perkahwinan yang telah diperuntukan di dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 supaya mereka jelas terhadap prosedur perkahwinan yang akan dilalui sebelum melangsungkan perkahwinan. Selain itu juga, di dalam bab ini turut menjelaskan tentang penalti atau denda yang akan dikenakan sekiranya pasangan melangsungkan perkahwinan tanpa mengikut prosedur yang ditetapkan.

3.2 Peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam (UUKI) Mengenai Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur.

Maksud kedudukan dari segi akta ialah kedudukan kebenaran perkahwinan mengikut prosedur dan kesalahan perkahwinan tidak mengikut prosedur di dalam peruntukan UUKI yang berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan. Oleh itu, UUKI yang mengawal hal ehwal perkahwinan bagi orang Islam di Wilayah Persekutuan dinamakan sebagai Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Maksud kebenaran ialah peruntukan yang perlu dipatuhi bagi setiap pasangan yang ingin berkahwin untuk membolehkan perkahwinan itu diiktiraf serta didaftarkan yang terdiri daripada 18 seksyen Bahagian II Akta tersebut. Manakala, maksud kesalahan ialah beberapa penalti yang dikenakan kepada pasangan yang melakukan kesalahan berhubung dengan akad nikah

perkahwinan seperti yang diperuntukkan di dalam Bahagian IV Akta tersebut. Setiap penalti yang dibuat mempunyai justifikasi dalam menyelesaikan masalah perkahwinan tidak mengikut prosedur.

Penulis mengkategorikan penalti yang dikenakan di bawah Seksyen 40 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah) Persekutuan 1984 ini kepada beberapa kesalahan iaitu kesalahan berhubung dengan akad nikah, permastautinan, membuat akuan atau pernyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan, melakukan akad nikah yang tidak dibenarkan dan poligami tanpa kebenaran. Setiap kategori tersebut adalah kesalahan yang telah diperuntukkan dalam peruntukan UUKI yang mempunyai justifikasinya kenapa ia dibuat. Oleh itu untuk mengetahui lebih lanjut mengenai justifikasi penalti tersebut adalah seperti berikut:

3.2.1 Kesalahan Berhubungan Dengan Akad Nikah Perkahwinan

Sekiranya sesuatu perkahwinan dilangsungkan bersalahan dengan peruntukan itu, ia dianggap sebagai perkahwinan tidak mengikut prosedur dan hukuman akan dikenakan kepada pasangan. Kenyataan ini disokong dengan Seksyen 40 yang menyatakan bahawa semua bentuk pernikahan yang dilangsungkan tanpa kebenaran Pendaftar Nikah adalah menjadi satu kesalahan dan boleh dikategorikan sebagai pernikahan tidak mengikut prosedur. Pasangan akan dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.¹³³

¹³³ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

Situasi ini berlaku apabila pasangan berkahwin di luar negara seperti di Thailand, Indonesia dan sebagainya. Sebagai contoh, dalam kes *Hasmah binti Sharie lwn Juhari bin Abdul Ghani*,¹³⁴ permohonan kes ini dibicarakan untuk menentukan sahnya perkahwinan yang dilangsungkan di Thailand dan kemudiannya mensabitkan perceraian antara pasangan tersebut. Untuk mengesahkan perkahwinan dan perceraian pasangan perlu meliputi tiga seksyen dalam Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam 1985. Pertama Seksyen 10 telah memperuntukkan bahawa sesuatu perkahwinan adalah tak sah melainkan jika cukup semua syarat yang perlu di dalam Hukum Syarak. Kedua, di dalam Seksyen 107(1) pula menjelaskan bahawa sesuatu perkahwinan orang Islam di luar Malaysia, lain daripada perkahwinan yang diakadnikahkan di sesuatu Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi, atau Pejabat Konsul Malaysia di bawah seksyen 22¹³⁵ hendaklah diiktiraf sah seperti yang dikehendaki dalam Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985. Dalam kes ini Mahkamah syariah memutuskan bahawa perkahwinan antara pasangan berwalikan Wali Am di Thailand yang diberi kuasa menikahkan perempuan-perempuan yang putus wali secara Wali Hakim adalah sah menurut Hukum Syarak. Oleh itu, pengesahan perkahwinan dan pengesahan perceraian mensyaratkan sesuatu perkahwinan itu hendaklah sah menurut Hukum Syarak barulah ianya diiktiraf berdasarkan UUKI.

Sebenarnya pasangan yang berkahwin di luar negara ini wujud kerana beberapa sebab seperti wali enggan memberi persetujuan kepada anak perempuan yang hendak berkahwin, poligami, mengelakkan diri daripada pensabitan khalwat dan mengandung anak

¹³⁴ *Hasmah binti Sharie lwn Juhari bin Abdul Ghani* (1995) 10 JH 1.

¹³⁵ Enakmen Terengganu Bil. 12/85.

luar nikah.¹³⁶ Oleh itu, penalti yang dibuat bertujuan untuk mengatasi masalah perkahwinan tidak mengikut prosedur yang semakin berleluasa. Namun, timbul persoalan sejauhmanakah peruntukan ini memberi impak yang positif kepada gejala tersebut.¹³⁷

3.2.2 Permastautinan

Terdapat dua kesalahan yang berbangkit dalam isu permastautinan. Pertamanya, apabila akad nikah tersebut dijalankan tanpa kebenaran jika perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan. Persoalannya apakah yang dimaksudkan dengan tanpa kebenaran itu? Dimaksudkan dengan tanpa kebenaran itu adalah apabila sesuatu perkahwinan tersebut dijalankan tanpa mendapat kebenaran dari Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk (Pendaftar).¹³⁸ Manakala maksud dengan kebenaran adalah di dalam keadaan Pendaftar berpuashati bahawa sahnya perkahwinan yang dicadangkan itu dari segi rukun-rukunnya. Sesuatu akad nikah dikira sebagai tidak mendapat kebenaran pendaftar sekiranya sesuatu kebenaran tidak diberikan sepertimana yang diperuntukkan di dalam Seksyen 16 dan 17 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

Permastautinan pemohon lelaki terkandung di dalam Seksyen 16(2) dan 19(b) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 yang

¹³⁶ Haliza A.Shukor, Nabilah Yusof, Intan Nadia Ghulam Khan dan Hasnizam Hashi, “Kahwin Lari: Satu Cadangan Keperluan Hukuman Alternatif,” (Proceeding of the Global Conference on Business, Economics and Social Sciences, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 2013), 218-222.

¹³⁷ Ibrahim Lembut, “Kesalahan-Kesalahan Dalam Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri Di Malaysia” dalam *Manual Undang-Undang Keluarga Islam*, ed. Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi (Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2006), 279-280.

¹³⁸ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, s 16, s 17.

memperuntukan jika pihak lelaki bermastautin di kariah masjid yang berlainan dari pihak perempuan atau pasangan bermastautin di mana-mana negeri, permohonannya hendaklah mengandungi dan disertai dengan kenyataan pendaftar bagi kariah masjidnya atau pihak berkuasa yang mempunyai hak bagi negeri itu.

Bagi pemohon wanita pula, segala isu permastautinan merujuk kepada Seksyen 20 di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 iaitu sesuatu perkahwinan hendaklah dinikahkan di kawasan kariah masjid tempat perempuan itu bermastautin. Perkahwinan yang dinikahkan di luar kariah permastautin pihak perempuan atau di luar Wilayah Persekutuan hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Pendaftar, Hakim Syarie ataupun pihak berkuasa di negeri tempat perempuan itu bermastautin. Kebenaran untuk melangsungkan perkahwinan di tempat yang telah ditentukan perlu dinyatakan dalam kebenaran berkahwin yang dikeluarkan oleh Pendaftar ataupun Hakim Syarie.

Sebagai contoh dalam kes *Shahrudin b. Hamzah dan seorang lagi*,¹³⁹ Mahkamah Rayuan menolak permohonan pengesahan perkahwinan responden dengan alasan bahawa kedua-dua responden tidak bermastautin di Negeri Kelantan. Responden Pertama berasal dari Perlis dan menetap di Kuala Lumpur, manakala Responden Kedua pula berasal di Negeri Kelantan tetapi tinggal di Kuala Lumpur dan tidak bermastautin di Negeri Kelantan. Oleh kerana mereka tidak menetap di Negeri Kelantan, Mahkamah Syariah Negeri Kelantan tidak mempunyai bidangkuasa untuk memutuskan permohonan mereka iaitu

¹³⁹ Pegawai Agama Jajahan Tumpat Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Jajahan Tumpat Iwn Shahrudin b. Hamzah dan seorang lagi (2009) 29 JH 2.

pengesahan nikah mengikut Hukum Syarak.¹⁴⁰ Justeru itu, mereka hendaklah memohon pengesahan nikah tersebut di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan di mana tempat mereka bermastautin. Setelah itu, Mahkamah Syariah akan mengeluarkan perintah untuk membuat pendaftaran perkahwinan di Wilayah Persekutuan selaras dengan seksyen 20 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

3.2.3 Akuan Atau Penyataan Palsu Untuk Mendapatkan Perkahwinan.¹⁴¹

Di samping itu terdapat juga beberapa peruntukan yang menjelaskan tentang prosedur permohonan perkahwinan menurut UUKI. Dalam hal ini wujud dua bentuk prosedur permohonan perkahwinan iaitu memohon kebenaran untuk berkahwin daripada Pendaftar di mana tempat pihak perempuan bermastautin dengan menggunakan borang yang ditetapkan¹⁴² dan memohon kebenaran untuk berkahwin daripada mahkamah.¹⁴³ Hakim Syarie akan membuat pengesahan mengikut UUKI sebelum majlis akad nikah dilangsungkan. Perkara ini terkandung di dalam Seksyen 17 dan Seksyen 18 iaitu dalam kes-kes tertentu seperti perkahwinan di bawah umur,¹⁴⁴ perkahwinan perempuan janda,¹⁴⁵ perempuan yang tidak mempunyai wali nasab mengikut Hukum Syarak¹⁴⁶ dan juga poligami.¹⁴⁷ Oleh kerana prosedur UUKI memerlukan pasangan yang ingin berkahwin mendapat kebenaran sama ada dari pendaftar ataupun Hakim Syarie untuk kes-kes tersebut, ada pihak dengan sengaja membuat keterangan atau akuan palsu untuk mendapatkan

¹⁴⁰ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan (2002) No. 6. Seksyen 4.

¹⁴¹ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, s38.

¹⁴² Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, s16.

¹⁴³ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, s. 17 -18.

¹⁴⁴ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, s.8

¹⁴⁵ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, s. 14 (3).

¹⁴⁶ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, s. 13 (b)

¹⁴⁷ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, s. 23

kebenaran. Sekiranya keadaan tersebut berlaku, maka mereka akan dikenakan denda di bawah Seksyen 40 tersebut.¹⁴⁸

Oleh yang demikian peruntukan mengenai akuan atau penyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan di dalam Seksyen 38 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 ini dibuat untuk mengawal pentadbiran UUKI di Malaysia supaya lebih prosedural dan sistematik. Hal ini kerana, penipuan akan berlaku demi mendapatkan kebenaran perkahwinan.¹⁴⁹ Sepertimana dalam kes *Kholed bin Dinyati lwn. Ketua Pendakwa Syarie Melaka*¹⁵⁰ membuktikan bahawa kesalahan yang dilakukan perayu iaitu membuat akuan palsu untuk mendapatkan suatu perakuan Sijil Nikah dengan menggunakan Kad Pengenalan orang lain dikekalkan. Penalti berjumlah RM 2,000.00 dan hukuman penjara ke atas beliau diketepikan. Mahkamah Syariah berhujah, kesalahan ini merupakan kesalahan kali pertama dan tiada mana-mana rekod jenayah dilakukan oleh perayu setakat ini, dengan sebab itu Mahkamah Syariah mengetepikan hukuman penjara ke atas beliau. Walau bagaimanapun, dalam kes ini jelas menunjukkan bahawa sabitan bagi kesalahan Seksyen 38 ini tetap akan dihukum dengan denda atau penjara atau kedua-duanya sekali.

3.2.4 Akad Nikah Perkahwinan Yang Tidak Dibenarkan

Orang yang boleh mengakadnikahkan perkahwinan adalah pihak yang mempunyai tauliah menurut UUKI. Mengikut Seksyen 7 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-

¹⁴⁸ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, s 38.

¹⁴⁹ Ibrahim Lembut, “Kesalahan-Kesalahan Dalam Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri Di Malaysia” 278.

¹⁵⁰ *Kholed bin Dinyati lvn. Ketua Pendakwa Syarie Melaka* (2009) 29 JH 2.

Wilayah Persekutuan) 1984, pihak tersebut ialah wali di hadapan pendaftar, wakil wali di hadapan dan dengan kebenaran pendaftar atau pendaftar sebagai wakil wali ataupun wali raja. Persoalan timbul mengenai kredibiliti mereka yang mengakadnikahkan pasangan. Contohnya, seorang Imam tidak mempunyai tauliah untuk menjalankan upacara perkahwinan tersebut. Dalam hal ini, merujuk kepada Seksyen 39 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 sekiranya pihak tersebut tidak diberi kuasa untuk mengakadnikahkan pasangan hendaklah dihukum denda dengan merujuk Seksyen 40 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 iaitu hendaklah dihukum tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Selain itu, wujud juga persoalan dalam memberi persetujuan oleh kedua-dua pihak bakal suami dan isteri serta wali nasab yang sah¹⁵¹ seperti wujud kekerasan atau ugutan untuk memaksa seseorang berkahwin tanpa kemahuannya.¹⁵² Contoh, seorang lelaki yang ianya bukan wali mujbir menikahkan dengan paksaan tanpa persetujuan bakal isteri atau seseorang yang bukan wali menikahkan tanpa keizinan wali nasab. Maka hendaklah dihukum denda kerana telah melakukan kesalahan di bawah akta tersebut.

Merujuk kepada kes *Zainal Abidin bin Mohamed lwn Norziah binti Mohd Nor*,¹⁵³ permohonan pengesahan perkahwinan yang dilangsungkan di Narathiwat, Thailand ditolak kerana ia tidak sah mengikut Hukum Syarak memandangkan perkahwinan kali kedua Pasangan Pemohon adalah *fasid*. Hal ini kerana perwakilan wali dibuat tanpa persetujuan

¹⁵¹ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, s. 13.

¹⁵² Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, s. 37(a).

¹⁵³ *Zainal Abidin bin Mohamed lwn Norziah binti Mohd Nor* (1998) 12 JH 1.

wali nasab, sedangkan bapa pengantin perempuan berada tidak sampai satu kilometer dari tempat semasa perkahwinan itu dilangsungkan.

Dalam kes *Haji Mohamed lwn Bahrunnasran dan Mazliani binti Mohamed*¹⁵⁴ menyatakan bahawa perbuatan wali am di dalam kes ini berlawanan dengan Hukum Syarak kerana seorang lelaki berpenyakit HIV positif tidak sesuai dipadankan dengan seorang perempuan biasa yang tiada mempunyai penyakit yang sama. Mahkamah Syariah memutuskan bahawa seorang bapa boleh membatalkan perkahwinan anak perempuannya kerana tidak sekufu. Ini menunjukkan bahawa Wali Am yang mengadakan nikah Responden I dan Responden II itu tidak mempunyai kekuasaan wali sebagaimana yang dikehendaki dalam Hukum Syarak. Malah, kedua-dua Responden tidak dapat memberitahu nama jurunikah dan tidak membawa wali berkenaan di hadapan Mahkamah Syariah ketika disoal siasat. Sabitan kes ini berlaku disebabkan pasangan membuat perkara yang berlawanan dengan Seksyen 9 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1983 Negeri Kelantan iaitu orang-orang tersebut sahaja yang layak menikahkan pasangan yang hendak berkahwin.¹⁵⁵

Begitu juga dalam kes *Zulshafari Abd Rashed*¹⁵⁶ yang memerlukan keizinan wali untuk berkahwin. Oleh kerana akad nikah yang dilangsungkan menggunakan Wali Hakim di Thailand tanpa pengetahuan wali *nasab* iaitu bapa pasangan pemohon, maka Mahkamah Syariah mengisyiharkan permohonan pengesahan nikahnya ditolak kerana tidak sah mengikut Hukum Syarak. Di dalam kes ini membuktikan bahawa pasangan pemohon telah

¹⁵⁴ *Haji Mohamed lwn Bahrunnasran dan Mazliani binti Mohamed* (1998) 12 JH 1.

¹⁵⁵ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (1983) Kelantan .

¹⁵⁶ Dalam Perkara Zulshafari Abd Rashed, *Jurnal Syariah*, Jil. 7 Bil. 1-2, (1999), 183-201.

lari daripada walinya sejauh melebihi dua *marhalah* dan terus berkahwin dengan memakai wali hakim. Pada masa yang sama kredibiliti wali hakim tersebut dipertikaikan kerana proses wali hakim ini tidak dapat dibuktikan berlaku. Tambahan pula, pada masa akadnikah dilangsungkan wali *nasabnya* tidak mengetahui yang anaknya dinikahkan. Dengan sebab tersebut Mahkamah Syariah memutuskan rukun wali dalam perkahwinan ini tidak dipenuhi.

Berdasarkan ketiga-tiga kes tersebut menjelaskan bahawa setiap perkahwinan yang dilangsungkan tidak sah tanpa persetujuan wali. Begitu juga dalam kes perpindahan wali yang memerlukan perwakilan wali yang sah menurut Hukum Syarak. Perpindahan wali tersebut tidak boleh dilakukan tanpa ikrar wali *nasab* itu sendiri. Bahkan, walaupun jurunikah mempunyai tauliah di sisi UUKI, akan tetapi Wali Hakim tersebut tidak mempunyai pengiktirafan dari segi Hukum Syarak, maka perkahwinan itu tidak sah untuk diakad nikahkan. Hal ini membuktikan persetujuan wali dalam memberi keizinan untuk berkahwin penting untuk memenuhi rukun nikah. Apa yang perlu dijelaskan bahawa peruntukan ini dibuat bertujuan untuk mengelakkan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan mengaut keuntungan menyamar menjadi jurunikah tidak bertauliah ataupun nikah sindiket yang memaksa seseorang berkahwin.¹⁵⁷

3.2.5 Poligami Tanpa Kebenaran

Kesalahan ini merupakan kesalahan yang kerap berlaku di antara kesalahan-kesalahan yang lain. Hal ini kerana, poligami merupakan faktor utama berlakunya perkahwinan tidak mengikut prosedur iaitu perkahwinan tanpa kebenaran di luar Negara. Pasangan

¹⁵⁷Ibrahim Lembut, “Kesalahan-Kesalahan Dalam Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri Di Malaysia” 279.

menganggap prosedur permohonan poligami di Malaysia begitu rumit, leceh dan lambat.¹⁵⁸ Sebagai contoh, permohonan tersebut hendaklah disertai dengan akuan menyatakan alasan-alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan itu patut dan perlu untuk diteruskan, pendapatan pemohon pada masa itu, komitmen terhadap kewajipan keluarga dan tanggungan kewangan, bilangan tanggungannya termasuk orang-orang yang akan menjadi orang tanggungan pemohon di atas perkahwinan yang dicadangkan itu serta mendapat pandangan atau izin dari isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada. Malah pemohon dan isteri atau isteri-isteri yang sedia ada akan dipanggil di dalam mahkamah tertutup.

Hakikatnya mereka tidak mahu isteri pertama mengetahui perkahwinan kedua tersebut untuk mengelakkan pergaduhan. Dengan itu mereka mengambil jalan mudah untuk bernikah di luar Negara tanpa kebenaran. Maka merujuk kepada Seksyen 40(2) dan Seksyen 123 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 iaitu sekiranya seseorang berupaya melakukan sesuatu akad perkahwinan dengan sesiapa jua yang berlawanan dengan Bahagian II akan dihukum. Manakala Seksyen 123 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 pula memperuntukan jika seorang lelaki berkahwin lagi di mana-mana jua dalam masa perkahwinannya yang sedia ada masih berterusan tanpa mendapat kebenaran secara bertulis dahulu dari Mahkamah Syariah, maka dia telah melakukan kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Peruntukan ini seolah-olah bertentangan dengan Hukum Syarak yang membenarkan poligami, akan tetapi perlu dijelaskan bahawa tujuan peruntukan ini dibuat adalah untuk

¹⁵⁸ Zaidi Zain, Peguam Syarie. Dalam temubual dengan penulis, 26 November 2012.

menjamin keadilan dan memelihara hak-hak isteri yang sedia ada daripada diabaikan selepas berpoligami.¹⁵⁹ Walau bagaimanapun, poligami yang dilakukan di sempadan itu masih lagi diiktiraf di Malaysia, bahkan hukuman yang dikenakan tidak membebankan. Oleh itu, penguatkuasaan perintah perlu lebih tegas untuk menjamin hak isteri supaya tidak diabaikan.¹⁶⁰ Ini adalah kerana peraturan tersebut yang akan menentukan intipati bagi keluarga berpoligami dari segi nafkah, giliran dan sebagainya.¹⁶¹

Merujuk kepada kes yang berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, *Mustafa bin Muluk lwn Juridah binti Jumat*,¹⁶² Mahkamah Syariah memutuskan bahawa permohonan poligami oleh pemohon adalah ditolak. Mahkamah mengambil kira dua isu di dalam kes ini. Pertama, perkahwinan yang dicadangkan adalah patut dan perlu. Ianya disokong dengan kenyataan Responden iaitu isteri pertama pemohon yang tidak menghalang perkahwinan berlaku. Kedua, mengenai kemampuan dan keadilan pemohon. Walaupun isteri pertama telah bersetuju dengan permohonan poligami tersebut, tetapi Mahkamah Syariah tidak meluluskannya kerana wujud keraguan tentang kemampuan pemohon dan tanggungan yang sedia ada. Di dalam kes ini, jelas membuktikan bahawa syarat-syarat berpoligami bukan bertujuan mengharamkan amalan poligami. Sebaliknya, ia adalah satu keharusan bersyarat agar tidak disalahguna sewenang-wenangnya oleh pasangan. Oleh sebab itu syarat keadilan hendaklah diutamakan dan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh mahkamah.

¹⁵⁹ *Ibid.*, 280-281.

¹⁶⁰ Raihanah Abdullah, “Antara Hak Suami dan Hak Isteri Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia,” *Jurnal Syariah* 11, 1(Januari 2003), 131-144.

¹⁶¹ Siti Fatimah Abdul Rahman, “Poligami Di Malaysia: Peruntukan Dan Perlaksanaan,” *Jurnal Ikim* 6, 1 (1998),

¹⁶² Kes Mal No: 14300-011-0056-2010 (*Mustafa bin Muluk lwn Juridah binti Jumat*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

3.2.6 Tidak Hadir di Hadapan Pendaftar dalam Masa yang Ditetapkan.

Merujuk kepada Seksyen 31 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 menyatakan bahawa perkahwinan di Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri boleh di daftarkan di pejabat Pendaftaran Nikah tempat dia bermastautin. Pendaftaran ini hanya boleh dilakukan setelah mendapat kebenaran dari Pendaftar yang dilantik oleh Yang di Pertuan Agong di bawah Seksyen 28(3) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 di Kedutaan Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul Malaysia. Malah, pendaftaran itu hendaklah dilakukan dalam tempoh enam bulan selepas tarikh perkahwinan. Sekiranya berlaku salah satu pihak lelaki atau perempuan pemastautin Wilayah Persekutuan berkahwin di luar negara tanpa kehadiran Pendaftar yang yang dilantik di kedutaan Malaysia atau tanpa kebenaran Pendaftar atau Hakim Syarie di tempat pasangan bermastautin, maka ia dianggap telah melakukan kesalahan di bawah UUKI. Pasangan itu boleh dihukum mengikut Seksyen 35 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984.

Apa yang perlu difahami, peruntukan ini dibuat untuk menyelesaikan masalah isteri dalam menuntut hak mereka semasa perkahwinan mahupun selepas perceraian. Sekiranya perkahwinan tidak direkodkan, ianya akan mengakibatkan kegagalan pendaftaran kes di Mahkamah Syariah.¹⁶³ Selain itu, apabila setiap perkahwinan direkodkan di mahkamah, sudah tentulah pentadbiran urusan pendaftaran perkahwinan dapat diurus dengan baik dan teratur.

¹⁶³ Ibrahim Lembut, “Kesalahan-Kesalahan Dalam Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri Di Malaysia” 277-278.

Penulis telah meringkaskan gambaran mengenai kesalahan dan penalti tersebut dalam bentuk jadual di bawah. Jadual 3.1 menunjukkan bahawa semua kesalahan mempunyai penalti yang sama dikenakan kecuali kesalahan akuan atau penyataan palsu yang bebeza dengan kadar denda yang tinggi berjumlah RM 2000 dan penjara tidak melebihi 12 bulan. Penulis berpendapat kesalahan ini merupakan punca atau faktor yang penting perlu di atasi. Malah kesalahan tersebut tidak boleh dikompromikan jumlah dendanya kerana kesalahan tersebut adalah serius dan boleh menggalakkan perkahwinan tidak mengikut prosedur berleluasa. Dengan sebab itu jumlah denda yang dikenakan tinggi berbanding kesalahan yang lain.

Jadual 3.1 Kesalahan Dan Penalti Bagi Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur.

JENIS KESALAHAN	AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM 1984	PENALTI PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Akad Nikah Perkahwinan	Seksyen 40	Denda tidak melebihi RM 1000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.
Permastautinan	Seksyen 40	Denda tidak melebihi RM 1000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.
Akuan Atau Penyataan Palsu	Seksyen 38	Denda tidak melebihi RM 2000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya.
Akadnikah Perkahwinan Yang Tidak Dibenarkan	Seksyen 39	Denda tidak melebihi RM 1000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.
Poligami Tanpa Kebenaran	Seksyen 123	Denda tidak melebihi RM 1000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.
Tidak Hadir Di Hadapan Pendaftar	Seksyen 35	Denda tidak melebihi RM 1000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

3.3 Kesimpulan

Peruntukan UUKI yang dibincangkan di atas sangat lengkap dan tersusun untuk kebaikan semua pihak. Namun, ada juga pasangan yang melanggar peraturan tersebut sama ada kesalahan di dalam Seksyen 40(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 iaitu perkahwinan tanpa kebenaran pendaftar ataupun kesalahan yang diperuntukan di dalam Seksyen 40(2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 iaitu kesalahan yang dilakukan oleh pasangan yang hendak berkahwin. Justeru itu, pasangan yang ingin berkahwin tidak boleh melanggar perkara-perkara yang termaktub di dalam Bahagian II tersebut untuk dijadikan panduan kepada masyarakat untuk mendirikan rumah tangga.

Hakikatnya kini, ramai yang mengambil jalan mudah untuk melakukan perkahwinan tidak mengikut prosedur. Sedangkan mereka perlu diberi kefahaman dan pengetahuan yang jelas terhadap kesan dan akibat apabila melakukan kesalahan dalam perkahwinan tidak mengikut prosedur. Hal ini kerana, apapun yang berlaku pada akhirnya mereka tetap perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Oleh itu, lebih baik pasangan yang hendak berkahwin mematuhi peraturan di peringkat awal lagi, berbanding mematuhi selepas masalah timbul. Contohnya, mereka mengambil jalan mudah berkahwin tanpa kebenaran mahkamah. Walaupun perkahwinan mereka sah dari sudut Hukum Syarak, mereka harus mendaftar perkahwinan mereka selepas itu bagi tujuan pendaftaran kelahiran anak ataupun tuntutan hak-hak lain dalam

perkahwinan seperti yang diperuntukkan dalam UUKI. Mereka akan kehilangan hak-hak tersebut, sekiranya mereka tidak mendaftar perkahwinan mereka.

Di samping itu mereka juga dikenakan penalti terhadap kesalahan yang dibuat dan paling penting mereka tetap akan melakukan prosedur yang dikehendaki dalam perkahwinan menurut UUKI selepas siasatan dibuat. Sebenarnya UUKI tersebut bukanlah untuk menyusahkan masyarakat, tetapi dibuat untuk mengatur hidup manusia supaya segala urusan berjalan lancar dan untuk memudahkan urusan di kemudian hari.

BAB 4:
FAKTOR DAN IMPLIKASI PERKAHWINAN TIDAK MENGIKUT PROSEDUR
DI MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR

4.1 Pengenalan

Perkahwinan tidak mengikut prosedur boleh berlaku sama ada di dalam negeri atau di luar negara. Disebabkan faktor-faktor tertentu, pasangan mengambil keputusan untuk berkahwin secara tergesa-gesa tanpa mahu mengikuti peraturan serta prosedur yang telah ditetapkan. Perkahwinan tidak mengikut prosedur ini lebih sinonim di kalangan masyarakat dengan istilah kahwin lari,¹⁶⁴ kahwin tanpa kebenaran mahkamah,¹⁶⁵ nikah sindiket¹⁶⁶ dan poligami ekspress.¹⁶⁷ Apapun juga istilah yang dipanggil ianya mempunyai maksud yang sama iaitu perkahwinan tanpa izin pendaftar atau Hakim Syarie yang dilangsungkan sama ada di dalam negeri atau di luar negara. Perlu diingatkan bahawa apapun juga alasan mereka akan mengakibatkan impak yang besar sama ada dari sudut UUKI maupun dalam institusi kekeluargaan tersebut.

Justeru itu, bab empat ini akan mengupas alasan-alasan yang menyebabkan pasangan berkahwin tidak mengikut prosedur dan implikasi yang wujud serta kesan

¹⁶⁴ Haliza A.Shukor, Nabilah Yusof, Intan Nadia Ghulam Khan dan Hasnizam Hashi, “Kahwin Lari: Satu Cadangan Keperluan Hukuman Alternatif, 218-219.

¹⁶⁵ Hazizan Mat Desa, “Perkahwinan Tanpa Kebenaran : Kajian Kes Di Mahkamah Syariah Di Alor Setar, Kedah Darul Aman”.

¹⁶⁶ Mat Saad Abd. Rahman, *Undang-Undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, 247.

¹⁶⁷ “Imam Dalang Poligami Ekspress Digantung Tugas,”*Harian Metro*, 7 Mei 2014, 6.

daripada perbuatan tersebut. Selain itu, bab ini juga akan menghuraikan keberkesanan penalti atau denda yang dikenakan terhadap pasangan tersebut berdasarkan statistik kes Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan.

4.2 Faktor Yang Mendorong Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur.

Perkahwinan tidak mengikut prosedur pada kebiasaannya memberi satu implikasi undang-undang terhadap pasangan mengikut perundangan keluarga Islam di Malaysia. Dari pemerhatian melalui kajian ilmiah dan kes-kes yang telah berlaku atau dilaporkan terdapat beberapa faktor yang mendorong berlakunya perkahwinan tidak mengikut prosedur yang ditetapkan oleh UUKI.

4.2.1 Hak Wali Yang Tidak Diendahkan

Keengganan wali untuk membenarkan anaknya berkahwin tanpa sebab yang munasabah mengikut Hukum Syarak dengan pasangan yang dipilih menyebabkan berlakunya perkahwinan tidak mengikut prosedur. Hal ini berpunca dari kedudukan yang tidak setaraf (sekufu) di antara pasangan, wali telah mempunyai lelaki pilihan yang dianggap sesuai dengan anaknya dan anggapan wali terhadap lelaki itu tidak boleh menjamin masa depan anaknya.¹⁶⁸ Selain itu, wali tidak memberi izin disebabkan pasangan masih di alam pengajian¹⁶⁹ dan pihak perempuan sendiri di bawah umur.¹⁷⁰ Akibat terkesan dengan ketidakizinan inilah mereka mengambil jalan mudah yang menyebabkan pernikahan

¹⁶⁸ Mahamad Arifin, "Kahwin Lari: Masalah Dan Penyelesaiannya," 13.

¹⁶⁹ Amir Husin Md Nor dan Siti Safwati Mohd Sharif, "Faktor Penyebab Perkahwinan Tanpa Kebenaran Di Luar Negara: Satu Kajian Di Mahkamah Rendah Syariah Muar "152.

¹⁷⁰ Noraini Mohd Hashim, "Prosedur Dan Pendaftaran Perkahwinan," 14: 27.

tersebut tidak dapat dijalankan dengan sempurna atau proses yang biasa dilakukan oleh pasangan yang ingin berkahwin.

Sebagai contoh dalam kes *Husin V.Saayah dan Mat Hassan*¹⁷¹ membuktikan bahawa wali enggan memberi keizinan kepada pasangan untuk berkahwin. Oleh sebab itulah mereka telah melangsungkan perkahwinan di Thailand. Mahkamah memutuskan bahawa pernikahan itu tidak sah kerana tidak ada bukti menunjukkan bahawa keizinan wali telah diperolehi terlebih dahulu ataupun keengganan wali memberi keizinan.

Selain itu, dalam kes permohonan pengesahan pernikahan di Mahkamah Rendah Syariah Di Wilayah Persekutuan, bahawa pemohon pertama dan pemohon kedua telah berkahwin tanpa kebenaran Pendaftar Nikah. Perkahwinan mereka dilangsungkan di Thailand oleh jurunikah yang juga wali am bagi Wilayah Pattani bernama Hj. Abdul Rahman b. Abdullah dengan dua orang lelaki sebagai saksi yang terdiri daripada warganegara Thailand. Dalam kes ini pemohon kedua iaitu pengantin perempuan telah mengakui bahawa pernikahan tersebut dilakukan tanpa kebenaran bapanya sebagai wali nasab yang sah. Beliau memberikan alasan bahawa semasa akad nikah dilangsungkan bapanya berada di Kuala Lumpur dan telah memberikan kebenaran lisan kepada jurunikah yang juga Wali Am Majlis Agama Islam Pattani sebelum akad nikah dilakukan. Mahkamah memutuskan bahawa pernikahan mereka di Pattani, Selatan Thailand berwalikan Wali Am adalah sabit dan sah menurut Hukum Syarak.¹⁷²

¹⁷¹ *Husin V.Saayah dan Mat Hassan* (1992) 8 JH 1.

¹⁷² Kes Permohonan No : 14002-010-1180-2009 & 14002-099-1211-2009 (*Zamri b. Kamaruddin lawan Siti Suraya bt. Abdul Razak*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

Keputusan mahkamah jelas menunjukkan bahawa tanpa keizinan wali dalam perkahwinan sebagai wali nasab iaitu bapa kepada pengantin perempuan juga boleh dilangsungkan akad nikah menggunakan Wali Am. Dengan sebab inilah, masyarakat cenderung untuk melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran pendaftar dengan menggunakan Wali Am di luar negara. Hal ini kerana perkahwinan mereka tetap sah walaupun perkahwinan dilakukan tanpa kebenaran wali nasab.

Terdapat juga kes poligami yang berkahwin tanpa kebenaran tidak sah disebabkan keraguan wali memberikan keizinan. Merujuk kepada kes permohonan untuk mengesahkan suatu akad perkahwinan yang dijalankan di Gopeng Perak. Perkahwinan mereka diakad nikahkan oleh seorang yang mengaku imam yang tidak dikenali dan individu tersebut juga yang mewalikan perkahwinan tersebut. Bapa pengantin perempuan tidak hadir semasa majlis akad nikah kerana berada di Bukit Tinggi, Sumatera Indonesia. Dalam kes ini, mahkamah tidak berpuas hati bahawa wujudnya suatu perwalian yang sah dalam perkahwinan pasangan tersebut. Hal ini kerana, kredibiliti jurunikah yang mewalikan perkahwinan pasangan adalah tidak bertauliah. Justeru, mahkamah mensabitkan bahawa pernikahan yang dilangsungkan adalah tidak sah mengikut Hukum Syarak dan hendaklah bereddah dengan tiga kali suci.¹⁷³

¹⁷³ Kes Permohonan No: 14600-010-0569-2010. (*Mostapa bin Ahmad lawan Maya binti Samsuri*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

4.2.2 Proses Perkahwinan dan Poligami

Mengenai pasangan yang tidak mahu melalui proses yang rumit dan terlalu lama,¹⁷⁴ ada juga pasangan yang ingin merahsiakan perkahwinan kali kedua daripada isteri pertama.¹⁷⁵ Situasi ini sering berlaku dalam masalah poligami. Perkara ini turut disokong oleh Peguam Syarie¹⁷⁶ di mana menurut beliau, kebanyakan negeri menetapkan bahawa persetujuan isteri perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum suami boleh berkahwin lagi (poligami). Ini menyebabkan pasangan mengambil jalan mudah untuk berkahwin tanpa melalui proses yang sedia ada.¹⁷⁷ Ada juga pasangan yang berbuat demikian akibat terkesan dengan penolakan permohonan poligami secara rasmi dari Mahkamah Syariah¹⁷⁸ sedangkan mereka tetap menyimpan hasrat untuk berpoligami.¹⁷⁹

Walau bagaimanapun keharusan berpoligami yang dijadikan sebagai alternatif dalam Islam bagi pasangan yang menghadapi masalah rumahtangga bukanlah perkara yang boleh dipandang enteng. Namun pada hari ini banyak masalah timbul akibat memandang sepi perkara yang sedemikian dengan sewenang-wenangnya melupakan syarat-syarat yang ditetapkan dan menyalahi akta dalam melaksanakan poligami.¹⁸⁰ Maka kewujudan enakmen seperti Seksyen 23(4)(a)(b)(c) dan (d) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, yang digubal oleh badan kehakiman adalah supaya matlamat poligami itu tercapai dan tidak disalahgunakan.

¹⁷⁴ Mahamad Arifin, “Kahwin Lari: Masalah Dan Penyelesaiannya,” 14.

¹⁷⁵ Boestamam Ahmad Dan Farah Safura Muhammud, *Dari Fail Mahkamah Syariah*, 81.

¹⁷⁶ Zulkifli Che Yong (Peguambela dan Peguamcara), dalam temubual dengan penulis, 19 Oktober 2012.

¹⁷⁷ Md. Akhir Yaacob dan Siti Zalikhah Md. Noor, *Beberapa Aspek Mengenai Enakmen Keluarga Islam Di Malaysia*, 57.

¹⁷⁸ Raihanah Abdullah, “Prosedur Perkahwinan,” 26.

¹⁷⁹ Boestamam Ahmad Dan Farah Safura Muhammud, *Dari Fail Mahkamah Syariah*, 82.

¹⁸⁰ *Ibid.*, 83.

4.2.3 Tiada Halangan Pergaulan Antara Lelaki Dan Wanita

Antara faktornya lagi, pergaulan dari segi sosial antara lelaki dan perempuan, berpesta sempena sesuatu acara, hiburan yang sah dari segi undang-undang negara tetapi gagal melihat dari konsep keterbukaan Islam dalam menerima hiburan.¹⁸¹ Seterusnya akan berlaku pergaulan tanpa batasan Hukum Syarak.¹⁸² Kesannya akan berlaku kes khalwat, persetubuhan luar nikah dan seterusnya hamil.¹⁸³ Untuk menyembunyikan hal ini daripada pengetahuan pihak keluarga dan mengelak perspektif negatif dari masyarakat maka pernikahan tidak mengikut prosedur yang menjadi pilihan.¹⁸⁴ Natijahnya akan mendedahkan keburukan mereka kepada orang ramai dan membuatkan mereka terhina seterusnya tidak dapat menjalani kehidupan mereka secara normal bersama masyarakat sekeliling.¹⁸⁵ Perkahwinan ini lebih kepada untuk menjaga maruah bagi pasangan terlanjur.¹⁸⁶

Tidak dinafikan perkara ini berlaku disebabkan ketiadaan peruntukan Undang-undang mengenai kesalahan zina dalam akta. Jika perkahwinan itu dilangsungkan tanpa mengikut prosedur yang biasa atau di tempat yang lain, kesalahannya hanyalah setakat perkahwinan tanpa kebenaran Pendaftar, Cerai dan Rujuk.¹⁸⁷ Maka perhatian serius dari

¹⁸¹ Yip Yoke Teng, “Dadah Jenis Baharu Mungkin Punca Kematian Remaja Di Konsert,” laman sesawang *Mstar*, dikemaskini 24 Mac 2014, dicapai 25 April 2014, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2014/03/24/dadah-jenis-baharu/>

¹⁸² *Ibid.*, 87.

¹⁸³ Noraini Mohd Hashim, “Prosedur Dan Pendaftaran Perkahwinan,” 14 : 29.

¹⁸⁴ Amran Awaluddin, “Kes Pernikahan Tanpa Izin: Isu Dan Cabaran,” 105.

¹⁸⁵ Ishak Mohammad, “Kahwin Lari: Pengalaman Majlis Agama Selatan Thailand (Narathiwat),” dalam *Undang-Undang Keluarga Dan Prosedur*, ed. Najibah Mohd Zin et al.,(Selangor: Jabatan Undang-Undang Islam, Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2009), 37.

¹⁸⁶ Noraini Mohd Hashim, “Prosedur Dan Pendaftaran Perkahwinan,” 14 : 28.

¹⁸⁷ Md. Akhir Yaacob dan Siti Zalikhah Md. Noor, *Beberapa Aspek Mengenai Enakmen Keluarga Islam Di Malaysia*, 57.

pihak kerajaan Malaysia yang pada dasarnya mengamalkan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan amatlah diperlukan dalam memperhalusi permasalahan ini.

4.2.4 Krisis Budaya Dan Perbelanjaan Perkahwinan

Bebanan mas kahwin¹⁸⁸ dan perbelanjaan perkahwinan yang terlalu tinggi¹⁸⁹ juga termasuk faktor berlakunya gejala ini. Apabila disebutkan sebagai gejala, ianya menampakkan seolah-olah tiada berpenghujung.¹⁹⁰ Akibat terbatas dengan perbelanjaan kehidupan dan adat budaya sesuatu tempat, maka pasangan terlibat mengambil jalan pintas dengan berkahwin tanpa mengikut UUKI yang sedia ada. Pada kebiasaannya perkahwinan ini berlaku di dalam dan luar negara Malaysia seperti selatan Thailand, Indonesia dan seumpamanya. Perkara ini ada benarnya kerana setiap pasangan perlu membayar sekurang-kurangnya RM 300.00 merangkumi khidmat jurunikah, saksi dan urusan pendaftaran bagi pengeluaran sijil nikah yang sah¹⁹¹ tanpa hantaran bagi sesetengah negeri mengikut adat dan budaya.

Hanya sebilangan pendapat minoriti yang menyatakan gejala ini berlaku disebabkan prosedur yang rumit (bagi kes bujang dan poligami)¹⁹² dan kejahilan atau kurangnya pengetahuan pasangan dalam perkahwinan serta implikasinya terhadap UUKI dan Hukum Syarak. Bagi penulis alasan perkahwinan tidak mengikut prosedur tidak sepatutnya berlaku disebabkan sesuatu perkahwinan itu penuh dengan tanggungjawab yang harus dipikul oleh

¹⁸⁸ Boestamam Ahmad Dan Farah Safura Muhammud, *Dari Fail Mahkamah Syariah*, 88.

¹⁸⁹ Mahamad Arifin, “Kahwin Lari: Masalah Dan Penyelesaiannya,” 14.

¹⁹⁰ Zaidi Zain (Peguam Syarie), dalam temubual dengan penulis, 26 November 2012.

¹⁹¹ Noraini Mohd Hashim, “Prosedur Dan Pendaftaran Perkahwinan,” 14 : 28.

¹⁹² Boestamam Ahmad Dan Farah Safura Muhammud, *Dari Fail Mahkamah Syariah*, 87.; Amran Awaluddin, “Kes Pernikahan Tanpa Izin: Isu Dan Cabaran, ” 107.

pasangan suami isteri kecuali sesuatu kes berlaku disebabkan perbuatan sihir mahupun santau oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

4.3 Implikasi Terhadap Hubungan Sosial Dan Undang-Undang

Asasnya sesuatu perkahwinan itu adalah sah mengikut syarak sekiranya tuntutan rukun serta faktor syarat-syaratnya dipenuhi. Sebagai contoh mengambil kira persetujuan wali dengan secara lisan sudah memadai tanpa merujuk kepada Pejabat Nikah Cerai dan Rujuk untuk membolehkan perkahwinan sah mengikut syarak. Memandangkan Malaysia adalah sebuah negara demokrasi, maka pandangan UUKI perlu dipatuhi dalam menentukan kelangsungan hidup bermasyarakat.

Kesan daripada faktor inilah, wujudnya implikasi terhadap masyarakat amnya dan Islam khususnya. Ini kerana, perkahwinan sesuatu yang dipandang murni dalam Islam dan sebahagian daripada sunnah Rasulullah SAW yang dituntut kepada generasi belia daripada terus alpa dengan kehidupan dunia.

4.3.1 Implikasi Dari Sudut Sosial

Keakraban sesebuah keluarga akan terjejas akibat perbuatan pasangan yang berkahwin tanpa mengikut prosedur. Impaknya akan memberi kesan negatif kepada pasangan dan akhirnya boleh menjurus kepada tohmahan dan cacian serta pandangan serong orang sekeliling.¹⁹³

¹⁹³ Faiz Adnan (Peguam Syarie), dalam temubual dengan penulis, 14 November 2012.

Dalam pada itu, objektif perkahwinan itu sendiri tidak tercapai disebabkan pasangan suami isteri hidup seolah-olah dalam buruan. Mereka terpaksa menyembunyikan perlaku mereka dari pengetahuan umum dan pengetahuan isteri pertama¹⁹⁴ terutama berkaitan kes poligami tanpa kebenaran Mahkamah. Perkara ini ada benarnya berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dari tahun 2005 hingga 2012. Merujuk kepada Jadual 4.1 di bawah, sabitan ke atas pelaku poligami tanpa kebenaran Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan menunjukkan peningkatan kes dari tahun 2005 hingga 2009 iaitu sebanyak 84 kes hingga 141 kes. Walaupun ada penurunan kes dari tahun 2009 hingga 2012, peningkatan kes tetap ada walaupun tidak ketara berbanding tahun 2005 hingga 2009.

Jadual 4.1. Statistik Kes Poligami Tanpa Kebenaran Mahkamah

Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan

TAHUN								
2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	JUMLAH
84	47	77	107	141	118	114	126	814

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 10 September 2012.

4.3.2 Implikasi Dari Sudut Undang-Undang Keluarga Islam (UUKI).

Ianya merangkumi aspek pendakwaan jika bersabit dengan kesalahan. Bagi pasangan yang telah berkahwin tanpa mengikut saluran UUKI yang betul bagi negeri masing-masing,

¹⁹⁴ Mahamad Arifin, “Kahwin Lari: Masalah Dan Penyelesaiannya,” 15.

maka pendakwaan boleh dibuat mengikut Seksyen 40 (2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dengan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan.

Harus diingatkan perkahwinan tanpa mengikut prosedur yang ditetapkan dan belum didaftarkan juga boleh didakwa berkhawat atau berzina¹⁹⁵ atas alasan bersekedudukan dengan pasangan bukan mahram walaupun pada zahirnya, perkahwinan mereka sah di sisi syarak. Ini kerana dokumen pengesahan perkahwinan dari Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk tidak dapat dibuktikan oleh pasangan.

Merujuk kepada kes yang berlaku di Perak, Pendakwa Syarie telah mendakwa Mohd Zakari dan pasangannya di atas kesalahan khalwat di sebuah rumah. Tertuduh membuat pembelaan bahawa mereka telah berkahwin di Thailand. Oleh kerana, pembuktian tidak cukup kuat mahkamah memutuskan yang dituduh didapati bersalah dan tertuduh pertama dihukum denda sebanyak RM 120.00 atau penjara dua bulan, manakala tertuduh kedua pula dihukum denda RM 100.00 atau penjara enam minggu.¹⁹⁶

Dalam kes yang lain pula menyatakan bahawa Mat Rahim dan Nik Azimah telah dituduh berkhawat di bawah Seksyen 9(1) dan (2) Kanun Jenayah Syariah 1985. Pasangan ini juga telah mengemukakan pembelaan bahawa mereka telah berkahwin di Thailand. Mereka berjaya meyakinkan mahkamah bahawa wujudnya perkahwinan yang berlaku dengan mengemukakan dua saksi lelaki dan juga surat keterangan perkahwinan di Thailand

¹⁹⁵ Noor Aziah Mohd Awal, “Kahwin Lari Dan Poligami: Respons Wanita Dan Implikasi Undang-Undang,” dalam *Isu-Isu Wanita Di Malaysia*, ed. Noraziah Ali Jawiah Dakir (Selangor: International Law Book Services,2008), 211.

¹⁹⁶ *Pendakwa Mahkamah Syariah lawan Mohd Zakari Dan Siti* (1988) 6 JH 1.

serta surat pengesahan perkahwinan yang dikeluarkan oleh Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Narathiwatt, Thailand. Dengan itu, mahkamah membebaskan kedua-dua tertuduh atas kesalahan berkhawat.¹⁹⁷

Kedua-dua kes tersebut menunjukkan bahawa perkahwinan yang tidak didaftar dan tidak mengikut prosedur boleh mengakibatkan pasangan dituduh berkhawat. Selain itu, pasangan tersebut boleh dihukum dan didenda dengan kesalahan berkhawat sekiranya tidak dapat membuktikan wujudnya sesuatu perkahwinan. Namun, perbezaan di antara kedua kes tersebut ialah dari sudut pembuktian yang dikemukakan. Aspek pembuktian merupakan faktor utama yang dilihat oleh pihak mahkamah dalam menerima pembelaan mereka dari tuduhan berkhawat. Apabila pasangan tidak dapat mengemukakan pembuktian dari sudut dokumen dan juga keterangan saksi, maka pasangan boleh disabitkan di atas kesalahan tersebut. Sebaliknya, apabila pasangan dapat membuktikan wujudnya sesuatu perkahwinan, maka mahkamah membebaskan mereka daripada tuduhan tersebut.

Terdapat juga kes perkahwinan yang terpaksa dipisahkan (*mufaraqah*) antara pasangan akibat tidak sah mengikut syarak dan dinikahkan semula jika hakim atau Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk bersetuju menjadi Wali Hakim dan cukup syarat-syaratnya. Contohnya dalam kes permohonan pengesahan nikah di Mahkamah Rendah Syariah Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, mahkamah memutuskan bahawa akad nikah yang berlangsung di Pattani, Selatan Thailand adalah fasid dan tidak sah menurut Hukum Syarak. Mahkamah mensabitkan akadnikah tersebut tidak diperakukan dan tidak boleh didaftarkan di bawah Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah

¹⁹⁷ Pendakwa Syarie Kelantan lawan Mat Rahim dan Nik Azimah (1994) 9 JH 2.

Persekutuan) 1984. Justeru itu, mahkamah memerintahkan perkahwinan mereka difaraqkan serta merta.¹⁹⁸

Perkahwinan seperti inilah yang sentiasa menjadi risiko terutamanya kepada pihak perempuan. Apabila berlakunya perpisahan atau kematian di antara pasangan, dia tidak mempunyai asas dalam membuat sebarang tuntutan seperti mut'ah, nafkah, hadhanah (sekiranya mempunyai anak), harta sepencarian dan tuntutan harta pusaka yang pada kebiasaannya memang menjadi hak perempuan atau bekas isteri.¹⁹⁹ Tanpa pendaftaran perkahwinan yang sah juga, adalah sukar bagi pihak perempuan membuat tuntutan untuk membatalkan perkahwinan sedia ada sekiranya berlaku ketidakadilan atau layanan buruk dari pihak suami mahupun keganasan dalam rumahtangga. Semua tindakan yang hendak diambil terhadap suami akan tergantung dan tertangguh sehingga status perkahwinan dapat diselesaikan.²⁰⁰ Oleh itu kewujudan UUKI adalah bersifat memberi hak kepada yang berhak dan ianya harus difahami oleh semua lapisan masyarakat terutama di kalangan perempuan atau wanita.

Krisis kelahiran dalam perkahwinan tidak mengikut prosedur juga akan membelenggu pasangan dan ini menunjukkan perkahwinan membelakangi UUKI adalah sesuatu yang perlu dielakkan.²⁰¹ Walaupun kelahiran anak sah mengikut syarak namun proses pendaftaran kelahiran menjadi sukar sebelum pasangan itu mendaftar perkahwinan secara sah mengikut UUKI. Apa yang merisaukan lagi, nasib anak-anak akan menjadi lebih

¹⁹⁸ Kes Mal No: 14002-010-0307-2007. (*Zuraini bt Mohamad lawan Mohd Ramzu b. Che Musa*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

¹⁹⁹ Mahamad Arifin, “Kahwin Lari: Masalah Dan Penyelesaiannya,” 16.

²⁰⁰ Noor Aziah Mohd Awal, “Kahwin Lari Dan Poligami: Respons Wanita Dan Implikasi Undang-Undang,” 211.

²⁰¹ Boestamam Ahmad Dan Farah Safura Muhammad, *Dari Fail Mahkamah Syariah*, 89.

teruk atau tiada perlindungan dari UUKI²⁰² akibat sikap ibu bapa berterusan mendiamkan status perkahwinan mereka. Kebenaran mendapatkan sijil kelahiran anak-anak secara sah adalah untuk kelangsungan hidup mereka pada masa akan datang dan tanpanya anak-anak tersebut adalah dianggap anak luar nikah.

4.4 Analisis Kes Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tinjauan kajian perkahwinan tidak mengikut prosedur telah dibuat di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penulis telah mendapatkan statistik pendaftaran kes jenayah bagi perkahwinan tidak mengikut prosedur dari tahun 2006 hingga 2012 untuk mengetahui jumlah peningkatan kes yang kerap dilakukan oleh pasangan yang berkahwin tanpa mengikut prosedur.

²⁰² Musa Awang (Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM)), dalam temubual dengan penulis, 19 Oktober 2012.

Jadual 4.2. Statistik Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dari Tahun 2006 hingga 2012

TAHUN	KOD KES					
	165	166	161	164	149	163
2006	121	43	24	13	0	0
2007	131	73	3	41	0	1
2008	238	102	3	0	0	0
2009	196	134	1	0	1	0
2010	406	112	8	0	5	1
2011	327	98	17	1	0	0
2012	434	169	18	1	0	3
JUMLAH	1853	731	74	56	6	5

Sumber: Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, 18 April 2013

Kajian yang diperolehi menunjukkan bilangan terperinci mengenai jenis kesalahan iaitu kod kes beserta urutan tahun dari tahun 2006 hingga 2012. Antara jenis kod kes yang ada di dalam statistik tersebut ialah kod 165 (berkahwin bersalah dengan bahagian dua (undang-undang keluarga Islam), kod 166 (poligami tanpa kebenaran), kod 161 (tidak hadir di hadapan Pendaftar), kod 164 (kesalahan berhubung dengan akad nikah), kod 149 (akuhan palsu untuk berkahwin) dankod 163 (mengakadnikah tanpa kuasa yang sah).


Walau bagaimanapun terdapat dua lagi kod kes di bawah kes perkahwinan tidak mengikut prosedur tetapi tiada sabitan kes yang berlaku di Mahkamah Syariah Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur. Dua kod kes itu ialah kod 148 (gangguan terhadap perkahwinan) dan kod 162 (penyelenggaraan buku negeri perakuan nikah tak legal). Melalui statistik dalam Jadual 4.2 tersebut, penulis telah menganalisis keputusan Mahkamah Syariah dalam memberi hukuman atau denda kepada pasangan. Penulis berpendapat peningkatan jumlah kes yang berlaku disebabkan kurangnya penguatkuasaan dari sudut UUKI dalam memberikan hukuman. Penalti yang dikenakan tidak memberi sebarang kesan kepada pasangan yang telah melakukan kesalahan tersebut.

4.4.1 Berkahwin Bersalah dengan Bahagian Dua Undang-undang Keluarga Islam (Kod 165)

Merujuk kepada Jadual 4.2 di atas, dari tahun 2006 hingga 2012 menunjukkan jumlah kod kes yang tertinggi ialah kod 165 iaitu sebanyak 1853 kes. Ianya juga mengalami peningkatan kes dari tahun ke tahun sehinggalah tahun 2012 berbanding dengan kes-kes yang lain seperti Rajah 4.1 di bawah:

Rajah 4.1. Graf Perbandingan Kod Kes Mengikut Tahun Berdasarkan Statistik Kes Perkahwinan Tidak Mengikut



Sumber: Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Berdasarkan Statistik Kes Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tahun 2006 sehingga 2012, 18 April 2013.

Jumlah ini membuktikan bahawa kod kes tersebut merupakan kesalahan yang kerap dilakukan oleh pasangan iaitu berkahwin bersalah dengan bahagian dua Undang-undang Keluarga Islam. Bagi kod kes ini, beberapa contoh kes dianalisis untuk mengetahui jumlah denda yang dikenakan terhadap pasangan. Sebenarnya, perbezaan denda dilihat berdasarkan alasan rayuan yang dikemukakan oleh tertuduh.

Kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh dalam ketiga-tiga kes yang dianalisis oleh penulis ialah perkahwinan bersalah dengan Bahagian Dua Undang-undang Keluarga Islam seperti yang telah diperuntukkan di dalam seksyen 40(2) Akta Undang Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 iaitu sesiapa juar yang melakukannya

boleh dihukum denda tidak melebihi RM 1000.00 dan penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Misalnya, tertuduh yang didakwa telah bernikah dengan pasangannya di Indonesia,²⁰³ Wilayah Yala Selatan Thailand²⁰⁴ dan Wilayah Narathiwat Thailand²⁰⁵ tanpa merujuk kepada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk Wilayah Persekutuan.

Keputusan mahkamah dalam ketiga-tiga kes yang dianalisis menunjukkan bahawa perbezaan denda yang dikenakan terhadap tertuduh. Mahkamah mengambil kira faktor rayuan tertuduh dalam membuat keputusan hukuman yang diberikan antaranya faktor kewangan dan status pekerjaan tertuduh seperti pengawal keselamatan, buruh dan pembantu penguatkuasa.

Penulis berpendapat bahawa hukuman denda perlu diselaraskan mengikut kemampuan tertuduh. Misalnya dalam kes *Pendakwa Syarie lawan Abd Hamid bin Hasim*²⁰⁶ hukuman denda yang dikenakan sebanyak RM 700.00 atau 7 hari penjara jika tidak membayar denda tersebut. Hukuman ini ditetapkan setelah tertuduh membuat rayuan untuk diringankan hukuman atas alasan tertuduh hanyalah seorang pengawal keselamatan yang berpendapatan RM 800.00 sebulan. Manakala, dalam kes *Pendakwa Syarie lawan A Hamid bin Said*²⁰⁷ pula menunjukkan mahkamah memutuskan bahawa tertuduh dihukum

²⁰³ Kes Jenayah Syariah No: 14003-165-0195-2012 (*Pendakwa Syarie lawan Abd Hamid bin Hasim*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

²⁰⁴ Kes Jenayah Syariah No: 14003-165-0173-2011 (*Pendakwa Syarie lawan Ab Ghani b. Baba*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

²⁰⁵ Kes Jenayah Syariah No: 14003-165-0298-2012 (*Pendakwa Syarie lawan A Hamid bin Said*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

²⁰⁶ Kes Jenayah Syariah No: 14003-165-0195-2012 (*Pendakwa Syarie lawan Abd Hamid bin Hasim*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

²⁰⁷ Kes Jenayah Syariah No: 14003-165-0298-2012 (*Pendakwa Syarie lawan A Hamid bin Said*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

denda sebanyak RM 600.00 atau penjara 6 hari tetapi tertuduh telah memohon dikurangkan denda atas sebab pendapatan beliau hanyalah sebanyak RM 500.00.

Kedua-dua kes tersebut tidak ada beza antara pendapatan tertuduh dengan jumlah denda yang diberikan, berbanding dengan kes *Pendakwa Syarie lawan Ab Ghani b. Baba*,²⁰⁸ setelah mendengar rayuan tertuduh dan hujah pendakwa, mahkamah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 600.00 atau penjara selama 2 hari jika tidak dapat membayar denda. Namun tertuduh bekerja sebagai Pembantu Penguatkuasa dan memperolehi pendapatan sebanyak RM 2300.00 sebulan. Kes ini mempunyai perbezaan nilai yang ketara di antara pendapatan tertuduh dengan jumlah denda yang diberikan. Sedangkan mahkamah melihat faktor yang serupa iaitu keadaan kewangan dan kemampuan tertuduh untuk membuat pertimbangan dalam mengurangkan hukuman. Hakikatnya tertuduh mampu untuk membayar jumlah denda tersebut walaupun berpendapatan rendah sepertimana yang diputuskan dalam kes *Pendakwa Syarie lawan A Hamid bin Said*²⁰⁹ iaitu jumlah pendapatan tertuduh hanyalah RM 500.00 sebulan tetapi denda yang dikenakan berjumlah RM 600.00.

4.4.2 Poligami Tanpa Kebenaran Mahkamah (Kod 166)

Berdasarkan statistik di dalam Jadual 4.2 tersebut juga telah mencatatkan bahawa kes poligami tanpa kebenaran mahkamah merupakan jumlah kedua tertinggi yang disabitkan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dengan nilai 731 kes. Kod 166 ini juga

²⁰⁸ Kes Jenayah Syariah No: 14003-165-0173-2011 (*Pendakwa Syarie lawan Ab Ghani b. Baba*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

²⁰⁹ Kes Jenayah Syariah No: 14003-165-0298-2012 (*Pendakwa Syarie lawan A Hamid bin Said*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

merupakan kesalahan yang lazim dilakukan oleh pasangan di mana mempunyai persamaan dengan kod 165. Perkara ini terbukti apabila kebanyakkan negeri di Malaysia mempunyai peningkatan jumlah kes dari tahun ke tahun melalui kedua kod kes tersebut sepetimana yang dinyatakan di dalam Jadual 4.3 di bawah :

Jadual 4.3. Statistik Perkahwinan Tanpa Kebenaran Mahkamah Mengikut Negeri

NEGERI	KOD KES	TAHUN								JUMLAH
		2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	
JOHOR	165	409	507	421	738	553	466	529	289	3910
	166	126	152	136	240	195	164	160	90	1263
KEDAH	165	216	177	187	356	56	42	83	22	1139
	166	83	98	78	127	42	36	28	6	498
KELANTAN	165	254	244	197	226	299	2	283	315	1820
	166	107	145	97	99	86	-	105	217	856
MELAKA	165	-	-	1	3	8	-	-	-	12
	166	5	14	2	17	17	19	56	17	147
NEGERI SEMBILAN	165	183	137	165	152	279	135	29	116	1196
	166	71	53	58	55	93	49	6	43	428
PAHANG	165	55	94	74	100	98	111	24	18	574
	166	45	49	36	71	40	40	26	10	317
PERAK	165	75	41	57	148	311	467	689	319	2107
	166	16	4	24	40	84	169	195	96	628
PERLIS	165	78	80	143	61	154	135	136	97	884
	166	18	31	54	26	62	47	45	28	311
PULAU PINANG	165	153	68	92	108	57	5	69	52	604
	166	51	22	28	22	9	8	62	53	255
SABAH	165	116	112	126	46	70	158	282	165	1075
	166	6	10	16	18	36	52	26	27	191
SARAWAK	165	-	-	2	-	-	-	-	-	2
	166	17	9	3	2	2	2	1	-	36
SELANGOR	165	114	74	68	74	145	206	184	86	951
	166	76	105	98	85	150	178	156	32	880
TERENGGANU	165	-	-	2	1	-	1	1	-	5
	166	-	-	-	2	5	1	7	1	16
WILAYAH PERSEKUTUAN	165	140	126	138	252	219	448	374	305	2002
	166	84	47	77	107	141	118	114	126	814

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 10 September 2012.

Hasil analisis kod kes 166 ini menyatakan perkahwinan dilakukan di Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat,²¹⁰ Indonesia²¹¹ dan juga Narathiwat Thailand tanpa keizinan bertulis daripada Hakim Syarie untuk berpoligami.²¹² Penulis mendapat bahawa keputusan denda yang dikenakan juga mempunyai perbezaan nilai yang ketara berdasarkan rayuan tertuduh. Kod 166 ini telah diperuntukkan di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 di bawah Seksyen 123 iaitu sesiapa yang melakukan poligami tanpa kebenaran mahkamah, maka akan dihukum denda tidak melebihi RM 1000.00 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Dalam kes *Pendakwa Syarie lawan A Hamid bin Said*,²¹³ mahkamah membuat pertimbangan dari sudut pekerjaan tertuduh yang bekerja sebagai buruh dan berpendapatan RM 500.00 sebulan, namun denda yang dikenakan melebihi kemampuan tertuduh yang bernilai RM 600.00 sebulan. Manakala dalam kes *Pendakwa Syarie lawan Abd Jalil bin Osman*²¹⁴ dan kes *Pendakwa Syarie lawan Abd Aziz bin Derwish*²¹⁵ menunjukkan bahawa nilai denda yang sama iaitu RM 1000.00 seperti yang diperuntukkan dalam akta, walaupun tertuduh membuat rayuan. Daripada keputusan denda tersebut menunjukkan mahkamah tegas dalam memberi hukuman dalam kes poligami tanpa kebenaran, malah tidak menerima sebarang rayuan yang dikemukakan.

²¹⁰ Kes Jenayah Syariah No: 14003-166-0299-2012 (*Pendakwa Syarie lawan A Hamid bin Said*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

²¹¹ Kes Jenayah Syariah No: 14003-166-0101-2012 (*Pendakwa Syarie lawan Abd Jalil bin Osman*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

²¹² Kes Jenayah Syariah No: 14003-166-0092-2012 (*Pendakwa Syarie lawan Abd Aziz bin Derwish*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

²¹³ Kes Jenayah Syariah No: 14003-166-0299-2012 (*Pendakwa Syarie lawan A Hamid bin Said*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

²¹⁴ Kes Jenayah Syariah No: 14003-166-0101-2012 (*Pendakwa Syarie lawan Abd Jalil bin Osman*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

²¹⁵ Kes Jenayah Syariah No: 14003-166-0092-2012 (*Pendakwa Syarie lawan Abd Aziz bin Derwish*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

4.4.3 Tidak Hadir Di hadapan Pendaftar NCR (Kod 161)

Selain itu, bagi kesalahan pasangan yang tidak hadir di hadapan Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk telah merekodkan jumlah ketiga tertinggi dalam statistik Jadual 4.3 tersebut iaitu sebanyak 74 kes di bawah kod 161. Kesalahan ini dilakukan oleh mereka yang lewat mendaftarkan perkahwinan mereka di Malaysia atas alasan tertentu. Penulis mendapati perkahwinan yang dilakukan oleh tertuduh berlaku di London,²¹⁶ Indonesia²¹⁷ dan Songkhla Thailand.²¹⁸

Hukuman denda bagi kod 161 ini telah diperuntukkan dalam seksyen 34 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 bahawa bagi mana-mana pendaftaran perkahwinan luar negeri seperti yang dikehendaki dalam seksyen 31 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 iaitu sekiranya pasangan gagal atau lewat mendaftarkan perkawinan, pasangan boleh dihukum denda tidak melebihi RM 1000.00 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Bagi keputusan denda yang telah diberikan dalam ketiga kes yang dianalisis, penulis membuktikan bahawa mahkamah mempunyai budibicara dalam mengurangkan nilai denda tertuduh yang melakukan kesalahan berkahwin di luar negara dan gagal mendaftarkan perkahwinan di Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan. Mahkamah melihat aspek kemampuan dan kesedaran tertuduh terhadap kesalahan tersebut dengan berjanji tidak akan mengulangi lagi.

²¹⁶ Kes Jenayah Syariah No: 14003-161-0210-2011 (*Pendakwa Syarie lawan Afida Susanti binti Nasrun, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan*).

²¹⁷ Kes Jenayah Syariah No: 14003-161-0013-2012 (*Pendakwa Syarie lawan Jaffri bin Arifin, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan*).

²¹⁸ Kes Jenayah Syariah No: 14003-161-0091-2012 (*Pendakwa Syarie lawan Abdullah Camps@Jeremy Christopher Camps, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan*).

Jumlah denda yang dikenakan masing-masing dalam kes *Pendakwa Syarie lawan Afida Susanti binti Nasrun*²¹⁹ bernilai RM 400.00 selepas rayuan dibuat oleh tertuduh dengan sebab faktor pekerjaan. Mahkamah mengambil kira soal pengetahuan tertuduh terhadap kesalahan yang dilakukan. Dengan sebab itu mahkamah mengurangkan denda tersebut. Manakala dalam kes *Pendakwa Syarie lawan Jaffri bin Arifin*²²⁰ dan kes *Pendakwa Syarie lawan Abdullah Camps@Jeremy Christopher Camps*²²¹ pula menunjukkan pengurangan denda yang diberi setelah tertuduh membuat rayuan. Hal ini bermakna, mahkamah tidak menganggap kesalahan ini serius bahkan mengiktiraf perkahwinan di luar negara.

4.4.4 Kesalahan Berhubung dengan Akad Nikah (Kod 164)

Dalam statistik Jadual 4.2 menyatakan bahawa kod 164 berjumlah 56 kes. Kod kes ini meningkat dari tahun 2006 hingga 2007 sebanyak 28 kes. Kemudian ianya mencatatkan penurunan kes yang ketara dari tahun 2008 sehingga 2012 iaitu masing-masing berjumlah 1 kes pada tahun 2011 dan 1 kes sahaja pada tahun 2012. Kadar penurunan ini menunjukkan kod kes ini jarang berlaku akhir-akhir ini berbanding tahun 2006 hingga 2007. Sebagai contoh kes yang berlaku pada tahun 2012 ialah tertuduh didapati telah mengakadnikahkan pasangan di Kuala Lumpur pada tahun 2011.

²¹⁹ Kes Jenayah Syariah No: 14003-161-0210-2011 (*Pendakwa Syarie lawan Afida Susanti binti Nasrun*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

²²⁰ Kes Jenayah Syariah No: 14003-161-0013-2012 (*Pendakwa Syarie lawan Jaffri bin Arifin*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

²²¹ Kes Jenayah Syariah No: 14003-161-0091-2012 (*Pendakwa Syarie lawan Abdullah Camps@Jeremy Christopher Camps*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

Pernikahan tersebut diupacarakan tanpa kebenaran Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk dan tertuduh tidak mempunyai sebarang tauliah sebagai Jurunikah dan Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk di mana-mana pejabat agama Islam. Oleh itu, mahkamah mensabitkan kesalahan di bawah Seksyen 19 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh dengan denda RM 600.00 dan penjara 6 hari selepas tertuduh membuat rayuan. Pensabitan tertuduh dalam kes ini di bawah peruntukan Seksyen 40 (2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Tertuduh merupakan seorang arkitek dan berpendapatan RM 10000.00.²²²

4.4.5 Akuan Palsu Untuk Berkahwin. (Kod 149)

Mengikut statistik Jadual 4.2 lagi, dua jenis kod kes yang mempunyai bilangan kes yang rendah disabitkan dari tahun 2006 hingga 2012. Kod 149 mencatatkan 6 kes manakala kod 163 mencatatkan 5 kes sahaja. Namun, kod 149 menunjukkan bahawa tahun 2010 merupakan jumlah kes yang tertinggi disabitkan iaitu 5 kes dan tahun seterusnya tiada kes yang didaftarkan mengenai akuan palsu untuk berkahwin.

Sebagai contoh, kes yang disabitkan pada tahun 2010, tertuduh telah didapati membuat pengakuan palsu bagi mendapatkan suatu perkahwinan yang dilakukan di bawah Seksyen 38 yang dibaca bersama Seksyen 17 dan Seksyen 23 dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Tertuduh telah membuat pernyataan atau perakuan bujang, sedangkan pada masa itu tertuduh mempunyai seorang isteri. Oleh

²²² Kes Jenayah Syariah No: 14008-164-0379-2012 (*Pendakwa Syarie lawan Mohammad Taufik bin A.Aziz, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan*).

sebab itu tertuduh telah memperdaya Pegawai Nikah, Cerai dan Rujuk yang telah memberi kebenaran berkahwin. Sedangkan tertuduh perlu mendapat keizinan daripada Mahkamah Syariah untuk berpoligami. Maka mahkamah telah memerintahkan bahawa tertuduh hendaklah membayar denda sebanyak RM 650.00. Walau bagaimanapun, tertuduh telah membuat rayuan disebabkab beliau bekerja sambilan sebagai guru tuisyen dan memperolehi pendapatan sebanyak RM 2000.00.²²³

Dalam kes ini mahkamah mempunyai budi bicara untuk mengurangkan jumlah denda yang seharusnya dikenakan terhadap tertuduh. Pada pendapat penulis, perkara ini mungkin disebabkan jarangnya berlaku kes tersebut dan menyebabkan mahkamah tidak tegas dalam memberikan hukuman.

4.4.6 Mengakadnikah Tanpa Kuasa Yang Sah (Kod 163)

Berbeza pula dengan kod 163 yang mencatatkan jumlah peningkatan pada tahun 2012 iaitu berjumlah 3 kes yang disabitkan. Kes ini mempunyai persamaan dengan kod 164 iaitu kesalahan yang serupa terhadap tertuduh yang mengakadnikah pasangan tanpa tauliah atau kuasa yang sah. Namun kesalahan ini diperuntukkan dalam kod yang berbeza kerana kod 163 didakwa ketika tertuduh mengadakan upacara nikah pasangan, manakala kod 164 merupakan kes yang dituduh ke atas tertuduh selepas mengupacarakan sesuatu pernikahan pasangan.

²²³ Kes Jenayah Syariah No: 14003-149-0015-2010 (*Pendakwa Syarie lawan. Badiuzzaman B. Abd Rajak*, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan).

Sebagai contoh kes dalam kod 163 ialah tertuduh telah didakwa melakukan kesalahan mengakadnikahkan pasangan di Kuala Lumpur. Pada masa yang sama tertuduh tidak diberi kuasa seperti yang dinyatakan di dalam akta dan telah didakwa di bawah Seksyen 39 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Mahkamah memutuskan bahawa tertuduh telah melakukan kesalahan tersebut dan didenda selepas membuat rayuan iaitu denda RM 1000.00 atau penjara sebulan. Antara alasan yang dikemukakan di dalam rayuan tertuduh ialah menyatakan bahawa telah insaf dan hilang pekerjaan serta memperolehi pendapatan bernilai RM 1200.00 sebulan.²²⁴

Keputusan mahkamah amat tegas dalam menetapkan hukuman tertuduh walaupun selepas rayuan dibuat. Ini menunjukkan jumlah peningkatan kes yang berlaku pada tahun 2012 boleh dibendung sekiranya penguatkuasaan denda dikenakan terhadap tertuduh.

Sebagai kesimpulan, penulis mendapati bahawa kod 165, kod 166 dan kod 161 merupakan kes yang kerap berlaku dari tahun 2006 hingga 2012. Oleh kerana itu, hakim perlulah membuat keputusan yang tegas dalam menentukan jumlah denda yang dikenakan terhadap tertuduh. Namun, tertuduh mempunyai peluang untuk meringankan hukuman tersebut dengan membuat rayuan. Hakim mengambil kira faktor keinsafan, status pekerjaan dan pendapatan tertuduh dalam mengurangkan hukuman. Ringkasnya, faktor kemampuan tertuduh yang akan menentukan jumlah denda yang dikenakan kepada mereka. Walau bagaimanapun, bagi kod 164, kod 149 dan kod 163 merupakan kes jarang berlaku dari tahun 2006 hingga 2012. Justeru itu, hukuman denda yang dikenakan tidak tetap walaupun tertuduh membuat rayuan.

²²⁴ Kes Jenayah Syariah No: 14008-163-0522-2012 (*Pendakwa Syarie lwn Mohammad Mansha But, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan*)

4.5 Kesimpulan

Sesuatu perkahwinan diiktiraf oleh UUKI sekiranya kebenaran untuk melangsungkan perkahwinan diperoleh terlebih dahulu sekalipun pernikahan tersebut sah mengikut rukun dan syarat nikah yang diperlukan. Hakikatnya mereka menganggap perkahwinan tidak mengikut prosedur bukan satu masalah besar kerana mereka mempunyai alasan-alasan yang menyebabkan berlakunya pekahwinan tanpa kebenaran. Mereka tidak berfikir panjang tentang kesan dan akibat yang berlaku terhadap perkahwinan tidak mengikut prosedur disebabkan pernikahan mereka masih lagi boleh diiktiraf oleh UUKI walaupun dihukum denda atau penjara.

Penulis menyimpulkan bahawa pasangan lebih mengambil kira faktor-faktor yang mendorong mereka berkahwin tanpa mengikut prosedur berbanding gerun dengan penalti yang dikenakan. Antara alasan pasangan ialah wali enggan memberi keizinan, masalah berpoligami, khalwat, hamil anak luar nikah dan mas kahwin yang tinggi. Maka kehendak UUKI perlu diberi perhatian serius dan ketegasan hakim dalam memberi hukuman perlu supaya akauntabiliti mereka dapat dilihat dalam menangani permasalahan yang wujud.

Maka mereka lebih mengutamakan perkahwinan tidak mengikut prosedur berbanding gerun dengan hukuman yang dikenakan. Akan tetapi, mengikut kes dan statistik yang diperolehi menunjukkan bahawa sebenarnya mereka gerun dengan hukuman tersebut kerana mereka meminta hukuman dikurangkan di dalam rayuan sebelum hakim membuat keputusan. Hal ini bermakna, selepas adanya pendakwaan dan hukuman yang diberikan barulah timbul kesedaran terhadap kesalahan yang dilakukan.

BAB LIMA :

RUMUSAN

5.1 Pengenalan

Sebagaimana yang dinyatakan di dalam bab-bab sebelum ini boleh disimpulkan bahawa salah satu matlamat peruntukan Undang-undang Keluarga Islam yang digubal adalah untuk menghalang perkahwinan tidak mengikut prosedur. Namun setakat penulisan ini ditulis, tidak ada langkah-langkah yang berkesan atau kawalan yang dibuat untuk menyelesaikan masalah ini.

Oleh itu, di dalam bab ini penulis akan membincangkan prosedur perkahwinan yang perlu diikut supaya maklumat mengenai perundangan keluarga Islam boleh disebar dan didedah dengan tujuan mengelak masyarakat menghadapi masalah untuk berkahwin. Di samping itu, penulis membuat beberapa cadangan dan saranan mengenai penyelesaian perkahwinan tidak mengikut prosedur supaya masyarakat dapat mengubah perspektif mereka yang merumuskan bahawa UUKI tersebut mengongkong kebebasan mereka untuk berkahwin sedangkan realitinya Islam itu memudahkan umatnya.

5.2 Prosedur Perkahwinan Di Malaysia

Bagi menjelaskan lagi prosedur perkahwinan di Malaysia diperturunkan carta ringkas prosedur bagi setiap permohonan berkahwin samada di dalam Negara atau di luar Negara.

Carta ini dibuat agar pihak-pihak atau pasangan lebih mudah dan faham untuk melalui


proses perkahwinan yang kadangkala menjadi satu senario yang amat rumit sekiranya tidak benar-benar mengetahui dan memahami langkah-langkah yang perlu dilakukan. Justeru, berikut dinyatakan lima carta mengenai proses permohonan kebenaran berkahwin samada bujang atau poligami di dalam dan luar Wilayah Persekutuan, proses permohonan wali hakim, proses permohonan wali enggan, proses permohonan pendaftaran perkahwinan poligami tanpa kebenaran samada dalam dan luar Negara dan proses permohonan pendaftaran pernikahan luar Negara. Semua carta tersebut berdasarkan prosedur permohonan perkahwinan di Wilayah Persekutuan yang akan diuraikan dan dijelaskan satu persatu.

5.2.1. Proses Permohonan Kebenaran Berkahwin/Poligami Di Dalam dan Luar Wilayah Persekutuan.

Carta 5.1 di bawah menunjukkan permohonan perkahwinan biasa yang dilakukan oleh bakal pengantin secara langsung kepada Pendaftar NCR di Wilayah Persekutuan tanpa melalui Mahkamah Syariah²²⁵ melainkan permohonan perkahwinan poligami yang memerlukan perintah penghakiman daripada Mahkamah Syariah. Setiap pasangan yang akan berkahwin hendaklah mengisi borang permohonan kebenaran berkahwin yang diperolehi di Jabatan Agama Islam Negeri, Pejabat Agama Islam Daerah ataupun melalui Penolong Pendaftar Perkahwinan di tempat pasangan bermastautin.

²²⁵ Noraini Md Hashim, “Kahwin Lari: Amalan Dan Peruntukan Undang-Undang”, 21.

Carta 5.1. Proses Permohonan Kebenaran Berkahwin/Poligami Di Dalam dan Luar Wilayah Persekutuan



Sumber: Buku Panduan Proses Nikah Cerai Dan Ruju' Di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Carta tersebut menunjukkan pada mulanya permohonan hendaklah menyerahkan dokumen yang telah lengkap diisi kepada pegawai di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) di tempat pemohon bermastautin. Pemohon hendaklah mengisi dua salinan Borang 1 iaitu permohonan untuk kebenaran berkahwin dengan lengkap dan melampirkan dokumen seperti dua salinan Kad Pengenalan (warganegara) atau dua salinan passport atau visa yang masih (bukan warganegara, Sijil Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI) (asal dan salinan), Surat Akuan Bujang daripada majikan atau; Surat Akuan Sumpah Bujang bagi yang tiada majikan dan pengesahan Ujian Saringan HIV daripada hospital atau klinik kesihatan Kerajaan Malaysia.

Bagi pemohon yang hendak berpoligami pula hendaklah menyerahkan butir-butir dan dokumen sokongan seperti tiga salinan kad pengenalan pemohon, tiga salinan kad

pengenalan isteri yang sedia ada, tiga salinan surat nikah atau rujuk, satu asal dan dua salinan saman, satu asal dan dua salinan penyata tuntutan, tiga salinan borang permohonan lelaki berpoligami (1B) dan tiga salinan sijil kelahiran anak-anak.²²⁶

Setelah menyerahkan Borang 1 dan dokumen sokongan yang diperlukan, pegawai yang bertugas akan membuat semakan di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) dalam masa 10 minit. Pemohon hendaklah hadir bersama dengan wali berjumpha Penolong Pendaftar Perkahwinan (jurunikah kariah) di tempat tinggal pemohon tinggal untuk tujuan pengesahan Borang 1.

Sekiranya borang lelaki dan perempuan yang telah disahkan oleh Penolong Pendaftar Perkahwinan (jurunikah kariah) di kariah masing-masing beserta dokumen yang diperlukan telah lengkap hendaklah dikemukakan di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga Jawi (BPPK) dengan membuat bayaran berjumlah RM 25.00 bagi pernikahan dalam Wilayah Persekutuan atau RM 5.00 bagi pernikahan luar Wilayah Persekutuan dalam masa 15 minit. Walau bagaimanapun, bayaran mengikut kadar semasa yang dikuatkuasakan. Sebaliknya, sekiranya borang tersebut tidak lengkap, hendaklah kembali semula ke kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga Jawi (BPPK) untuk melengkapkan borang permohonan tersebut.

Permohonan perkahwinan ini hendaklah disampaikan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh perkahwinan. Namun, permohonan boleh dilakukan dalam masa yang lebih singkat mengikut kes-kes tertentu atas budi bicara Pendaftar. Sekiranya Pendaftar

²²⁶ Mohd Radzuan Ibrahim, *Munakahat Undang-Undang Dan Prosedur* (Selangor : Dri Publishing House, 2006), 253.

berpuas hati dengan permohonan yang dibuat dan sekiranya pihak lelaki yang ingin berpoligami telah mendapat kebenaran tersebut serta pembayaran yang ditetapkan telah dilunaskan, maka kebenaran perkahwinan akan dibuat. Surat kebenaran berkahwin akan diserahkan kepada pemohon dalam masa 5 minit di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) yang terakhir. Apabila perkahwinan kebenaran diluluskan, upacara pernikahan hendaklah dilakukan samada oleh wali sendiri atau wakil wali di hadapan terus oleh pengantin lelaki dalam majlis akad ataupun diwakilkan kepada seseorang untuk menerima nikah itu baginya.²²⁷


5.2.2 Proses Permohonan Wali Hakim

Permohonan wali hakim adalah dikhatusukan kepada pemohon perempuan yang terdiri daripada saudara baru, anak tak sah taraf, tiada wali nasab dan wali ghaib. Pemohon hendaklah memohon kebenaran berwali hakim di Mahkamah Syariah seperti yang dinyatakan di dalam Carta 5.2 di bawah. Mulanya, pemohon hendaklah menyerahkan Borang 1 dan Borang Permohonan Wali Hakim dan dokumen yang berkaitan seperti tiga salinan kad pengenalan, tiga salinan surat cerai (jika janda), satu asal dan dua salinan notis permohonan, satu asal dan dua salinan affidavit pemohon, tiga salinan akuan muallaf (jika ada), satu asal dan dua salinan borang permohonan perempuan (1C & 1D), satu asal dan dua salinan borang permohonan lelaki (1 A), satu salinan nama, kad pengenalan dan alamat lengkap dua orang saksi, tiga salinan sijil beranak pemohon dan tiga salinan surat

²²⁷ Noraini Md Hashim, “Kahwin Lari: Amalan Dan Peruntukan Undang-Undang,” 21.

sokongan kedutaan (jika warga asing)²²⁸ di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK).

Carta 5.2. Proses Permohonan Wali Hakim



Sumber: Buku Panduan Proses Nikah Cerai Dan Ruju' Di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

²²⁸ Mohd Radzuan Ibrahim, *Munakahat Undang-Undang Dan Prosedur*, 253.

Setelah menyerahkan semua borang dan dokumen yang berkaitan, pegawai akan membuat semakan di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) seterusnya dalam masa 10 minit. Apabila pegawai mengesahkan borang permohonan tersebut lengkap, pemohon akan disoal selidik oleh Pendaftar Nikah Cerai Ruju' (NCR) di bilik Pendaftar NCR lebih kurang 20 minit. Manakala, sekiranya tidak lengkap pemohon hendaklah kembali ke Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) yang pertama semula untuk menyerahkan borang-borang dan dokumen yang berkaitan. Selepas soal selidik dilakukan terhadap pemohon di bilik Pendaftar NCR juga, Pendaftar Nikah Cerai Ruju' akan menyediakan laporan untuk pemohon membawa ke Mahkamah Syariah.


Kemudian, Mahkamah Syariah akan menjalankan penyiasatan dengan memanggil pihak-pihak yang terlibat untuk memberi keterangan berkaitan dengan permohonan tersebut. Sekiranya Mahkamah berpuas hati dengan permohonan tersebut, mahkamah akan memberi kebenaran untuk dinikahkan perempuan tersebut secara wali hakim.²²⁹ Setelah itu, pemohon akan menyerahkan Kebenaran Berkahwin yang diperolehi daripada Mahkamah Syariah tersebut di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK). Pemohon juga akan membuat bayaran berjumlah RM 25.00 bagi pernikahan dalam Wilayah Persekutuan atau RM 5.00 bagi pernikahan di luar Wilayah Persekutuan. Proses tersebut memakan masa lebih kurang 15 minit. Pada Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) yang terakhir, pegawai akan menyerahkan surat kebenaran berkahwin kepada pemohon dalam masa 5 minit.

²²⁹ Noraini Md Hashim, "Kahwin Lari: Amalan Dan Peruntukan Undang-Undang," 22.

5.2.3 Proses Permohonan Wali Enggan

Prosedur permohonan wali enggan mempunyai sedikit perbezaan dengan prosedur permohonan wali hakim yang dimulakan dengan mendapatkan perintah atau penghakiman kebenaran berkahwin daripada Mahkamah Syariah seperti yang ditunjukkan di dalam Carta 5.3. di bawah.

Carta 5.3. Proses Permohonan Wali Enggan



Sumber: Buku Panduan Proses Nikah Cerai Dan Ruju' Di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Hakim Syarie hanya akan memberikan perintah kebenaran berkahwin setelah berpuas hati jika wali nasab enggan memberikan persetujuannya tanpa sebab yang mencukupi. Antara faktor yang diberi perhatian adalah calon pengantin lelaki sekufu dengan pasangan, maka kebenaran daripada Hakim Syarie akan diperolehi. Setelah selesai mendapat perintah daripada Mahkamah Syariah, pemohon akan menyerahkan Borang 1,

perintah kebenaran berkahwin yang diperolehi daripada Mahkamah Syariah dan dokumen berkaitan di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK). Seterusnya, pegawai akan menyemak segala dokumen yang dikemukakan oleh pemohon dalam masa 10 minit di Kaunter Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) kedua. Sekiranya, pegawai mendapati permohonan lengkap, pemohon boleh terus membuat bayaran berjumlah RM 25.00 bagi pernikahan dalam Wilayah Persekutuan atau RM 5.00 bagi pernikahan luar Wilayah Persekutuan dalam masa 15 minit di Kaunter Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) yang ketiga. Jika permohonan tidak lengkap, pemohon hendaklah kembali kepada Kaunter Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) yang utama untuk tujuan semakan semula.

Kaunter Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) yang terakhir, pemohon akan diserahkan surat kebenaran berkahwin daripada pegawai yang bertugas dalam masa 5 minit.

5.2.4. Proses Permohonan Pendaftaran Pernikahan Luar Negara

Proses permohonan pendaftaran pernikahan luar negeri boleh dibahagikan kepada tiga iaitu:²³⁰

- i. Pernikahan Luar Negara Di Kedutaan-Kedutaan Malaysia.

Biasanya pemohon terdiri daripada pelajar, atau pekerja yang tinggal sementara di luar negeri. Aturcara bagi pernikahan dan pendaftaran pernikahan ini adalah sama seperti aturcara pernikahan yang dilaksanakan dalam negeri.

²³⁰ *Ibid.*, 23-25.

ii. Pernikahan Di Luar Negeri Selain Di Kedutaan-Kedutaan Malaysia.


Pernikahan dilakukan oleh pemohon yang tinggal sementara di luar negeri yang dilakukan selain daripada pernikahan yang dilaksanakan di Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul Malaysia. Dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pernikahan, pihak-pihak yang terbabit hendaklah mendaftarkan pernikahan mereka itu di hadapan mana-mana Pendaftar NCR samada di Kedutaan Malaysia atau di negeri mereka sendiri di Malaysia. Aturcara pernikahan juga adalah sama dengan aturcara yang dilaksanakan di dalam negeri.

iii. Pernikahan Di Luar Negeri Dengan Kebenaran.

Perkahwinan ini dilakukan di luar Malaysia oleh rakyat Islam negara ini dengan mendapat kebenaran terlebih dahulu dari Pendaftar NCR negeri masing-masing.

Proses permohonan ketiga kategori tersebut dilakukan seperti berikut iaitu dalam Carta 5.4 di bawah :

Carta 5.4. Proses Permohonan Pendaftaran Pernikahan Luar Negara



Sumber: Buku Panduan Proses Nikah Cerai Dan Ruju' Di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Langkah utama yang perlu dilakukan oleh pemohon adalah dengan melengkapkan borang pendaftaran pernikahan luar Negara, dokumen berkaitan seperti kad pengenalan dan pasport suami isteri (asal dan salinan), pengesahan keluar masuk ke Negara tempat berkahwin yang tertera dalam pasport, salinan surat kebenaran yang dikeluarkan oleh JAWI, surat perakuan nikah yang dikeluarkan oleh Negara berkenaan (asal dan salinan),

gambar atau video semasa akad nikah dijalankan (jika ada), surat perakuan cerai asal (jika duda atau janda), daftar pemerikasan nikah (jika bernikah di Indonesia), dan pengesahan dokumen pernikahan dari Notary Public (jika bernikah di India) serta Borang 5 yang boleh diambil daripada Bahagian Penguatkuasaan JAWI (bagi perkahwinan tanpa kebenaran). Setelah melengkapkan borang dan dokumen yang berkaitan, pemohon hendaklah menyerahkan borang tersebut di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK). Proses tersebut biasanya mengambil masa 10 minit.

Kemudian, di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) yang kedua akan dilakukan semakan oleh pegawai yang bertugas dalam masa 15 minit. Sekiranya pegawai tersebut mengesahkan borang dan dokumen yang dikemukakan lengkap, pemohon boleh mendapatkan tarikh panggilan soal selidik dalam tempoh tidak melebihi 7 hari bekerja pada di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) yang ketiga. Sebaliknya, jika tidak lengkap pemohon hendaklah mengulangi perkara yang sama dilakukan di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) yang pertama.

Setelah tarikh ditetapkan, soal selidik akan akan dijalankan di Bilik Pendaftar NCR. Pemohon hendaklah memberikan sebab yang munasabah untuk berkahwin di luar negeri. Pendaftar NCR boleh memberi kebenaran kepada pemohon setelah berpuas hati dengan alasan-alasan yang dikemukakan iaitu pasangan hendaklah melafazkan ta'liq di hadapan Pendaftar NCR.

Manakala, sekiranya Pendaftar NCR tidak berpuas hati, maka pemohon hendaklah mendapatkan perintah atau penghakiman sah dan perintah daftar daripada Mahkamah Syariah seterusnya menyerahkan perintah ke Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK).


Selepas itu kelulusan atau pengesahan permohonan oleh Ketua Pendaftar NCR akan diberikan di bilik Ketua Pendaftar NCR. Pemohon bolehlah membuat bayaran berjumlah RM 20.00 untuk pengeluaran Sijil Nikah tersebut yang dilakukan dalam masa 15 minit di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) yang keempat. Kemudian, serahan Sijil Nikah dengan kadar segera dilakukan dalam masa tidak melebihi 7 hari bekerja di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) terakhir.

5.2.5 Proses Permohonan Pendaftaran Perkahwinan Poligami Tanpa Kebenaran (Dalam Dan Luar Negara).

Perkahwinan ini biasanya dilakukan oleh mereka yang bermasalah dengan perkahwinan yang bakal dilangsungkan di negeri mereka seperti mereka yang tidak mendapat persetujuan isteri sedia ada untuk berpoligami atau tidak mendapat keizinan wali atas sebab-sebab tertentu.²³¹ Proses permohonan pendaftaran perkahwinan poligami ini dimulakan dengan mendapatkan perintah atau penghakiman di Mahkamah Syariah. Carta 5.5 di bawah menunjukkan pemohon hendaklah hadir ke Mahkamah Syariah untuk mendapatkan pengesahan pernikahan dan perintah daftar pernikahan.

²³¹ *Ibid.*, 25.

Carta 5.5. Proses Permohonan Pendaftaran Perkahwinan Poligami Tanpa Kebenaran
(Dalam Dan Luar Negara)



Sumber: Buku Panduan Proses Nikah Cerai Dan Ruju' Di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Setelah mendapat perintah daftar tersebut, pemohon hendaklah hadir ke JAWI untuk proses pendaftaran nikah. Pemohon hendaklah hadir ke Kaunter Bahagian Perkahwinan Dan Pembangunan Keluarga (BPPK) dan mengisi borang permohonan pendaftaran pernikahan luar Negara. Dokumen yang perlu dilampirkan adalah seperti kad pengenalan atau pasport (bukan warganegara) suami isteri (asal dan salinan), perintah daftar pernikahan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah, salinan surat perakuan nikah yang dikeluarkan Negara berkenaan, surat perakuan cerai asal (jika duda atau janda) dan maklumat kepada Pegawai Penguatkuasa yang perlu dilengkapkan dalam Borang 5 daripada Bahagian Penguatkuasaan JAWI. Setelah itu pegawai bertugas akan membuat semakan dalam masa 15 minit.

Sekiranya borang dan dokumen yang dikemukakan lengkap pasangan hendaklah melafazkan ta’liq di hadapan Pendaftar NCR di Bilik Pendaftar NCR. Manakala, jika tidak lengkap pemohon hendaklah melengkapkan kembali dokumen dan menyerahkan di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) yang pertama.

Setelah lafaz ta’liq dibuat, pemohon hendaklah membayar bayaran RM 25.00 untuk pengeluaran Sijil Nikah di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) yang ketiga dalam masa 15 minit. Akhir sekali, penyerahan Sijil Nikah akan dilakukan dengan kadar segera dalam tidak melebihi 7 hari bekerja di Kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) yang terakhir.

Penulis menyimpulkan bahawa setiap permohonan mempunyai proses yang sama perlu dilakukan, namun wujud perbezaan dokumen yang perlu dikemukakan. Selain itu, wujud perbezaan prosedur permohonan yang harus dimulakan samada di hadapan Pendaftar ataupun Mahkamah Syariah. Bagi permohonan kebenaran berkahwin samada bujang mahupun poligami harus dimulakan di hadapan Pendaftar Nikah Cerai Rujuk. Manakala, permohonan yang dimulakan di Mahkamah Syariah melibatkan permohonan wali hakim yang mana laporan harus disediakan oleh Pendaftar, kemudian kelulusan Mahkamah akan diberikan kepada pemohon. Berbeza pula dengan permohonan wali enggan yang memerlukan perintah mahkamah diperoleh terlebih dahulu, kemudian barulah surat kebenaran berkahwin diberikan kepada pemohon. Bagi permohonan pendaftaran nikah luar Negara pula kelulusan Mahkamah hanya akan diberi setelah Pendaftar berpuas hati terhadap alasan-alasan yang dikemukakan samada munasabah atau sebaliknya, setelah itu mahkamah akan memberikan kelulusan. Yang terakhir, bagi permohonan pendaftaran

perkahwinan poligami tanpa kebenaran (dalam dan luar Negara) memerlukan perintah mahkamah terlebih dahulu. Kemudian pasangan boleh membuat lafaz taklik di hadapan Pendaftar dan penyerahan Sijil Nikah akan diberikan.

5.3 Cadangan Dan Saranan

5.3.1 Pihak Berkuasa Agama

Pihak berwajib bagi Jabatan Agama Islam negeri-negeri dan Pejabat Mufti seluruh negeri haruslah memainkan fungsi untuk menyampaikan maklumat mengenai bahana perkahwinan tidak mengikut prosedur dan kesannya kepada ummah. Penyampaian maklumat atau keskes yang telah berlaku ini adalah lebih elok disampaikan oleh mereka yang mempunyai kelayakan yang pelbagai. Memandangkan Malaysia mempunyai 14 Jabatan Agama Islam di setiap negeri maka gerakan penyampaian adalah bukan terlalu sukar tetapi biarlah ianya tidak dikesampingkan.

5.3.2 Penguatkuasaan Secara Bersepadu

Kerjasama dua hala antara Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri dengan Majlis Agama Islam Selatan Thailand yang kerap berlakunya kes perkahwinan tidak mengikut prosedur perlu diperkasa. Pertemuan dan taklimat bersama jurunikah di luar negara perlu diadakan supaya mereka melaksanakan tanggungjawab dengan lebih telus.

Dalam pada itu penceritaan akibat atau kesan perkahwinan tidak mengikut prosedur kepada masyarakat perlu juga melalui media massa, media arus perdana dan media-media

alternatif sekurang kurangnya satu bulan atau dua bulan sekali. Adalah patut dan perlu bagi media massa atau akhbar mengeluarkan cerita mengenai wanita yang telah melalui keperitan dalam hidup akibat perkahwinan yang tidak diiktiraf oleh UUKI.²³² Hebahan itu biarlah dalam bentuk yang boleh menarik minat masyarakat awam untuk melihat dan memperhalusi masalah ini dengan mudah seterusnya boleh memahami dengan senang.

5.3.3 Penalti Yang Lebih Berat Kepada Yang Terlibat

Kadar denda yang dikenakan tidak berpatutan kerana hampir semua pasangan yang disabitkan kesalahan perkahwinan tidak mengikut prosedur mampu menjelaskan denda yang dikenakan. Justeru itu, kadar denda yang ada sekarang perlu ditambah dan diseragamkan di semua negeri agar tidak berlaku ketidakadilan dari segi pelaksanaan. Penalti yang tinggi ini akan memberi kesan kepada pasangan supaya rancangan mereka untuk berkahwin tanpa mengikut prosedur UUKI terbantut. Pendapat ini juga disokong oleh Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM)²³³ dan Ketua Penolong Pengarah Kanan Pejabat Penasihat Undang-undang JAKIM²³⁴ dan ianya dalam kajian kerajaan untuk menaikkannya.

Menurut Zaidi Zain²³⁵ pula, pesalah poligami pada kebiasaanya tidak begitu gerun atau takut terhadap denda yang termaktub didalam Akta UUKI itu. Akan tetapi mereka terasa lebih takut sekiranya poligami ini diketahui oleh isteri yang sedia ada. Akhirnya

²³² Abu Suffian bin Abu Yaziz, Pegawai Penyelidik Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Dalam Temubual dengan penulis 6 September 2012.

²³³ Musa Awang, Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM). Dalam temubual dengan penulis, 19 Oktober 2012.

²³⁴ Puan Fatimah binti Manja, Ketua Penolong Pengarah Kanan Pejabat Penasihat Undang-undang JAKIM. Dalam temubual dengan penulis, 16 April 2013.

²³⁵ Zaidi Zain, Peguam Syarie. Dalam temubual dengan penulis, 26 November 2012.

ketakutan minda itu membawa kepada perkahwinan tidak mengikut prosedur. Maka sifat sang suami itu yang sepatutnya kental, berani dan penuh kasih sayang terhadap keluarga tidak dapat dijelmakan dengan keadilan ke atas isteri dan anak-anak yang sedia ada. Oleh itu apabila UUKI ketat ianya menggerunkan orang ramai sekaligus boleh membanteras perkahwinan tidak mengikut prosedur.

5.3.4 Penyelarasan Kepada Agensi-agensi Yang Terbabit

Pendedahan tentang ilmu perkahwinan boleh dihebahkan bukan sahaja ketika mengikuti kursus perkahwinan malah di peringkat sekolah menengah lagi dan di institusi-institusi pengajian tinggi. Ianya bertujuan agar remaja hari ini berfikir dahulu terhadap apa-apa tindakan yang membelakangi agama, adat budaya, keluarga dan masyarakat sekeliling mereka. Sepertimana yang telah disarankan oleh Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad,²³⁶ untuk memberi pengetahuan dan pembelajaran melalui pendidikan kepada masyarakat, kurikulum Pendidikan Islam perlu dikaji semula. Menurut beliau lagi, Pendidikan Islam bukanlah hanya tertumpu kepada perkara ibadat sahaja, malah ianya merupakan ad-din yang meliputi cara hidup. Sekiranya pelajar hanya belajar tentang ibadat tertentu tetapi tidak menguasai ilmu lain, itu tidak menepati kehendak agama. Akibatnya akan membawa masalah sosial kepada umat Islam khususnya dan masyarakat Malaysia amnya.

²³⁶ Syukri Shaari, “Kaji Kurikulum Pendidikan Islam,” laman sesawang *Utusan Online*, dikemaskini 13 November 2013, dicapai 20 November 2013, http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131113/dn_02/Kaji-kurikulum-pendidikan-Islam.

Di samping itu, struktur fatwa hukum yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Mufti bukanlah pandangan akademik semata-mata. Fatwa itu haruslah lebih menjurus kepada pandangan rasmi kerajaan memerintah terhadap sesuatu isu yang dibangkitkan.²³⁷ Pandangan rasmi fatwa itulah mempunyai kewajaran untuk mengikat tatasusila masyarakat Islam di Malaysia agar patuh terhadap kehendak agama Islam itu sendiri. Peranan Jabatan Mufti bagi setiap negeri juga haruslah diperkasakan agar fatwa yang dikeluarkan itu mengikat kepada mahkamah. Ini kerana secara amalnya, Mahkamah Sivil tidak terikat dengan fatwa yang diwartakan sebaliknya mempunyai bidangkuasa mahkamah sendiri untuk mentafsir sesuatu undang-undang. Bagi Mahkamah Syariah pula, ianya berhak untuk berijihad terhadap sesuatu kes tanpa mengikat kepada kehendak fatwa semasa. Perkara ini dapat dijangkakan kerana bidangkuasa mahkamah yang diberikan oleh Perlembagaan dan undang-undang Persekutuan mempunyai keutamaan dari undang-undang lain.²³⁸

5.3.5 Pemain Fungsi Kepada Sistem Pentadbiran Perundangan Negeri/Negara

Yang dimaksudkan dengan pemain fungsi ialah mereka yang berkelayakan atau yang berkaitan dengan sistem perundangan Islam atau lebih tepat lagi pembuat UUKI haruslah turun ke lapangan untuk menilai kehendak masyarakat semasa. Pendapat ini juga disokong oleh pengamal undang-undang²³⁹ yang mana pembuat atau penggubal undang-undang (*Law Maker*) tidak seharusnya mementingkan status quo dalam merangka permasalahan undang-undang Islam UUKI supaya ianya selari dengan peredaran zaman. Sekiranya terdapat

²³⁷ Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Transformasi Fikah Semasa*, (Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd, 2010), 179.

²³⁸ Ahmad Hidayat Buang, “Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia”, *Jurnal Syariah* 10, 1 (2002), 40-41.

²³⁹ Musa Awang, Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM). Dalam temubual dengan penulis, 19 Oktober 2012.

jabatan atau majlis penguatkuasaan yang ditunjangi oleh para mufti, ulama' serta para pendidik dari pelbagai bidang yang diiktiraf, ianya perlu dilihat sebagai badan profesional yang mengfokuskan kepada usaha untuk mertabatkan lagi profesionalisme di kalangan mereka.²⁴⁰

Kewajaran jabatan atau majlis penguatkuasaan seperti ini mestilah mempunyai agenda kerja yang teratur untuk memenuhi keperluan utamanya iaitu untuk menjadikan fatwa lebih berkesan dalam memandu kerajaan dan masyarakat ke arah kehendak Islam yang sebenar.²⁴¹ Mengenai fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 1 Julai 2002 berkenaan “Kahwin Lari di Selatan Thailand” dan “Perkahwinan Lari Meninggalkan Wali Dua Marhalah Mengikut Mazhab Al-Syafie”, ianya adalah sah sekiranya dilakukan oleh jurunikah yang diiktiraf oleh wilayah negara berkenaan dan ditauliahkan sebagai wali hakim.

Hakikatnya, konsep dua marhalah bagi tujuan perkahwinan ini adalah sesuai bagi keadaan perkahwinan yang dilangsungkan oleh pasangan yang berada di luar negara.²⁴² Perkahwinan seperti ini tidak memungkinkan pasangan untuk kembali ke tanah air dalam tempoh tertentu untuk mendaftar perkahwinan mereka sepertimana yang diperuntukkan mengenai Pendaftaran Perkahwinan Luar Negeri Oleh Orang Yang Bermastautin dalam Wilayah Persekutuan.²⁴³ Maka kehendak Wali Hakim boleh digunakan untuk mengambil

²⁴⁰ Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Transformasi Fikah Semasa*, 182.

²⁴¹ *Ibid.*, 183.

²⁴² Siti Shamsiah Binti Md Supi, “Fatwa Perlu Bagi Masalah Kahwin Lari”, laman sesawang *ikim*, dicapai pada 4 Jun 2013, <http://www.ikim.gov.my/index.php/en/utusan-malaysia/7721-fatwa-perlu-bagi-masalah-kahwin-lari>.

²⁴³ Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Seksyen 31.

tempat Wali asal untuk menyempurnakan rukun nikah di dalam bab Pendaftaran Perkahwinan Luar Negeri.

Oleh itu, apa yang terpenting daripada dua marhalah itu ialah menafikan hak bapa sebagai wali *aqrab* adalah munasabah atau tidak. Fungsi Wali Hakim adalah terbatas sekiranya wali atau bapa masih wujud. Keengganan wali dengan sebab-sebab yang munasabah menurut syarak, tidak memungkinkan Wali Hakim mengambil ruang dan peluang berdasarkan kepada Persetujuan Dikehendaki²⁴⁴ sepertimana yang termaktub pada Seksyen 13 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Hasilnya, satu perkara yang perlu diketengahkan dalam kajian ini ialah fatwa-fatwa para mufti perlu kepada kritikan akademik daripada ulama' yang lain. Dengan cara ini, setiap fatwa yang diwartakan tertakluk kepada prinsip dan nilai intelektual yang tinggi.²⁴⁵ Maka kajian imperikal terhadap hukum perkahwinan tidak mengikut prosedur dapat dijelmakan agar ianya sesuai dengan reformasi UUKI di Malaysia.

5.4 Kesimpulan

Peranan pendidikan dalam institusi kekeluargaan haruslah diperkasakan oleh pemimpin terhadap rakyatnya, pendidik terhadap golongan pelajarnya dan ibu bapa terhadap jiwa anak-anaknya. Ini disebabkan perubahan masyarakat Melayu moden daripada kampung ke bandar besar bertujuan mendapatkan pekerjaan ataupun menimba ilmu. Ini sedikit sebanyak menjelaskan peranan pendidikan dalam institusi kekeluargaan masa kini. Oleh itu, sifat

²⁴⁴ Siti Shamsiah Binti Md Supi, "Fatwa Perlu Bagi Masalah Kahwin Lari", laman sesawang *ikim*, dicapai pada 4 Jun 2013, <http://www.ikim.gov.my/index.php/en/utusan-malaysia/7721-fatwa-perlu-bagi-masalah-kahwin-lari>.

²⁴⁵ Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Transformasi Fikah Semasa*, 183.

kebersamaan di antara satu pihak dan pihak yang lain harus diwujudkan dalam menangani sesuatu isu yang berbangkit. Kesannya dapat mentransformasikan peranan pendidikan melalui institusi kekeluargaan daripada terus terpedaya dan leka dengan aspek pembangunan material Negara.²⁴⁶

Apa yang terpenting sekali, untuk menghidupkan reformasi perundangan Islam kearah Islamisasi ummah yang berkualiti, haruslah kita tidak terikat dengan dominasi budaya taqlid²⁴⁷ terhadap sesuatu isu yang melanda umat Islam sekarang. Pendita Za'aba menulis dalam bukunya “Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri” di dalam bab Fikiran, Kepercayaan dan Pegangan Agama bahawa:

“Tuhan selalu mencela keras akan orang-orang yang hanya mengikut dengan buta tuli sahaja apa yang dikatakan orang atau apa yang biasa dibuat orang. Umpama mereka yang berdegil mengikut jalan nenek moyang atau pendapat orang dahulu-dahulu dengan tiada ditimbang lagi salah benarnya atas neraca timbangan akal sendiri, bahkan tiada dikira walaupun berlawanan dengan ilmu pengetahuan yang sah betulnya”.²⁴⁸

Dengan kata lain, kita tidak disuruh bertaqlid buta dengan mengikut dan menerima sahaja tanpa bersoal jawab dan tidak mengerti apakah yang kita terima itu. Kecualilah kita sendiri tiada ilmu atau jahil dengan fikiran sendiri kerana kebenaran itu rentas sempadan.

²⁴⁶ Rahimin Affandi Abdul. Rahim, Paizah Ismail, Norhayati Mohd Dahlal, “Reformasi Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia: Satu Analisis Terhadap Gagasan Konsep Fiqh Semasa”, 187.

²⁴⁷ *Ibid*, 188.

²⁴⁸ Hamdan Hassan, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,2005), 23-24.

Oleh itu, Mahmood Zuhdi Abdul Majid mengingatkan bahawa,²⁴⁹ Al-Qardhawi menegaskan dalam buku "*al-Ijtihād al-Mu'āṣir*" bahawa ijtihad dan fatwa semasa perlu dilakukan, bukan hanya sekadar menjawab persoalan semasa tetapi haruslah menilai kembali hasil ijtihad terdahulu dan fatwa zaman lampau yang tidak sesuai pada zaman sekarang. Beliau juga menolak pendapat yang mengatakan warisan fikah terdahulu sudah cukup untuk menjawab persoalan pada masa sekarang. Ini bererti bukan merendahkan martabat para fuqaha terdahulu, cuma agak keterlaluan sekiranya kita sengaja menafikan realiti bahawa setiap zaman itu ada masalah, realiti dan keperluan berbeza di antara zaman-zaman sebelum dan selepasnya.

Maka wajar dipertegaskan bahawa keperluan kepada ijtihad kontemporari merupakan hakikat yang tidak dapat dinafikan lagi untuk mengharungi arus globalisasi dunia masakini. Untuk mengatasi cabaran yang sedia ada, para pemerintah atau pemimpin, ahli akademik, mufti dan institusi keulamaan perlu berganding bahu untuk mewujudkan paradigma masyarakat yang berprinsip terhadap sesuatu hukum yang diwartakan²⁵⁰ agar sentiasa mendapat keberkatan dunia dan akhirat.

²⁴⁹Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Transformasi Fikah Semasa*, 173.

²⁵⁰*Ibid.*, 134.

BIBLIOGRAFI

BUKU

Bahasa Arab

Abādī Abī at-Ṭayyib Shams al-‘Azīm. ‘Aun al-Ma ‘būd Sharḥ Sunān Abī Dāud. “Kitāb Nikāh”, no hadith 2095. Jilid ke-6. Dār al-Fikr, 1968.

Abī Dāud Sulaimān bin al-Ash‘ās. *Kitāb Sunan Abī Dāud*, “Bāb Fi al-Wali”, no.hadith: 2076 Beirut: Dār al-Qiblah Lī al-Thaqāfah Islāmiyah Jeddah Muassasah Ar-riyān, Maktabah Makiyyah Makkah. 1998.

Al-Nawawī. *Rawḍah at-Tālibīn*. Jilid ke-5. Dār ‘Alam al-Kutb, 2003.

Al-Shāfi’i. *al-Umm* Jilid ke-5. Beirut: Dār al-Kutb al-‘Ilmiyah. 2002.

Badrān Abu al-‘Aīnāyin. *Aḥkām al-Zawāj Wa al-Talāq Fi al-Islām Bahthu Tahlīlī Wa Dirāsah Muqāranah*. Jilid ke-2. Mesir: Maṭba’ah Dār al-Ta’līf. 1961.

Hussin b. Alī Abu Bakr Aḥmad Al-Baihaqī. *Kitāb al-Sunān Al-Saghīr*. “Kitāb Nikāh”, no.hadith: 1108/2484 Beirut: Dār al-Kutb Ilmiyah, 1992.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. *Fatḥ al-Bāri Bi Sharḥ Ṣāḥīḥ al-Imām Abī ‘Abd Allah Muḥammad Ibn Ismā‘īl al-Bukhārī*. “Bāb Nikāh”, no.hadith 5065. Jilid ke-9. Maṭba’ah al-Salafiyyah Wa Maktabatuhā. 2007.

Muhammad Zuhailī. *Mu'tamad Fi al-Fiqh ash-Shāfi'i*. Damshiq: Dār al-Qalam. 2007.

Muṣṭafā Al-Khin, Muṣṭafā Al-Bughā dan 'Alī Ash-Sharbajī. *Fiqh Manhājī 'Ala Madhhab Al-Imām Ash-Shāfi'i*. Jilid ke-4. Damshiq: Dār al-Qālam. 1992.

Naqiyuddin Ibn Fathi Shahir. *Ahkamul Ahkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah. 2005.

Shamsuddīn Muhammad Muḥammad al-Khāṭib ash-Sharbini. *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'ani Alfāz al-Manhāj*. Beirut: Dār al-Ma'rifah. 1997.

Shirbini. *al-Iqna fī Ḥal Alfāz Abī Shujā'*. Jilid ke-2. Mesir: Maṭba'ah Muṣṭafa al-Bābī. 1940.

_____. *Mughnī al-Muhtāj: ilā Ma'rifah Mā'ani Alfāz al-Minhāj*. Jilid ke-5. al-Qāhirah: Maṭba'ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī. 1958.

Bahasa Inggeris

Ahmad Ibrahim. *The Status Of Muslim Women In Family Law In Malaysia, Singapore, Brunei*. Malayan Law Journal Ltd, 1965.

Tahir Mahmood. *Family Law Reform In The Muslim World*. The Indian Law Institute New Delhi, 1972.

Bahasa Melayu

Ahmad Ibrahim. *Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia*. Malayan Law Journal Sdn Bhd, 1999.

Azman Ab Rahman, Syed Salim Syed Shamsuddin, Mushaddad Hasbullah dan Yasmin Hanani Mohd Safian. *Perlaksanaan Ujian HIV Bagi Bakal Pengantin Dari Perspektif Syariah & Undang-Undang*. Penerbit USIM: Universiti Sains Islam Malaysia, 2007.

Boestamam Ahmad Dan Farah Safura Muhammud. *Dari Fail Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Inteam Publishing Sdn Bhd, 2011.

Dina Imam Supaat et al. (eds.). *Prosiding Diskusi Syariah Dan Undang-Undang*. Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia, 2003.

Hamdan Hassan. *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Ismail Ali. *Mutiara Fiqih*. Perniagaan Jahabersa, 1997.

M. Nashiruddin Al-Abani. *Ringkasan Shahih Bukhari*. Jakarta: Gema Insani, 2008.

Mahmood Zuhdi Abdul Majid. *Transformasi Fikah Semasa*. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd, 2010.

Mahmood Zuhdi bin Haji Abdul Majid. *Kursus Perkahwinan dan Undang-Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dasar Cetak (M) Sdn. Bhd, 1993.

Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Raihanah Azahari. *Undang-Undang Keluarga Islam Konsep Dan Perlaksanaannya Di Malaysia*. cet. Pertama. Kuala Lumpur: Fakulti Syariah Akademi Islam, Universiti Malaya, 1989.

Mat Saad Abd. Rahman. *Undang-Undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*. Shah Alam: Hizbi, 1993.

Md.Akhir Yaacob dan Siti Zalikhah Md. Noor. *Beberapa Aspek Mengenai Enakmen Keluarga Islam Di Malaysia*. Al-Rahmaniah: Badan Dakwah Dan Kebajikan Islam Malaysia, 1989.

Mimi Kamariah Majid. *Undang-Undang Keluarga Di Malaysia*. Butterworth Asia, 1992.

Mohamad Som Sujiman dan Abdul Basir Mohamad. *Fikah Kekeluargaan*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2007.

Mohd Radzuan Ibrahim. *Munakahat Undang-Undang Dan Prosedur*. Selangor: Dri Publishing House, 2006.

Mohd Saleh Ahmad. *Perkahwinan Dan Perceraian Dalam Islam*. Pustaka Haji Abdul Majid Sdn Bhd, 2009.

Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji. *Kitab Fikah Mazhab Syafie*. terj. Ridzuan Hashim, Juanda Jaya, Azizi Ismail, Mohd Asri Hashim, Salehan Ayub. Jilid ke-4. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd, 2009.

Nik Noraini Nik Badli Shah. *Perkahwinan Dan Perceraian Di Bawah Undang-Undang Islam*. International Law Book Services, 1998.

_____. *Perkahwinan Dan Perceraian Di Bawah Undang-Undang Islam*. Penerbit International Law Book Services, 2002.

Paizah Ismail. *Kekeluargaan Islam Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah*. Penerbit Universiti Malaya, 2003.

Bab Dalam Buku

Daud Muhammad. “Kahwin Lari Di Malaysia: Perspektif Umum Dan Penilaian.” Dalam *Undang-Undang Keluarga Dan Prosedur*, ed. Najibah Mohd Zin et.al., 4-8. Selangor: Jabatan Undang-Undang Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2009.

Ibrahim Lembut. “Kesalahan-Kesalahan Dalam Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri Di Malaysia.” Dalam *Manual Undang-Undang Keluarga Islam*, ed. Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi. 279-280. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2006.

Ishak Mohammad. “Kahwin Lari: Pengalaman Majlis Agama Selatan Thailand (Narathiwat).” Dalam *Undang-Undang Keluarga Dan Prosedur*, ed. Najibah Mohd Zin et al., 37. Selangor: Jabatan Undang-Undang Islam, Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2009.

Mahammad Ariffin. “Kahwin Lari: Masalah Dan Penyelesaiannya.” Dalam *Undang-Undang Keluarga Dan Prosedur*, ed. Najibah Mohd Zin et.al., 11-18. Selangor: Jabatan Undang-Undang Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2009.

Md. Hashim Yahaya. “Anak Tak Sahtaraf Dari Perspektif Islam.” Dalam *Undang-Undang Keluarga Dan Prosedur*, ed. Najibah Mohd Zin et al. 41. Selangor: Jabatan Undang-Undang Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2009.

Noor Aziah Mohd Awal. “Kahwin Lari Dan Poligami: Respons Wanita Dan Implikasi Undang-Undang.” Dalam *Isu-Isu Wanita Di Malaysia*, ed. Noraziah Ali Jawiah Dakir. 211. Selangor: International Law Book Services,2008.

Noraini Mohd Hashim. “Prosedur Dan Pendaftaran Perkahwinan.” Dalam *Undang-Undang Keluarga (Islam)*, ed. Najibah Mohd Zin et al. Jilid ke-14. 1-39. Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007.

Raihanah Abdullah. “Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia: Satu Sorotan Literatur.” Dalam *Mahkamah Syariah di Malaysia Pencapaian dan Cabaran*, ed.Ahmad Hidayat Buang. 125. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.

_____. “Prosedur Perkahwinan.” Dalam *Undang-Undang Islam Di Malaysia Prinsip Dan Amalan*, ed. Ahmad Hidayat Buang. 3. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007.

Artikel

Abu Bakar Ahmad. “Kaedah Pendaftaran Nikah Luar Negeri Bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan,” *Jurnal Hukum* 21, 2 (2006).

Ahmad Hidayat Buang. “Reformasi Undang-undang Keluarga Islam,” *Jurnal Syariah* 15, 1 (Januari 1997).

Ahmad Hidayat Buang. “Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia”, *Jurnal Syariah* 10, 1 (2002): 40-41.

Amir Husin Md Nor, Siti Safwati Binti Mohd Shari. "Faktor Penyebab Perkahwinan Tanpa Kebenaran Di Luar Negara: Satu Kajian Di Mahkamah Syariah Muar," *Jurnal Syariah* 14, 2 (Julai-Disember 2006):145.

Amran Awaluddin. "Kes Pernikahan Tanpa Izin: Isu dan Cabaran," *Jurnal ILIM* 3, (2010): 107.

Mek Wok Mahmud. "Opinions Of Contemporary Muslim Jurists On The Registration Of Marriages", *Journal Of Islam In Asia*. Issue No 2 (2011): 447.

Nurhidayah Muhd. Hashim. "Kedudukan Wali Berdasarkan Hukum *Fiqh* Dan Peruntukan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia," *Jurnal Tasawwur Islam* 6, (2004).

Rahimin Affandi Abd Rahim, Paizah Ismail, Norhayati Mohd Dahlal. "Reformasi Undang-undang Keluarga Islam Di Malaysia : Satu Analisis Terhadap Gagasan Konsep Fiqh Semasa," *Jurnal Syariah* 16, 2 (2008).

Raihanah Abdullah. "Antara Hak Suami dan Hak Isteri Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia," *Jurnal Syariah* 11, 1(Januari 2003): 131-144.

Siti Fatimah Abdul Rahman. "Poligami Di Malaysia : Peruntukan Dan Perlaksanaan," *Jurnal Ikim* 6, 1 (1998).

Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah. "Formaliti Dan Prosedur Perkahwinan," *Jurnal Syariah* 4, 2 (1996).

Kertas Kerja Persidangan

Haliza A.Shukor, Nabilah Yusof, Intan Nadia Ghulam Khan dan Hasnizam Hashi, "Kahwin Lari: Satu Cadangan Keperluan Hukuman Alternatif," (Proceeding of the Global Conference on Business, Economics and Social Sciences, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 2013).

Hazizan Mat Desa, "Perkahwinan Tanpa Kebenaran : Kajian Kes Di Mahkamah Syariah Di Alor Setar, Kedah Darul Aman" (Disertasi, Jabatan Fiqh Usul Bahagian Pengajian Syariah Akedemi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2003).

Rujukan Akhbar

"Imam Dalang Poligami Ekspress Digantung Tugas," *Harian Metro*, 7 Mei 2014, 6.

Najibah Mohd Zin, "Mahar Wajib Dalam Perkahwinan," *Kosmo!*, 14 November 2014, 27.

Yatimin Abdullah, "30 pasangan Malaysia kahwin di Thailand setiap hari," *Kosmo!*, 19 September 2013, 1-2.

Waziha Wahid, “Bapa Terkejut Anak Berkahwin Dengan Pemuda Bangladesh,” *Kosmo!*, 3 Disember 2013, 14.

Laman Sesawang

Asyraf Wajdi Dusuki, “Pemurnian Makna Perkahwinan”, laman sesawang *Sinarharian*, dikemaskini 10 Disember 2014, dicapai 13 Disember 2014,
<http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/dr-asyraf-wajdi-dusuki/pemurnian-makna-perkahwinan-1.340522>

“Pengantin Budak”, laman sesawang *Mymetro*, dikemaskini 22 November 2011, dicapai 31 Disember 2012, <http://www.hmetro.com.my/articles/Pengantinbudak/Article>

Siti Shamsiah Binti Md Supi, “Fatwa Perlu Bagi Masalah Kahwin Lari”, laman sesawang *ikim*, dicapai pada 4 Jun 2013, <http://www.ikim.gov.my/index.php/en/utusan-malaysia/7721-fatwa-perlu-bagi-masalah-kahwin-lari>

Syukri Shaari, “Kaji Kurikulum Pendidikan Islam,” laman sesawang *Utusan Online*, dikemaskini 13 November 2013, dicapai 20 November 2013,
http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131113/dn_02/Kaji-kurikulum-pendidikan-Islam

Yip Yoke Teng, “Dadah Jenis Baharu Mungkin Punca Kematian Remaja Di Konsert,” laman sesawang *Mstar*, dikemaskini 24 Mac 2014, dicapai 25 April 2014,
<http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2014/03/24/dadah-jenis-baharu/>